

# **JURNAL** **PSIKOLOGI DAN KAUNSELING** **JOURNAL OF PSYCHOLOGY AND COUNSELLING**



TAHUN 2024 . JILID 1 . BILANGAN 13 . ISSN 1985-3602

**Keberkesanan Modul Kesejahteraan Diri (MKD) Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pegawai  
Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia**

Salmiah binti Monshie

Maheran binti Alias

Mazli Sham binti Abdullah (Ph.D)

Zuraihan binti Abu Bakar

Mohd Hafiz bin Mat Hussin

**Hubungan Tahap Kebimbangan (*Anxiety*) Dan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah**

Nur Sha Ema binti Bakar

**Tekanan Dan Status Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar IPTA Di Ipoh, Perak**

Mohamad Faizel bin Ali (Ph.D)

Fatin Nuralissan binti Abu Samah

**Hubungan Permainan Video Atas Talian Terhadap Prestasi Kerja Penjawat Awam**

Noor Hazwani binti Ahmad Muwarni

Ezatul Arni binti Zolkpli

Mariyamah binti Sainudin

Fazilah binti Che Din

Irham Affandy bin Ab Rahim

**Faktor Sosialisasi dan Tingkah Laku Buli Remaja Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah**

Suhaili bin Sulaiman

**Tahap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Seremban**

Affaiza binti Dawam

Marzatul Marializa binti Noruddin

Nurmala binti Kasdanon

**Tahap Minat Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan**

Norakmar binti Abd Rashid,

Halimatun Saadiyah binti Ahmad Usuldin

**Amalan Keberkesanan Kepimpinan Di Sekolah. Pandangan Guru Sekolah Pedalaman**

Mohd Hairi bin Mahat

Chong Fung Yen@Azilina Chong

**Hubungan Antara Tekanan Dengan Daya Tindak Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat  
Di Daerah Muallim**

Muhammad Nur Naim bin Abdul Rehman

**Tinjauan Cabaran Pelajar Baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak**  
Yip Hiong Chang

Hakcipta Terpelihara:

Jurnal Psikologi dan Kaunseling diterbitkan setiap tahun oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan yang diterbitkan adalah di dalam Bahasa Melayu. Pandangan para penulis dalam jurnal ini, tidak mewakili pandangan Bahagian Psikologi dan Kaunseling atau Kementerian Pendidikan Malaysia. **Tidak dibenarkan menyalin** bahagian artikel, ilustrasi dan isi mana-mana kandungan buku Jurnal Psikologi dan Kaunseling ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun **sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.**

Alamat surat-menyurat:

Koleksi Jurnal Penyelidikan Psikologi dan Kaunseling Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1, Blok E9, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

Telefon: 03 88721681

Faks: 03 88721680

Reka bentuk dan dicetak oleh:

FABULOUS FIVE RESOURCES

Lot 1742, No 10-8,

Jalan Cengal Taman Setapak,

53000 Kuala Lumpur

Hakcipta Bahagian Psikologi dan Kaunseling 2024

<b>Kandungan</b>	ii
<b>Sidang Pengarang</b>	iv
<b>Pengenalan Ringkas</b>	v
<b>Dari Meja Penyunting</b>	vi
<b>Keberkesanan Modul Kesejahteraan Diri (MKD) terhadap Kesesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia</b>	1-20
Salmiah binti Monshie Maheran binti Alias Mazli Sham binti Abdullah (Ph.D) Zurairhan binti Abu Bakar Mohd Hafiz bin Mat Hussin	
<b>Hubungan Tahap Kebimbangan (Anxiety) Dan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah</b>	21-48
Nur Sha Ema binti Bakar	
<b>Tekanan Dan Status Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar IPTA Di Ipoh, Perak</b>	49-62
Mohamad Faizel bin Ali (Ph.D) Fatin Nuralissan binti Abu Samah	
<b>Hubungan Permainan Video Atas Talian Terhadap Prestasi Kerja Penjawat Awam</b>	63-82
Noor Hazwani binti Ahmad Muwarni Ezatul Arni binti Zolkpli Mariyamah binti Sainudin Fazilah binti Che Din Irham Affandy bin Ab Rahim	
<b>Faktor Sosialisasi dan Tingkah Laku Buli Remaja Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah</b>	83-102
Suhaili bin Sulaiman	

<b>Tahap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Seremban</b> Affaiza binti Dawam Marzatul Marializa binti Noruddin Nurmala binti Kasdanon	103-116
<b>Tahap Minat Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan</b> Norakmar binti Abd Rashid, Halimatun Saadiah binti Ahmad Usuldin	117-140
<b>Amalan Keberkesanan Kepimpinan Di Sekolah. Pandangan Guru Sekolah Pedalaman</b> Mohd Hairi bin Mahat Chong Fung Yen@Azilina Chong	141-160
<b>Hubungan Antara Tekanan Dengan Daya Tindak Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Muallim</b> Muhammad Nur Naim bin Abdul Rehman	161-180
<b>Tinjauan Cabaran Pelajar Baharu Di Kolej Matrikulasi Sarawak</b> Yip Hiong Chang	181-192
<b>Biodata penulis</b>	193-199

## **SIDANG PENGARANG**

### **Penaung**

Puan Hajah Salmiah Binti Monshie  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Psikologi dan Kuanseling

### **Penasihat**

Puan Maheran Binti Alias  
Timbalan Setiausaha Bahagian  
(Cawangan Pembangunan Strategik)

### **Ketua Editor**

Dr. Hajah Mazli Sham binti Abdullah  
Ketua Penolong Setiausaha(Ketua Unit)

### **Penolong Editor**

Puan Zuraihan binti Abu Bakar  
Encik Mohd Hafiz bin Mat Hussin  
Dr.Nordiana binti Abd Rahim

### **Pewasit**

Raba' Aton Adawiah @ Robiah Binti Mohd Yusif, Ph.D (UMT)  
Suhaili Binti Arifin, Ph.D (UMT)  
Badruddin Bin Hassan, Ph.D (IPGKDRI)

### **Urusetia**

Umi Sarina Binti Abdullah

## PENGENALAN RINGKAS

### **Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Ditubuhkan secara rasminya pada 1 Mac 2008 dengan memainkan peranan untuk memenuhi aspirasi merealisasikan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Pengurusan Psikologi Versi 1.0 (2022) : Pengurusan Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam Lampiran PO.3.1.1(E) Aplikasi Penyelidikan Psikologi. Hasrat ini seiring dengan visi BPsK iaitu Peneraju, Pemerkasaan Kesejahteraan Insan dan juga misi BPsK dalam Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Untuk Memperkembangkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara.

#### **Objektif penubuhan BPsK adalah untuk:**

1. Menyedia dan menguruskan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti;
2. Memberi kesedaran kepada warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian;
3. Meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optimum dan berterusan;
4. Menyediakan pendidikan kesihatan dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan;
5. Melestarikan kelangsungan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada *stake-holder*.

Dalam usaha untuk memantapkan modal insan maka sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda serta warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran global. Sehubungan itu, objektif dan peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) dari aspek Psikologi dan Kaunseling perlulah merentasi semua inisiatif yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tersebut serta disiplin kerja di KPM itu sendiri. Kaunselor Pendidikan perlulah berusaha melengkapkan diri untuk sama-sama berperanan membantu warga KPM dalam menjayakan PPPM. Pelaksanaan aktiviti BPsK yang menjurus kepada aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan perlu diterjemahkan menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan modul, sesi kaunseling, ujian psikometrik, klinik kaunseling bergerak, sarana psikososial dan sebagainya. Komitmen dan usaha yang berterusan mampu meningkatkan kualiti profesionalisme kaunselor organisasi BPsK ke arah menjamin kesejahteraan modal insan pada masa kini dan untuk masa hadapan.



## **DARI MEJA PENYUNTING**

Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kaunseling bilangan ketiga belas ini merupakan kompilasi hasil kajian dan penulisan para kaunselor dan juga pengamal-pengamal kaunseling yang sentiasa mencari sesuatu pembaharuan dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Jurnal ini memuatkan artikel berbentuk hasil penyelidikan daripada Kaunselor-kaunselor Pendidikan, ahli-ahli psikologi sama ada psikologi kaunseling, psikologi pendidikan atau bidang-bidang yang menjurus kepada psikologi kaunseling itu sendiri. Perkara ini selaras dengan objektif penerbitan jurnal iaitu memberi peluang kepada para penyelidik dalam bidang psikologi dan kaunseling untuk berkongsi pengalaman melalui penulisan yang diterbitkan. Hasil penerbitan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pembaca termasuk pengamal bidang psikologi dan kaunseling.

Penyelidikan merupakan satu kaedah untuk mendapatkan penyelesaian terhadap sesuatu persoalan yang berlaku. Aspek memahami sesuatu persoalan merupakan langkah pertama bagi menangani sesuatu masalah. Justeru penyelidikan membolehkan kita lebih memahami masalah yang dihadapi, memahami isu yang kita perhatikan serta bergerak secara progresif ke arah penambahbaikan secara berterusan. Budaya penyelidikan yang beretika, bersifat saintifik dan empirikal wajar menjadi amalan agar dapat menghasilkan satu kajian yang berimpak tinggi. Penghasilan jurnal ini merupakan sebahagian daripada proses penyelidikan yang berlaku.

Budaya penyelidikan perlu diterapkan dalam kalangan pengamal perkhidmatan psikologi dan kaunseling bagi menggalakkan lebih banyak penerbitan pada masa akan datang. Hasil penyelidikan dikongsi bersama dengan pengamal kaunseling dan penyelidik yang lain yang akan meningkatkan profesionalisme perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Malaysia. Pihak sidang editor jurnal mengalu-alukan hasil penulisan ilmiah sama ada berbentuk konseptual atau penyelidikan untuk dimuatkan di dalam jurnal seterusnya. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada para penyumbang artikel, pewasit, editor dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha memastikan jurnal ini berjaya diterbitkan.

Sekian, Salam Malaysia MADANI

**KETUA PENYUNTING**

## Keberkesanan Modul Kesejahteraan Diri (MKD) terhadap Kesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia

Salmiah Monshie<sup>1</sup>, Maheran Alias<sup>2</sup>, Mazli Sham Abdullah (Ph.D)<sup>3</sup>,

Zurairhan Abu Bakar<sup>4</sup> dan Mohd Hafiz Mat Hussin<sup>5</sup>

<sup>12345</sup>*Bahagian Psikologi Dan Kaunseling (BPsK)*

<sup>1</sup>*salmiah.monshie@moe.gov.my*, <sup>2</sup>*maheran.alias@moe.gov.my*, <sup>3</sup>*mazlisham@moe.gov.my*,

<sup>4</sup>*zurairhan.abakar@moe.gov.my*, <sup>5</sup>*hafiz.mathussin@moe.gov.my*

### Abstrak

*Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sebelum dan selepas intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD) serta meneroka pandangan ketua jabatan berkaitan perubahan tingkah laku peserta kajian dan melihat pandangan peserta terhadap Modul Kesejahteraan Diri. Kajian telah dijalankan di semua negeri di seluruh Malaysia dengan menggunakan reka bentuk eksperimental secara kuantitatif dan kualitatif. Seramai 1096 orang PPP dan 12 orang ketua jabatan dipilih secara persampelan bertujuan sebagai sampel kajian. Bagi proses pengumpulan data satu set soal selidik yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi telah diedarkan kepada sampel kajian yang mengukur lima tahap kesejahteraan di dalam Instrumen Kesejahteraan Psikologi (IKPsi) Pra dan Pasca Intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD) terhadap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) berdasarkan 80 item dan protokol temubual melihat keberkesanan program oleh ketua jabatan. Data di analisis secara deskriptif dengan menggunakan Statistical Package For Social Sciences (SPSS 27). Dapatan menunjukkan tahap kesejahteraan PPP pada ujian pra adalah sederhana iaitu 96.89 peratus dan 3.11 peratus pada tahap rendah. Selepas intervensi menggunakan MKD dapatan menunjukkan tahap kesejahteraan PPP meningkat iaitu tahap sederhana tinggi adalah 70.84 peratus dan tahap tinggi adalah 29.16 peratus. Kajian menunjukkan peningkatan pada tahap kesejahteraan psikologi PPP setelah mengikuti intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD). Dapatan temubual ketua jabatan menunjukkan tema kesejahteraan emosi dan psikologi, tanggung jawab dan perkembangan profesional dan hubungan sosial dan interpersonal peserta semakin baik selepas intervensi dan berpandangan Modul Kesejahteraan Diri menyeronokkan, memberi manfaat dan dapat memberi ruang untuk refleksi diri. Kajian ini diharapkan akan dapat memberi sumbangan teoritik dan praktikal dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan diri warga KPM.*

**Kata kunci:** Kesejahteraan, Modul Kesejahteraan Diri (MKD)

## Pengenalan

Kesejahteraan psikologi adalah elemen penting dalam memastikan individu dapat mengekalkan fungsi yang optimal dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk kerjaya, keluarga, dan komuniti. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini menggariskan bahawa kesejahteraan psikologi tidak hanya bermaksud ketiadaan masalah mental, tetapi merangkumi keupayaan individu untuk mencapai potensi penuh, menunjukkan daya tahan dalam menghadapi cabaran, produktif dalam pelbagai peranan harian, membina hubungan bermakna, dan menyumbang kepada masyarakat (WHO, 2024).

Dalam konteks pendidikan, kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sangat kritikal kerana ia berkait rapat dengan keupayaan mereka melaksanakan tanggungjawab mendidik secara berkesan (Ryff & Keyes, 1995). Golongan ini sering berhadapan dengan cabaran seperti beban kerja yang tinggi, tekanan untuk mencapai hasil pembelajaran pelajar, dan kekangan masa, yang boleh memberi kesan negatif kepada kesejahteraan mereka (Lazarus & Folkman, 1984). Tekanan kerja yang tidak terkawal boleh membawa kepada isu seperti keletihan emosi, kurang motivasi, dan menurunnya kualiti kehidupan profesional serta peribadi (Skaalvik & Skaalvik, 2018).

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan psikologi PPP, intervensi yang berstruktur seperti Modul Kesejahteraan Diri (MKD) diperkenalkan. MKD direka khusus untuk mengintegrasikan elemen-elemen kesejahteraan holistik termasuk kesejahteraan emosi, intelektual, fizikal, spiritual, perhubungan, identiti, dan kewangan. Pendekatan ini penting kerana kesejahteraan individu bukan sahaja merangkumi ketiadaan tekanan tetapi juga pencapaian potensi diri yang tinggi dan kebahagiaan dalam kehidupan (Diener et al., 2020).

Kajian keberkesanan intervensi MKD dijalankan bagi menilai sejauh mana modul ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi PPP sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, data dikumpulkan dan dianalisis untuk mengenal pasti perubahan tahap kesejahteraan dalam kalangan PPP yang terlibat. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengayaan literatur akademik tetapi juga menyediakan asas praktikal untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merangka strategi jangka panjang untuk meningkatkan kesejahteraan guru di seluruh negara. Hal ini sejajar dengan keperluan pendidikan moden untuk mewujudkan persekitaran kerja yang sihat, produktif, dan berkesan (Greenberg et al., 2021).

## **Pernyataan Masalah**

Kajian berkaitan dengan kesejahteraan psikologi guru pada masa kini sering mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Guru yang mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi bermotivasi tinggi dan lebih fokus terhadap kemajuan akademik pelajar mereka (Nadia & Faridah Mydin, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi guru sangat memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan pencapaian murid di sekolah. Hasil kajian Yahya et. al (2020) menyatakan bahawa apabila kesejahteraan psikologi guru terjejas, ianya akan memaksa guru untuk menyerah kepada tekanan, kesedihan, keletihan, dan mempunyai produktiviti yang rendah. Perkara ini sepadan dengan buku yang ditulis oleh Raja Kamariah (2003) yang menyatakan bahawa kesihatan psikologi seorang pekerja dipengaruhi secara negatif oleh tekanan, keletihan, kemurungan, dan rasa cemas.

Dalam hal ini, guru merupakan salah satu daripada kumpulan profesional yang tidak terkecuali daripada masalah kesihatan psikologi. Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) menyatakan bahawa trend guru bersara awal kini berada pada tahap yang membimbangkan dan menurut Kesatuan Guru Kebangsaan (2022) tekanan pengurusan merupakan salah satu punca guru bersara awal. Berdasarkan dapatan-dapatan kajian lepas, ianya menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru di Malaysia adalah tidak konsisten.

Kesejahteraan psikologi merupakan sesuatu yang bersifat multidimensional dan didefinisikan dalam pelbagai bentuk (Hupert & So., 2013 dalam Diener et al., 2010). Walaupun secara amnya, tiada definisi yang tunggal, namun terdapat kesepakatan umum bahawa individu yang sejahtera dari segi psikologi seharusnya mempunyai emosi yang positif (dimensi gembira, bahagia dan bersemangat); rendah emosi negatif (dimensi takut, bimbang dan berpuas hati dengan kualiti kehidupannya umum); pekerjaan, kekeluargaan dan berfungsi secara positif.

Modul Kesejahteraan Diri (reaksi dan tingkah laku) secara keseluruhan dibina untuk membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Modul ini dibina melibatkan lapan dimensi utama iaitu emosi, pekerjaan, fizikal, perhubungan, intelektual, spiritual, identiti dan kewangan. Dimensi ini yang menjadi asas kepada pembentukan modul yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi seperti mana yang terdapat pada model Ryff (1989), Model Hettler (1976) dan model Sweeney & Mayer (2003).

Justeru, guru-guru yang dikenal pasti mengalami isu berkaitan dengan kesejahteraan psikologi diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalani intervensi dengan menggunakan Modul Kesejahteraan Diri (MKD). Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui inisiatif #111: Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian bagi melihat impak Modul Kesejahteraan Diri (MKD) terhadap kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Program Kesejahteraan Diri (MKD) terhadap Kesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sebelum dan selepas intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD).
2. Meneroka kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) KPM menurut perspektif Ketua Jabatan.
3. Meneroka keberkesanan intervensi MKD menurut perspektif Ketua Jabatan.

### **Persoalan Kajian**

Berdasarkan daripada objektif kajian yang dinyatakan di atas, maka tiga persoalan dibina seperti berikut:

1. Apakah tahap kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sebelum dan selepas melalui intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD)?
2. Sejauh mana kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) KPM menurut perspektif Ketua Jabatan?
3. Sejauh mana keberkesanan intervensi MKD menurut perspektif Ketua Jabatan?

### **Kajian Lepas**

Para penyelidik dan sarjana mendapati bahawa kesejahteraan psikologi sangat mempengaruhi motivasi kerja individu. Perkara ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ibrahim Safari (2020) mendapati bahawa semakin rendah tahap keletihan fizikal, emosi dan mental yang dirasakan oleh guru semakin tinggi

tahap kepuasan kerja seseorang guru. Rendahnya tingkat kepuasan kerja guru mendorong keinginan mereka untuk meninggalkan kerjaya (Matveev 2021) dan pencapaian akademik yang lebih lemah serta motivasi pelajar yang tidak berkualiti (Madigan, & Kim, 2020). Perkara ini boleh menyebabkan kekurangan guru yang berkecukupan dan penurunan pencapaian pelajar. Oleh itu, kesejahteraan psikologi guru memberi kesan yang ketara kepada pembangunan pembelajaran (Jimenez, 2021).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Desti Kannaiah (2015) menyatakan bahawa penyesuaian diri merupakan salah satu bentuk adaptasi yang akhirnya akan membawa kepada lebih banyak penyesuaian sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologi. Oleh itu, pengkaji melihat aktiviti ‘ice breaking’ yang terkandung dalam Modul Kesejahteraan Diri (MKD) dapat meningkatkan kesejahteraan diri individu. Sementara itu Yana Sundayani et. al., 2017 menyatakan bahawa individu dapat menyesuaikan diri secara harmoni dengan persekitaran setelah melalui aktiviti ‘ice braking’. Penyataan ini disokong oleh Laila Wati et. al, 2018 yang menyatakan bahawa kemahiran ini menjadikan individu lebih berupaya menyesuaikan diri dengan situasi dan kondisi dengan berfikir secara objektif dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Kesejahteraan psikologi semakin diambil perhatian oleh masyarakat ramai (Khairani, Shamsuddin & Idris, 2019). Motivasi diri (Kotera & Ting, 2021), motivasi pencapaian (Shams, Nusrat & Sehar, 2017) dan kawalan emosi (Kraiss et al. 2020; Stevenson et al. 2019). Leong, Bahari dan Malik (2020), yang mendapati bahawa gangguan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga kerja di Malaysia boleh menjejaskan produktiviti dan ekonomi negara sehingga menyebabkan pembangunan negara terbantut. Alias (2022), menyatakan bahawa kesihatan mental yang baik merupakan sebahagian daripada keseluruhan kesejahteraan psikologi.

Bahkan banyak penemuan daripada kajian terdahulu menunjukkan kesejahteraan psikologi guru terjejas apabila mereka menghadapi kesukaran dengan perancangan dan penyesuaian pembelajaran (Mayasari et al., 2022). Meskipun pentingnya kesihatan mental, namun menurut Rosni Wazir (2020) kesedaran tentang hal itu masih rendah dalam masyarakat. Masih ramai yang tidak menyedarinya, menafikannya, tidak berlapang dada, sebaliknya berfikiran negatif mengenainya. Kajian yang dijalankan oleh Manak Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin (2020) menunjukkan kefahaman guru terhadap kesejahteraan psikologi adalah tidak mencukupi kerana kurangnya pendedahan terhadap masalah ini di sekolah.

## **Metodologi Kajian**

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk eksperimen dan menggunakan Modul Kesejahteraan Diri (MKD) sebagai alat intervensi yang dibangunkan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) KPM. Intervensi MKD ke atas sampel yang mendapat skor sederhana ke bawah dalam Ujian Saringan 1 Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi) seluruh Malaysia.

### **Sampel Kajian**

Kajian melibatkan 1,096 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan pengetua dari lima zon di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Persampelan bertujuan digunakan untuk memilih 322 responden yang memenuhi kriteria. Zon kajian merangkumi Zon Utara (Perak, Kedah), Zon Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan), Zon Pantai Timur (Pahang), Zon Selatan (Melaka), dan Zon Borneo (Sabah, Sarawak).

### **Instrumen**

Instrumen terdiri daripada soal selidik yang mengandungi 80 item berskala Likert 5 mata, untuk mengukur tahap kesejahteraan PPP Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi) dan protokol temubual untuk melihat perubahan Tingkah Laku peserta dan keberkesanan modul (10 item). Kebolehpercayaan alat kajian diuji menggunakan analisis Alpha Cronbach dengan nilai melebihi 0.8, menunjukkan ketekalan tinggi. Borang soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian: Bahagian A: Maklumat Demografi, Bahagian B: IKPsi Pra dan Pasca dan Bahagian C: Tingkah laku peserta dan keberkesanan modul.

### **Analisis Data**

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27 secara deskriptif (peratusan). Soal selidik MKD diedarkan sebelum dan selepas program, manakala instrumen tingkah laku dan Inventori Kesejahteraan Psikologi diberikan semula tiga bulan selepas program. Data temu bual dianalisis secara manual dengan analisis tema dengan nilai kesahan 0.8.

## Dapatan Kajian

### Objektif 1: Mengenal pasti Tahap Kesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan (PPP) sebelum dan selepas intervensi MKD,


Analisis maklum balas soal selidik bahagian B memfokuskan kepada dapatan Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi) Pra dan Pasca Intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD) terhadap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) diukur berdasarkan 80 item. Tahap kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) ujian pra berada pada tahap sederhana dengan nilai 96.89 peratus dan 3.11 peratus pada tahap rendah. Manakala tahap kesejahteraan psikologi PPP ujian pasca menunjukkan tahap sederhana tinggi dengan nilai 70.84 peratus dan 29.16 peratus PPP pada tahap tinggi.

Hal ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan ujian pra dan pasca bagi kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) selepas menjalani intervensi Modul Kesejahteraan Diri. Taburan tahap kesejahteraan psikologi responden adalah seperti dalam Jadual 1 dan Rajah 1:

**Jadual 1: Tahap Kesejahteraan Psikologi Pegawai Pehidmatan Pendidikan**

Tahap Kesejahteraan Psikologi (IKPsi)	Ujian	
	Pra	Pasca
Tinggi	0	29.16
Sederhana Tinggi	0	70.84
Sederhana	96.89	0
Sederhana Rendah	0	0
Rendah	3.11	0

Skor Peratusan	Tahap
81 - 100	Tinggi
61 - 80	Sederhana Tinggi
41 - 60	Sederhana
21 - 40	Sederhana Rendah
0 - 21	Rendah



**Rajah 1: Tahap Kesejahteraan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Menggunakan Modul Kesejahteraan Diri (MKD)**

**Objektif 2: Meneroka perubahan tingkah laku Pegawai Perkhidmatan Pendidikan menurut perspektif Ketua Jabatan selepas intervensi MKD.**

Analisis dapatan kajian ini memfokuskan kepada dapatan temu bual yang dijalankan untuk meneroka perubahan tingkah laku Pegawai Perkhidmatan Pendidikan menurut perspektif Ketua Jabatan selepas intervensi MKD. Temu bual dijalankan ke atas 12 orang responden daripada 5 zon yang berbeza dari seluruh negara.

Jadual berikut menunjukkan tema dan subtema hasil dari temu bual yang dijalankan:

**Jadual 2: Perubahan tingkah laku PPP menurut perspektif Ketua Jabatan selepas Intervensi MKD**

Tema	Subtema	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Kesejahteraan Emosi dan Psikologi	Rasa Gembira	/			/	/	
	Bersikap Terbuka	/				/	

Tema	Subtema	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Tanggungjawab dan Perkembangan Profesional	Komited						
	Bertanggungjawab		/				/
	Cemerlang		/	/			
	Kualiti Kerja	/		/			
Hubungan Sosial dan Interpersonal	Komunikasi				/		
	Kerjasama						
Kesedaran Kendiri	Pengurusan Emosi						
	Ketahanan Diri						

Tema	Subtema	PK 7	PK 8	PK 9	PK 10	PK 11	PK 12
Kesejahteraan Emosi dan Psikologi	Rasa Gembira			/	/		/
	Bersikap Terbuka				/		/
Tanggungjawab dan Perkembangan Profesional	Komited	/			/		
	Bertanggungjawab		/		/		
	Cemerlang				/		/
	Kualiti Kerja	/	/	/			
Hubungan Sosial dan Interpersonal	Komunikasi		/	/	/		
	Kerjasama		/	/			
Kesedaran Kendiri	Pengurusan Emosi				/	/	
	Ketahanan Diri						/

## 1. Kesejahteraan Emosi dan Psikologi

### Rasa Gembira

Rasa gembira adalah elemen utama dalam kesejahteraan emosi dan psikologi, yang memberikan banyak manfaat kepada individu. Emosi positif ini membantu mengurangkan tekanan dan kebimbangan individu. Ia bukan sahaja meningkatkan mood, tetapi juga memperbaiki kesihatan mental secara keseluruhan. Selain itu, rasa gembira memudahkan interaksi sosial, mendorong hubungan yang lebih baik dan sokongan dari orang sekeliling. Ia juga merangsang kreativiti dan produktiviti, membolehkan individu berfikir dengan lebih terbuka dan inovatif. Dalam menghadapi cabaran, pengalaman gembira sebelum ini dapat bertindak sebagai penampan, mempercepat proses pemulihan emosi. Secara ringkasnya,

menumbuhkan rasa gembira adalah kunci untuk mencapai kesejahteraan emosi yang lebih baik, membawa manfaat bukan hanya kepada individu tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan.

Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual bersama responden.

*“Tiga hari selepas intervensi, saya nampak dia happy.” (R1)*

*“Beliau kelihatan lebih ceria dan dapat bergaul dengan guru-guru lain tanpa menunjukkan ciri-ciri rasa tertekan berbanding dahulu.” (R9)*

### **Bersikap Terbuka**

Bersikap terbuka merupakan faktor penting dalam kesejahteraan emosi dan psikologi. Sikap ini melibatkan penerimaan terhadap pandangan, pengalaman, dan perasaan orang lain, yang membawa kepada beberapa manfaat utama. Sikap keterbukaan memudahkan komunikasi dan membina kepercayaan, mengurangkan konflik dalam hubungan sosial. Dengan bersikap fleksibel dan positif, individu dapat mengatasi cabaran dengan lebih baik, mengurangkan tekanan dan kebimbangan. Secara keseluruhan, bersikap terbuka menyokong kesejahteraan emosi dan psikologi dengan memperkukuh hubungan, meningkatkan penerimaan diri, dan mempromosikan pertumbuhan.

Perkara ini dibuktikan dengan dapatan berikut:

*“Cikgu tu ada bercerita dia sentiasa bergelumang dengan masalah interpersonal sebab tak dapat nak mengasingkan antara masalah personal. Apabila dalam kehidupan berlaku perceraian, dialah ibu dan dialah bapa. Oleh itu, perlu susun semula jadual yang sesuai dengan jarak antara rumah dengan sekolah.” (R5)*

*“Cikgu tersebut ada berkongsi berkenaan dengan emosinya.” (R12)*

## **2. Tanggungjawab dan Perkembangan Profesional**

### **Komitmen**

Komitmen adalah elemen penting dalam tanggungjawab dan perkembangan profesional. Sikap ini merangkumi dedikasi dan kesungguhan individu terhadap tugas dan matlamat yang ditetapkan. Individu yang komited lebih cenderung untuk mencapai matlamat peribadi dan organisasi, kerana mereka berusaha secara konsisten dan berfokus. Komitmen yang tinggi sering berkait rapat dengan kepuasan kerja yang lebih baik, yang seterusnya mengurangkan tekanan sekaligus dapat meningkatkan produktiviti. Secara keseluruhan, komitmen adalah kunci untuk mencapai tanggungjawab profesional dan memajukan diri dalam kerjaya.

Hal ini didapati dari hasil temu bual yang dijalankan keatas ketua jabatan.

*“Tingkah laku dan kerja dia semakin konsisten” (R7).*

*“Dia tunjukkan komitmen yang sangat baik tanpa keluhan dan sebagainya” (R7).*

*“Guru ini dapat melaksanakan tugas dengan baik dan memberi kerjasama kepada semua pihak dalam melaksanakan sesuatu perkara” (R10).*

### **Bertanggungjawab**

Bertanggungjawab adalah elemen asas dalam tanggungjawab dan perkembangan profesional. Sikap ini merujuk kepada keupayaan individu untuk mengakui dan memenuhi tanggungjawab mereka dalam pekerjaan. Berikut adalah beberapa aspek penting. Individu yang bertanggungjawab membina kepercayaan dengan rakan sekerja dan majikan, yang meningkatkan kredibiliti dalam lingkungan profesional. Sikap bertanggungjawab akan mendorong individu untuk menghasilkan kerja yang berkualiti, memenuhi standard yang ditetapkan dan mengelakkan kesilapan. Sikap ini juga mendorong individu untuk mengambil inisiatif dalam pembelajaran dan pengembangan kemahiran, menjadikan mereka lebih kompeten dalam bidang mereka. Secara keseluruhan, sikap bertanggungjawab adalah kunci kepada kejayaan profesional dan pengembangan kerjaya yang berterusan.

*“Daripada tugasannya, dia naik kepada penyelarasan tingkatan. Cikgu tersebut menerima tugas yang diberikan” (R5).*

*“Beliau dapat menerima arahan dan nasihat ketua jabatan dan penolong-penolong kanan untuk melaksanakan tugas yang diberikan” (R8).*

*“Beliau dapat memahami budaya dan situasi sekolah dan dapat beradaptasi dengan tugas baru sebagai guru kanan” (R10).*

### **Cemerlang**

Cemerlang merujuk kepada prestasi yang tinggi dan pencapaian yang luar biasa dalam konteks tanggungjawab dan perkembangan profesional. Individu yang cemerlang menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi, memenuhi atau melebihi jangkaan yang ditetapkan. Sikap cemerlang mendorong efisiensi dalam proses kerja, membolehkan penyelesaian masalah yang lebih cepat dan efektif. Individu cemerlang lazimnya dapat memimpin dan memberi inspirasi kepada rakan sekerja dan mempromosikan budaya kecemerlangan dalam persekitaran kerja. Secara keseluruhan, kecemerlangan dalam tanggungjawab profesional adalah kunci kepada kejayaan individu dan kemajuan dalam kerjaya.

*“Dia sangat cemerlang lah sehingga dapat anugerah perkhidmatan cemerlang daripada Puan GB kan. Maksudnya betul-betul cemerlang lah cikgu”*(R2).

*“Alhamdulillah saya masih boleh bagi dia markah 90 pun saya boleh bagi untuk markah prestasi. Maksudnya ada perubahanlah”*(R3).

*“Dia seorang yang cemerlang lah. Saya tengok dia punya potensi dalam pengurusan”*(R12).

### **Kualiti Kerja**

Kualiti kerja merujuk kepada tahap kecekapan dan keunggulan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab profesional. Kualiti kerja yang tinggi melibatkan ketepatan dalam memenuhi spesifikasi dan kecekapan dalam menyelesaikan tugas dengan cara yang efisien. Individu yang menekankan kualiti kerja mampu mencapai hasil yang optimum. Individu dapat meningkatkan potensi diri melalui kualiti kerja yang baik dan secara langsung akan mempengaruhi kepuasan pelanggan, membina reputasi positif bagi individu dan organisasi. Secara keseluruhan, kualiti kerja adalah asas untuk mencapai tanggungjawab profesional yang efektif dan perkembangan kerjaya yang berterusan.

*“Lepas itu dia buat inovasi waktu RBT dan berjaya pula dalam pertandingan inovasi tu. Bagi saya itu prestasi dia memang positif”*(R1).

*“Saya juga lihat beliau boleh mengajar dengan baik dan murid-murid suka dengan pengajarannya di dalam kelas”*(R9).

## **3. Hubungan Sosial dan Interpersonal**

### **Komunikasi**

Komunikasi adalah kunci dalam membina dan memelihara hubungan sosial dan interpersonal. Melalui komunikasi yang efektif, individu dapat menyampaikan perasaan dan emosi mereka dengan jelas, yang membantu dalam memahami satu sama lain. Individu dengan kemahiran komunikasi yang baik pastinya dapat menyampaikan pengertian dan empati antara individu, membolehkan mereka untuk merespons dengan lebih sensitif terhadap keperluan dan pandangan orang lain sekaligus akan membina kepercayaan dan kedekatan dalam hubungan. Secara keseluruhan, komunikasi yang baik adalah asas untuk hubungan sosial yang positif dan interaksi interpersonal yang berkesan.

*“Pegawai ini tidak lagi tegaskan pendirian sebagai seorang senior malah dia dapat membawa bincang bersama”*(R8).

*“Sekarang sikapnya lebih baik dan suka bergaul dan berkomunikasi dengan guru lain” (R10).*

*“Guru ini perlu banyak bergaul dengan guru lain supaya dirinya tidak berasa kesunyian” (R10).*

### **Kerjasama**

Kerjasama merujuk kepada kemampuan seseorang untuk bekerja secara harmoni dengan orang lain melalui komunikasi yang berkesan dan sokongan timbal balik. Selepas intervensi modul dijalankan, kerjasama melibatkan keterbukaan dalam berinteraksi dan kesediaan menerima serta melaksanakan tugas secara kolektif berlaku dengan baik dalam kalangan peserta. Pegawai perkhidmatan pendidikan bersama-sama dalam melaksanakan tugas dan berkongsi tanggungjawab, dengan tujuan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta kesejahteraan persekitaran sekolah. Melalui kerjasama, guru boleh menyelaras strategi pengajaran untuk memastikan pengalaman pembelajaran pelajar lebih berkesan dan konsisten. Secara keseluruhan, kerjasama dari aspek hubungan sosial dan interpersonal merangkumi sokongan antara satu sama lain, kesediaan berkongsi tugas, serta membina hubungan yang mesra dan kondusif untuk menggalakkan komunikasi dan interaksi yang lebih baik di tempat kerja.

Perubahan peserta ini dapat dilihat melalui temubual yang dijalankan.

*“Pegawai ini dapat membuat kerja secara memberi kerjasama dengan rakan-rakan kerja serta menerima apa-apa tugas yang diberikan” (R8).*

*“Tingkah laku beliau lebih baik berbanding dahulu yang sering bersendirian dan kurang bercakap” (R9).*

## **4. Kesedaran Kendiri**

### **Pengurusan Emosi**

Pengurusan emosi merujuk kepada kemampuan peserta mengenal, memahami, dan mengurus emosi diri sendiri dengan lebih baik. Peserta sedar akan keperluan peribadi, termasuk kepentingan menjaga kesihatan mental melalui pengambilan ubat dan berinteraksi dengan orang sekeliling. Ia melibatkan keupayaan mengenali tanda-tanda tekanan, mengakui keperluan untuk mendapatkan bantuan, dan mengambil langkah proaktif dalam menjaga kestabilan emosi. Hal ini membolehkan individu memahami bagaimana emosi mempengaruhi tingkah laku, membuat keputusan yang tepat, dan mengatur tindak balas terhadap cabaran kehidupan.

*“Beliau sedar bahawa dirinya perlu mengambil ubat selalu untuk mengawal emosi dan perasaan dirinya. Dia dah dapat berkongsi perasaan dan pengalaman yang dialami dengan orang sekeliling” (R9).*

### **Ketahanan Diri**

Ketahanan diri merujuk kepada keupayaan individu untuk mengenal, memahami, dan mengurus emosi ketika berhadapan dengan cabaran, tekanan, atau krisis dalam kehidupan. Ia melibatkan keinsafan terhadap kekuatan dan kelemahan diri, serta kebolehan untuk bangkit daripada kegagalan atau situasi sukar dengan sikap yang lebih positif. Perubahan dari aspek ketahanan diri menunjukkan bahawa peserta program semakin sedar akan kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri dengan tekanan emosi dan situasi mencabar dengan lebih berkesan. Individu perlu sedar akan emosi dan perasaan yang dialami. Dengan kesedaran ini, mereka boleh mengenal pasti faktor pencetus emosi negatif dan mengawal reaksi mereka.

*“Resilience dan ketahanan diri dari segi emosi tu nampak bertambah baik selepas intervensi modul ini dijalankan” (R12).*

### **Objektif 3: Meneroka keberkesanan intervensi MKD menurut perspektif Ketua Jabatan**

Kajian ini meneroka pandangan ketua jabatan terhadap aktiviti intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD). Data yang diperolehi di analisis berdasarkan tiga tema utama, iaitu menyeronokkan, manfaat, dan refleksi diri terhadap keberkesanan modul ini. Jadual 3 menunjukkan tema dan subtema terhadap penilaian program menggunakan Modul Kesejahteraan Diri (MKD) daripada pandangan Ketua Jabatan.

**Jadual 3: Aktiviti Intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD)**

<b>Tema</b>	<b>Subtema</b>
Menyeronokkan	Aktiviti Menarik Meningkatkan Kefahaman Meningkatkan Motivasi
Manfaat	Kemahiran Penyelesaian Masalah Perkongsian Sumber Maklumat Memenuhi keperluan pengguna
Refleksi Diri	Ekspresi Emosi

### **Menyeronokkan**

Modul Kesejahteraan Diri (MKD) telah dinilai melalui beberapa aspek utama yang berkaitan dengan perasaan menyeronokkan peserta. Antara faktor yang menyumbang kepada tahap keseronokan ini termasuklah keunikan aktiviti yang dijalankan. Aktiviti-aktiviti tersebut dinilai sebagai menarik oleh pengguna, dengan keberkesanan dalam meningkatkan kefahaman peserta terhadap konsep kesejahteraan diri. Modul ini turut dilihat sebagai instrumen penting dalam meningkatkan motivasi individu untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sejahtera. Hal ini menunjukkan kepentingan elemen menyeronokkan dalam menilai kejayaan sesuatu modul dalam proses intervensi kesejahteraan diri.

### **Manfaat**

Modul ini juga telah dinilai dari segi manfaat dalam membantu pengguna membangunkan kemahiran penyelesaian masalah. Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam modul ini memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari kaedah penyelesaian masalah secara praktikal dan berkesan. Selain itu, perkongsian sumber maklumat yang relevan turut memudahkan pengguna untuk mencapai matlamat modul, iaitu untuk memenuhi keperluan kesejahteraan mereka. Penggunaan bahan-bahan sokongan yang bersifat interaktif dan informatif menambah nilai kepada modul ini sebagai alat pembelajaran yang bermanfaat.

### **Refleksi Diri**

Dari sudut refleksi diri, Modul Kesejahteraan Diri (MKD) dapat membantu peserta mengekspresi emosi. Tema refleksi emosi merujuk kepada proses individu merenung dan memahami pengalaman emosi mereka sendiri. Dalam konteks ini, subtema ekspresi emosi melibatkan bagaimana seseorang menyatakan atau meluahkan emosi yang dirasakan, sama ada secara lisan, fizikal, atau melalui tingkah laku melalui intervensi aktiviti Modul Kesejahteraan Diri (MKD).

### **Rumusan dan Perbincangan**

Kajian ini menunjukkan keberkesanan intervensi Modul Kesejahteraan Diri (MKD) dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Analisis data menunjukkan bahawa sebelum intervensi, tahap kesejahteraan psikologi responden secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana, dengan peratus sebanyak 96.89 peratus. Walau bagaimanapun, selepas intervensi, terdapat peningkatan yang signifikan di mana kesejahteraan psikologi keseluruhan responden meningkat ke tahap sederhana tinggi dengan peratusan 70.84 peratus.

Peningkatan kesejahteraan ini melibatkan pelbagai dimensi seperti emosi, pekerjaan, fizikal, perhubungan, intelektual, spiritual, identiti, dan kewangan. Analisis terhadap data pasca intervensi menunjukkan bahawa 29.16 peratus responden berada pada tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi, manakala hanya 0 peratus responden pada tahap sederhana, 0 peratus pada tahap sederhana rendah dan 0 peratus pada tahap rendah. Perubahan positif ini membuktikan bahawa MKD berjaya meningkatkan kesejahteraan psikologi secara menyeluruh dalam kalangan PPP.

Manakala dapatan temu bual dengan analisis tema terhadap perubahan tingkah laku peserta menurut perspektif ketua jabatan iaitu meningkatkan kesejahteraan emosi dan psikologi yang mengesahkan keberkesanan MKD sebagai intervensi yang signifikan. Kesejahteraan emosi dan psikologi menghasilkan sub tema **rasa gembira** yang dicapai membantu peserta mengurangkan tekanan, membina daya tahan emosi, dan mendorong pemikiran kreatif. Pada masa yang sama, **sikap terbuka** menyokong penerimaan diri, memperbaiki komunikasi, dan membina hubungan sosial yang lebih kukuh. Kedua-dua sub tema ini mencerminkan keupayaan MKD untuk menyokong individu dalam menghadapi cabaran kehidupan dengan pendekatan yang lebih matang dan positif.

Analisis dapatan kajian melalui temu bual perubahan tingkah laku peserta yang menunjukkan keberkesanan MKD dengan tema tanggungjawab dan perkembangan profesional PPP terbukti melalui perubahan positif dalam empat sub tema. **Komitmen** yang meningkat memastikan peserta melaksanakan tugas dengan dedikasi tinggi, manakala **sikap bertanggungjawab** memperkukuh kredibiliti dan hubungan profesional. **Kecemerlangan** yang ditunjukkan membuktikan keupayaan peserta untuk melangkaui jangkauan profesional, sementara **kualiti kerja** memastikan hasil kerja yang optimum dan memuaskan semua pihak berkepentingan. Keempat-empat sub tema ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan profesional peserta tetapi juga menyumbang kepada pembangunan organisasi secara keseluruhan. Peningkatan prestasi dan sikap ini turut mencerminkan potensi MKD untuk memperkukuh ekosistem pendidikan yang lebih dinamik dan progresif.

Selain itu dapatan kajian temu bual berkenaan perubahan tingkah laku juga menghasilkan tema iaitu hubungan sosial dan interpersonal PPP. Hubungan sosial dan interpersonal ini menghasilkan sub tema **kemahiran komunikasi** yang dipertingkatkan membolehkan peserta berkomunikasi dengan lebih jelas dan empati, menggalakkan perbincangan yang lebih konstruktif serta hubungan sosial yang mesra. Pada masa yang sama, **kerjasama** yang kukuh mendorong suasana kerja yang harmoni, membolehkan PPP berkongsi tanggungjawab dengan lebih efektif dan menyelesaikan cabaran secara kolektif. Hubungan sosial dan

interpersonal yang lebih baik bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada organisasi secara keseluruhan. Interaksi yang positif mendorong suasana kerja yang kondusif, meningkatkan motivasi, dan menggalakkan produktiviti dalam kalangan warga sekolah.

Berdasarkan analisis dapatan temu bual berkenaan perubahan tingkah laku peserta iaitu tema kesedaran sendiri dan menghasilkan sub tema **pengurusan emosi** dan **ketahanan diri**, yang menunjukkan perubahan positif dalam tingkah laku dan perspektif peserta terhadap kesejahteraan diri mereka. Tema ini menceritakan bagaimana peserta semakin sedar akan pentingnya menjaga kesihatan mental dan emosi, serta bagaimana mereka menghadapi cabaran kehidupan dengan lebih berkesan selepas mengikuti program MKD.

Secara keseluruhannya, keberkesanan intervensi MKD menurut perspektif ketua jabatan terletak pada gabungan elemen menyeronokkan, manfaat praktikal, dan penekanan terhadap refleksi diri, menjadikannya alat intervensi yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan psikologi PPP.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa Modul Kesejahteraan Diri merupakan alat intervensi yang berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Intervensi ini tidak hanya menyumbang kepada kesejahteraan individu, tetapi turut memberi implikasi positif kepada sistem pendidikan secara keseluruhan. Justeru, pelaksanaan MKD secara sistematik dan meluas amat disarankan untuk menyokong pembangunan holistik tenaga kerja sektor pendidikan.

## Kesimpulan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa Modul Kesejahteraan Diri (MKD) merupakan alat intervensi yang berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Intervensi ini tidak hanya menyumbang kepada kesejahteraan individu, tetapi turut memberi implikasi positif kepada sistem pendidikan secara keseluruhan di mana Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lebih positif dan menjadi lebih produktif dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka di sekolah. Apabila guru mempunyai kesejahteraan psikologi yang baik maka sudah pasti murid-murid akan mengalami pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Tuntasnya, perkara ini sudah pasti menyumbang kepada pembentukan karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan berintegriti. Justeru, pelaksanaan MKD secara sistematik dan meluas amat disarankan untuk menyokong pembangunan holistik tenaga kerja sektor pendidikan. Hal ini bertepatan dengan aspek tujuh teras Kementerian Pendidikan iaitu kebajikan guru sebagai teras keberkesanan penyampaian pendidikan.

## Rujukan

- Batjo, N., & Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30-42.
- Diener, E., Oishi, S., & Tay, L. (2020). Advances in subjective well-being research. *Nature Human Behaviour*, 4(7), 687–694.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). *The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior*. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227-268.
- Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin. (2020). Kesedaran tentang masalah kemurungan dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 273–284. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-20>
- Gagne, M., Lavigne, G. L., & Forest, J. (2020). Savoring the present: The reciprocal influence between positive emotions and positive emotion regulation in everyday life. *PLOS ONE*, 15(6), e0234820. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0234820>
- Greenberg, M. T., Brown, J. L., & Abenavoli, R. M. (2021). Teacher stress and health: Effects on teachers, students, and schools. *School Psychology Review*, 50(2), 139–152.
- Hettler, B. (1976). *The Six Dimensions of Wellness*. National Wellness Institute.
- Huppert, F. A., & So, T. T. (2013). Flourishing across Europe: Application of a new conceptual framework for defining well-being. *Social Indicators Research*, 110(3), 837-861. <https://doi.org/10.1007/s11205-011-9966-7>
- Ibrahim, Safari. (2020). A Study on the Relationship Between Burnout and Job Satisfaction of Iranian EFL Teachers Working in Universities and Schools. on Efficiency and Responsibility in Education and Science. 13. 164-173. 10.7160/eriesj.2020.130401.
- Jmenez, E. C. (2021). Impact of Mental Health and Stress Level of Teachers to Learning Resource Development. *Shanlax International Journal of Education*, 9(2), 1-11. DOI: <https://doi.org/10.34293/education.V9i2.3702>

- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. New York:
- Morales-Rodríguez, F. M., Espigares-López, I., Brown, T., & Pérez-Mármol, J. M. (2020). The relationship between psychological well-being and psychosocial factors in university students. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(13), 4778. <https://doi.org/10.3390/ijerph17134778>.
- Madigan, D. J., & Kim, L. E. (2020). Does teacher burnout affect students? A systematic review of its association with academic achievement and student-reported outcomes. *International Journal of Educational Research*.101174. ISSN 1873-538X. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101714>.
- Ministry of Education Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan 2020*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Nadia Abdul Razak, & Faridah Mydin Kutty. (2021). Daya Tahan, Strategi Daya Tindak Serta Hubungannya Terhadap Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 171-179.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2010). *Laporan tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2010*. <https://www.pmo.gov.my>
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069–1081. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.57.6.1069>
- Raja Kamariah Raja Mohd Khalid. (2003). Kesejahteraan minda dalam organisasi. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Springer. Ryff, C. D., & Keyes, C. L. M. (1995). The structure of psychological well-being revisited. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69(4), 719–727.
- Sweeney, T. J., & Mayer, M. (2003). The wellness evaluation of lifestyle. *Journal of Counseling & Development*, 81(2), 190-198 <https://doi.org/10.1002/j.1556-6676.2003.tb00264.x>

- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2018). Teacher burnout: Job demands and resources as predictors of stability and change. *Journal of Educational Psychology, 110*(5), 787–800.
- Sze, W. Y., Surat, S., & Amat, S. (2022). Tekanan dan Cabaran Guru Terhadap Norma Baharu Semasa Pandemik Covid-19 di Sebuah Daerah Negeri Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 230–239. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1244>.
- WHO. (2024). Achieving well-being: A global framework for integrating well-being into public health utilizing a health promotion approach. Diakses daripada laman WHO.
- Wirawani Kamarulzaman & Wirawahida Kamarul Zaman. (2022). Teaching staff's general health status during the Covid-19 pandemic. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 4(1), 157–165.
- Yahya, N., Ishak, H. S., Rahim, N. A., & Usuldin, H. S. (2020). Kesejahteraan psikologi dan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru di Kementerian Pendidikan Malaysia. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling KPM*, 11, 1-32

## Hubungan Tahap Kebimbangan (*Anxiety*) Dan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah

Nur Sha Ema Bakar

Kolej Vokasional Langkawi  
G-30076688@Moe-Dl.Edu.My

### Abstrak

*Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan tahap kebimbangan (anxiety) dan motivasi pelajar sekolah menengah. Terdapat dua elemen motivasi dikaji dalam kajian ini iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kebimbangan (anxiety) dan tahap motivasi yang dimiliki oleh pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (anxiety) antara jantina dan bangsa pelajar sekolah menengah. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji hubungan kebimbangan (anxiety) dengan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen GAD-7 (General Anxiety Disorder) digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan pelajar dan Students Works Preference Inventory (SWPI) pula dipilih untuk mengukur tahap motivasi pelajar. Seramai 148 orang responden tingkatan empat telah dipilih menerusi persampelan rawak mudah sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan kebimbangan (anxiety) pelajar berada pada tahap rendah manakala motivasi intrinsik pelajar berada di tahap tinggi tetapi bagi motivasi ekstrinsik pelajar sekolah menengah berada di tahap sederhana. Dapatan kajian ini mendapati tiada perbezaan tahap kebimbangan (anxiety) pelajar sekolah menengah antara jantina dan bangsa. Hasil kajian menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan negatif antara kebimbangan (anxiety) dan motivasi intrinsik pelajar sekolah menengah. Namun, tiada hubungan yang signifikan bagi kebimbangan (anxiety) dan motivasi ekstrinsik pelajar sekolah menengah. Kesimpulannya, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada semua pihak yang terlibat untuk merancang intervensi bersesuaian kepada pelajar dalam isu kesihatan mental seperti kebimbangan (anxiety).*

**Kata Kunci:** *Kebimbangan (anxiety); motivasi intrinsik; motivasi ekstrinsik; pelajar sekolah menengah*

## Pengenalan

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia semenjak 2019 hingga kini telah memberi kesan kepada faktor kesihatan fizikal, mental, ekonomi dan sosial masyarakat. Malaysia juga tidak terlepas menerima dan perlu menghadapi bahang pandemik Covid-19. Hal ini telah menimbulkan pelbagai kesan negatif terhadap aspek perkembangan kognitif, afektif dan tingkah laku seseorang individu. Sebagaimana krisis yang dialami oleh masyarakat seluruh dunia, negara kita Malaysia juga turut mengalami peningkatan dalam isu-isu kesihatan mental antaranya kebimbangan. Kebimbangan merupakan satu masalah kesihatan mental yang didefinisikan sebagai satu bentuk kecelaruan yang mempunyai ciri-ciri utama seperti perasaan takut dan resah yang melampau dan tindakan-tindakan tidak menentu. Takut merupakan perasaan atau emosi yang wujud akibat daripada sesuatu ancaman yang benar seperti manusia berasa takut bila terserempak dengan seekor beruang yang lapar (APA-DSM-V 2013).

Namun, kebimbangan wujud hasil daripada pengamatan terhadap sesuatu ancaman yang mungkin wujud (*anticipation of future threat*). Jadi, emosi atau perasaan yang wujud akibat kebimbangan adalah sesuatu yang mengganggu kefungsi harian kerana terhasil daripada ancaman yang tidak nyata yang diandaikan oleh seseorang individu. Krisis berlaku apabila kebimbangan menjadi begitu teruk dan berpanjangan sehingga mula mengganggu dan memberi kesan buruk terhadap kefungsi seseorang individu.

Bagi pelajar, pandemik Covid-19 ini bukan sahaja memberikan kesan kepada tahap kebimbangan tetapi turut memberikan kesan kepada perubahan kaedah pembelajaran. Dalam kajian Er Xiao Hui et al (2021) mendapati pandemik Covid-19 yang memerlukan perubahan mendadak dan tidak dijangkakan, memahami konsep adalah perkara penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu beradaptasi dengan perubahan ini supaya dapat kekal meneruskan sesi pembelajaran semasa penularan wabak Covid-19. Pelajar perlu aktif dalam aktiviti pembelajaran bukan hanya menerima maklumat sahaja bagi menguasai pelajaran. Kebimbangan akan memberi kesan kepada tumpuan dan fokus pelajar sehingga menyebabkan berlakunya kesukaran sekaligus mengakibatkan penurunan prestasi pelajar terhadap pelajaran.

Perubahan yang berlaku dalam sesi pembelajaran ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada motivasi untuk belajar dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2001), motivasi pada asasnya boleh dikatakan sebagai satu dorongan dalaman yang dialami oleh seseorang individu. Asas perkataan motivasi diperolehi

daripada perkataan Latin yang bermaksud ‘untuk gerak’ dan inilah yang menjadi asas kepada konsep motivasi. Mengikut definisi Chaplin (1985) dalam Mahmood Nazar Mohamed (2001) menyatakan motivasi bermakna angkubah-angkubah yang digunakan untuk menerangkan tentang faktor-faktor dalaman organisma yang membangkitkan dan mengarah tingkah lakunya ke arah sesuatu matlamat.

Motivasi memainkan peranan penting dalam aspek pembelajaran seseorang pelajar bagi menggerakkan pelajar untuk kekal fokus dengan berusaha bersungguh-sungguh dalam akademik demi mencapai cita-cita selepas tamat pengajian di sekolah menengah. Tahap motivasi pelajar perlu dikenal pasti kerana ia akan mempengaruhi komitmen pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah apabila sesi pembelajaran bersemuka dilaksanakan selepas proses pembelajaran secara dalam talian (*online*) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tahap motivasi ini akan mempengaruhi sikap dan komitmen pelajar untuk meneruskan pembelajaran tanpa masalah kehadiran iaitu ponteng sekolah.

Oleh itu, kajian yang memberikan penekanan kepada mengenal pasti tahap kebimbangan pelajar penting dijalankan. Hal ini kerana tahap kesihatan mental yang baik dalam diri pelajar juga penting dalam membantu mereka menjalani proses pembelajaran semasa pasca pandemik ini. Tambahan lagi, motivasi pelajar untuk kekal bersemangat belajar juga perlu diterapkan dalam diri pelajar setelah pembelajaran bersemuka di sekolah. Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada hubungan antara kebimbangan dan motivasi belajar dalam kalangan pelajar.

### **Pernyataan Masalah**

Isu kesihatan mental telah menjadi perhatian hangat pelbagai pihak di negara kita sejak penularan wabak pandemik Covid-19. Sinar Harian pada 21 Mei 2019 yang bertajuk ‘Depresi Pembunuh Senyap Remaja Malaysia’ menyatakan bahawa kajian kesihatan mental kebangsaan 2017 membuktikan sekurang-kurangnya satu daripada sepuluh remaja pernah terfikir untuk membunuh diri dan berdepan dengan masalah tekanan perasaan. Manakala Harian Metro pula mengemukakan tajuk berita ‘Hampir 0.5 Juta warga Malaysia Kemurungan’ pada 10 Oktober 2020, dimana statistik kajian Kesihatan dan Modbiditi Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2019 mendapati 2.3 peratus rakyat Malaysia berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah mental.

Dalam satu kajian yang diterbitkan pada 2017 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan dengan pelajar sekolah menengah mendapati bahawa

satu dalam setiap lima orang mengalami kemurungan (18.3 %), dua dalam setiap lima orang dilanda simptom kebimbangan iaitu anxiety (39.7 %) dan satu dalam setiap 10 orang mengalami stres (9.6 %). Jika dilihat dalam konteks ini kita dapat melihat bahawa simptom keresahan ini merupakan sesuatu yang sangat kerap berlaku pada remaja atau pelajar sekolah pada masa ini berbanding dengan pelajar sekolah pada zaman dahulu. Walaupun begitu masyarakat pada hari ini masih belum dapat mengetahui tahap kesihatan mental sebenar kumpulan pelajar yang berusia 16 tahun atau di tingkatan empat mengalami masalah kebimbangan.

Melihat kepada angka yang membimbangkan iaitu 39.7 %, pelajar sekolah atau diklafikasikan sebagai remaja yang berusia di antara 13 hingga 17 tahun mengalami simptom kebimbangan atau anxiety di Malaysia. Ia memperlihatkan kepada kita bahawa kajian ini merupakan sesuatu yang sangat penting dan sangat diperlukan dalam mengesan masalah tersebut lebih awal agar ia tidak melarat menjadi masalah mental yang kronik yang akan membawa kepada gangguan tidur, kecelaruan afektif, kognitif dan tingkah laku seterusnya ke tahap bunuh diri. Aspek kebimbangan (*anxiety*) ini akan memberi kesan kepada pelajar untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian (*online*) dan seterusnya bersemuka apabila pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain daripada isu kesihatan mental seperti kebimbangan (*anxiety*), pelajar juga memerlukan tahap motivasi yang tinggi untuk kekal bersemangat dan berjaya dalam pelajaran. Pandemik Covid-19 ini bukan sahaja memberikan kesan kepada kesihatan mental pelajar tetapi turut menjejaskan motivasi mereka untuk belajar. Hal ini kerana pelajar terpaksa berhadapan dengan perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) daripada kaedah tradisional kepada sesi pembelajaran dalam talian (*online*). Perubahan kaedah PdP ini mampu memberikan kesan kepada motivasi pelajar untuk menjalani proses PdP secara normal. Hal ini dibuktikan oleh tajuk berita 'PdPr punca motivasi murid semakin menurun' hasil tulisan Mohd Nasarudin Parzi pada 19 Mei 2021 di akhbar Berita Harian yang menyatakan bahawa pelajar kini berdepan motivasi untuk belajar yang semakin menurun, walaupun mereka hadir ke kelas dalam talian tetapi ada kalanya tidak fokus dengan pembelajaran. Hal ini kerana tugas yang diberi tidak dihantar semula akibat masalah capaian internet, akses kepada gajet yang terhad dan komitmen ibu bapa yang tinggi terhadap kerjaya masing-masing.

Motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu pelajar menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan lebih berkesan dan cemerlang dalam pelajaran. Tambahan lagi, tahap motivasi pelajar berkemungkinan tidak stabil setelah terpaksa bertukar sesi pembelajaran secara

dalam talian (*online*) dan seterusnya kembali ke sesi persekolahan bersemuka semula setelah pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian yang mengenal pasti tahap motivasi pelajar semasa pasca PKP ini amat penting untuk dijalankan supaya gambaran tentang kesediaan pelajar menjalani semula sesi pembelajaran di sekolah. Tahap motivasi pelajar hebat diperbincangkan di pelbagai peringkat masyarakat akibat proses PdPr sejak tahun 2020 hingga 2021.

## **Tujuan Kajian**

Kajian yang mengkaji hubungan antara kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi dalam kalangan pelajar ini penting untuk dijalankan. Hal ini kerana tahap kesihatan mental ini akan mempengaruhi tahap motivasi pelajar sekolah menengah yang semakin menurun sehingga hilang minat belajar. Tahap kebimbangan (*anxiety*) yang tidak terkawal akan memberikan kesan kepada tahap motivasi pelajar dan seterusnya akan memberikan impak yang negatif terhadap kecemerlangan mereka dalam pelajaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah di Langkawi.
2. Mengkaji tahap motivasi pelajar sekolah menengah.
3. Mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan.
4. Mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa.
5. Mengkaji hubungan kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) pelajar sekolah menengah.

## **Persoalan Kajian**

Fokus kajian ini ialah berkaitan persoalan sama ada terdapat hubungan tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah. Maka bagi kajian ini, persoalan berikut perlu dijawab:

1. Apakah tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah?
2. Apakah tahap motivasi pelajar sekolah menengah?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan?

4. Adakah terdapat perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa?
5. Adakah terdapat hubungan kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) pelajar sekolah menengah?

## Hipotesis Kajian

Dengan itu, hipotesis nol (HO) telah dibentuk untuk menjawab objektif kajian ini iaitu:

HO<sup>1</sup> : Tiada perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan.

HO<sup>2</sup> : Tiada perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa.

HO<sup>3</sup> : Tidak terdapat hubungan kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi intrinsik pelajar sekolah menengah.

HO<sup>4</sup> : Tidak terdapat hubungan kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi ekstrinsik pelajar sekolah menengah.

## Kajian Literatur

Dalam satu kajian yang diterbitkan pada 2017 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa satu dalam setiap lima orang mengalami kemurungan (18.3 %), dua dalam setiap lima orang dilanda simptom kebimbangan (*anxiety*) (39.7 %) dan satu dalam setiap 10 orang mengalami stres (9.6 %). Jika dilihat dalam konteks ini kita dapat melihat bahawa simptom kebimbangan (*anxiety*) ini merupakan sesuatu yang sangat kerap berlaku pada remaja atau pelajar sekolah pada masa ini berbanding dengan pelajar sekolah pada zaman dahulu. Walaupun begitu masyarakat pada hari ini masih belum dapat mengetahui tahap kesihatan mental sebenar kumpulan pelajar yang berusia 16 tahun atau di tingkatan empat mengalami masalah kebimbangan.

Kajian Sundarasan et al. (2020) yang melibatkan 983 orang responden dalam kalangan pelajar di Malaysia mendapati sebanyak 20.4 %, 6.6 % dan 2.8 % pelajar mengalami kebimbangan di tahap minima kepada sederhana, sederhana teruk dan sangat teruk semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dapatan kajian dikukuhkan lagi oleh Baloran et al. (2020) dimana majoriti pelajar mengalami kebimbangan akibat wabak ini.

Dalam kajian Hui dan Rosalinda Rosli (2021) yang melibatkan 311 pelajar tingkatan empat di Johor Bahru mendapati pandemik Covid-19 yang

memerlukan perubahan mendadak dan tidak dijangkakan, memahami konsep adalah perkara penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu aktif dalam aktiviti pembelajaran bukan hanya menerima maklumat sahaja bagi menguasai pelajaran. Kebimbangan akan memberi kesan kepada tumpuan dan fokus pelajar sehingga menyebabkan berlakunya kesukaran sekaligus mengakibatkan penurunan prestasi pelajar terhadap pelajaran.

Bagi kajian Ghazali, Nik Mohd Rahimi dan Parilah (2016) menyatakan bahawa tahap kebimbangan 279 orang pelajar adalah tahap sederhana dan tiada kaitan signifikan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Hasil kajian ini disokong oleh Haizvanie dan Norzaini (2021) mendapati 242 orang pelajar sarjana dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempunyai tahap kesihatan mental yang baik dan tahap motivasi yang tinggi semasa mengikuti pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik Covid-19. Hal ini menunjukkan semakin baik tahap kesihatan mental iaitu termasuk kebimbangan (*anxiety*) maka tahap motivasi diri sama ada intrinsik dan ekstrinsik adalah semakin tinggi.

Menurut Nik Shahrul Nizan, Noor Fadhlina et al (2014), motivasi merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan dan kecemerlangan pelajar sekaligus memberikan kesan positif dalam pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang bermotivasi adalah pelajar yang menaruh minat untuk belajar dan berubah. Kajian terhadap 381 orang pelajar menunjukkan tahap kesedaran motivasi dalam kalangan pelajar berada di tahap sederhana tinggi. Muhammad Kamil (2001) dalam Nik Shahrul Nizan et al (2014) menyatakan bahawa motivasi dalaman pelajar sendiri yang boleh menghasilkan pembelajaran yang sempurna.

Sekiranya pelajar berada dalam tahap kebimbangan (*anxiety*) yang tinggi, kebarangkalian tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengukur perkaitan antara tahap motivasi dan kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah. Motivasi dalaman dan luaran adalah berkaitan dengan sesuatu tingkah laku sama ada memberikan kebaikan atau kecederungan untuk bertingkah laku negatif seperti mengalami kebimbangan (*anxiety*). Perkara ini dibuktikan oleh Deci dan Ryan (1985) dimana motivasi intrinsik dan ekstrinsik adalah selari dalam mengukur penilaian terhadap manusia berdasarkan Work Preferences Inventory (WPI).

## **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang melibatkan proses korelasi. Korelasi adalah salah satu teknik statistik yang digunakan untuk mencari hubungan antara dua pemboleh ubah atau lebih yang bersifat kuantitatif. Kajian

ini menggunakan korelasi bivariat iaitu mengkaji hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah.

Dalam kajian ini, satu soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengkaji hubungan tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah. Dalam kajian ini, tahap kebimbangan (*anxiety*) adalah pemboleh ubah tidak bersandar manakala dan motivasi adalah pemboleh ubah bersandar.

Latar belakang populasi kajian ini tertumpu kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri, Langkawi, Kedah. Bilangan pelajar keseluruhan di sekolah ini adalah seramai 1602 orang pelajar yang terdiri daripada 733 orang pelajar lelaki dan 869 orang pelajar perempuan iaitu daripada tingkatan satu hingga ke tingkatan enam. Oleh itu, populasi kajian terdiri daripada 239 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mahsuri, Langkawi, Kedah. Dalam kajian ini, jadual persampelan Krejcie dan Morgan digunakan untuk menentukan ukuran sampel. Oleh itu, seramai minimum 148 orang pelajar tingkatan empat perlu dipilih sebagai sampel kajian ini.

Kaedah persampelan rawak mudah untuk memilih responden dalam kajian ini. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah ini kerana untuk mengelakkan diri daripada bersikap berat sebelah dan memastikan setiap responden berpeluang untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Proses rawak mudah telah dimulakan mengikut senarai nama pelajar dan setiap pelajar telah diperuntukkan dengan bilangan yang berbeza. Kemudian, jadual persampelan rawak telah digunakan untuk memilih nombor sehingga pengkaji mendapat sampel yang mencukupi.

Dalam kajian ini, data telah dikumpulkan melalui instrumen kajian dari data primer yang diperolehi melalui kajian tinjauan. Instrumen kajian dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Tahap Kebimbangan (*anxiety*) dan Bahagian C: Tahap motivasi. Bagi Bahagian A: Demografi dimana responden dikehendaki menjawab latar belakang peribadi mereka dalam soal selidik. Bahagian ini terdiri daripada tiga maklumat demografi iaitu umur, jantina dan bangsa responden. Seterusnya Bahagian B: Kebimbangan (*anxiety*) iaitu instrumen GAD-7 (*General Anxiety Disorder*) yang mengandungi tujuh item. Item instrumen GAD-7 ini dibuat dan disahkan oleh Dr. Robert L. Spitzer (2006). Soal selidik ini menggunakan skala likert antara 0 hingga tiga yang mewakili kekerapan yang dialami oleh responden yang menjawab dan mewakili simptom kebimbangan (*anxiety*). Ketujuh-tujuh

item adalah kata negatif yang perlu dikenalpasti kekerapan simptom kebimbangan (*anxiety*) yang dialami oleh responden. Hasil Alpha Cronbach's bagi soal selidik ini adalah 0.80 dan telah disahkan oleh Kurt Kroenke, Robert L. Spitzer, Janet B W Williams, Patrick O Monahan dan Bernd Lowe (2007). Berikut adalah jadual 3.4.2 menunjukkan skala likert yang telah digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan responden.

**Jadual 1: Skala Likert Instrumen GAD-7**

<b>Pernyataan</b>	<b>Skala</b>
Tidak pernah sama sekali ( <i>not at all</i> )	0
Beberapa hari ( <i>several days</i> )	1
Lebih dari seminggu ( <i>more than half the days</i> )	2
Hampir setiap hari ( <i>nearly everyday</i> )	3

Tujuh item dalam instrumen ini adalah dalam versi Bahasa Melayu iaitu yang telah digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk ditadbir kepada semua pelajar sekolah menengah di Malaysia bagi instrumen saringan minda sihat bermula tahun 2020.

Manakala Bahagian C puala adalah soal selidik untuk mengukur tahap motivasi pelajar sekolah menengah yang digunakan dalam kajian ini adalah Students Works Preference Inventory (SWPI). Instrumen ini telah dibina oleh Amabile (1987) bagi mengukur tahap motivasi individu. Terdapat dua bahagian dalam instrumen ini iaitu mengukur motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Instrumen ini mengandungi 30 item seperti jadual 2.

**Jadual 2: Pecahan Item Instrumen Motivasi SWPI**

<b>Pecahan Instrumen</b>	<b>No. item</b>	<b>Jumlah soalan</b>
<b>Motivasi Intrinsik</b>		15
1. Cabaran	3, 5, 9, 11, 13, 14, 26	
2. Keseronokan	7, 8, 17, 20, 23, 27, 28, 30	
<b>Motivasi Ekstrinsik</b>		15
1. Luaran	1, 2, 5, 12, 15, 18, 21, 24, 25, 29	
2. Ganjaran	4, 10, 16, 19, 22	
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>

Instrumen ini menggunakan skala likert lima mata iaitu dalam kontinuum 1 mewakili sangat tidak setuju hingga 5 iaitu sangat setuju. Skor yang ditetapkan bagi mewakili skala likert ini adalah merujuk jadual 3.

**Jadual 3: Skor Skala Likert Instrumen Motivasi**

<b>Tahap</b>	<b>Skor</b>
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Item yang terdapat dalam instrumen motivasi ini terdiri daripada item positif dan negatif dimana item berbentuk positif adalah 25 item manakala item berbentuk negatif hanya lima item sahaja. Jadual 4 menunjukkan pecahan item positif dan negatif instrumen motivasi ini.

**Jadual 4: Pecahan Item Positif Dan Negatif Instrumen Motivasi**

<b>Jenis Item</b>	<b>Nombor Item</b>
Item Positif	2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30
Item Negatif	1, 9, 14, 16, 22

Kaedah pengiraan skor bagi instrumen motivasi ini adalah merujuk Jadual 5 berikut.

**Jadual 5: Skor Intrumen Motivasi**

<b>Jawapan Skala Likert</b>	<b>Skor Item Positif</b>	<b>Skor Item Negatif</b>
Sangat tidak setuju	1	5
Tidak setuju	2	4
Tidak pasti	3	3
Setuju	4	2
Sangat setuju	5	1

Instrumen kajian juga diedarkan kepada pelajar secara talian melalui link google form kepada pelajar. Kajian ini menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25 untuk menganalisis dapatan kajian. Data deskriptif dan statistik inferensi telah digunakan untuk menjawab semua persoalan kajian untuk mencapai objektif kajian ini. Data deskriptif dan statistik inferensi telah digunakan untuk menjawab semua persoalan kajian untuk mencapai objektif kajian ini.

Data deskriptif telah digunakan untuk mengenal pasti tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) pelajar sekolah menengah. Selain itu, statistik deskriptif juga telah digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data demografi dan tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) pelajar sekolah menengah. Bagi menunjukkan taburan frekuensi dalam data demografi seperti jantina dan bangsa, pengkaji telah menggunakan peratusan untuk menjelaskannya. Hasil analisis akan dijelaskan melalui jadual.

Oleh itu, skor kekerapan dan min digunakan untuk mengenal pasti tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana kekerapan dan min dapat digunakan untuk mengenal pasti tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi dengan lebih cepat dan tepat.

Berikut adalah jadual 6 menunjukkan panduan permarkahan dan interpretasi tahap kebimbangan responden.

**Jadual 6: Panduan Permarkahan dan Interpretasi Tahap Kebimbangan**

Tahap	Jumlah Skor	Tindakan
Rendah	0 – 4	Intervensi Umum
Sederhana	5 – 9	$\geq 8$
Tinggi	10 – 14	Rujuk pegawai perubatan di klinik /
Sangat Tinggi	15 – 21	hospital selepas intervensi khusus (sesi kaunseling) dan saringan kali kedua.

Sementara itu, tahap motivasi pula diukur menggunakan analisis deskriptif dimana jumlah skor keseluruhan dibahagikan kepada tiga tahap seperti Jadual 7.

**Jadual 7: Jadual Penentuan Tahap Motivasi**

Skor	Kategori
1 – 25	Rendah
26 – 50	Sederhana
51 – 70	Tinggi

Data inferensi telah digunakan untuk meneliti hubungan antara kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) pelajar sekolah menengah mengikut jantina, tingkatan dan bangsa. Bagi menunjukkan hubungan, pengkaji menggunakan korelasi Pearson. Korelasi digunakan untuk melihat hubungan tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah. Ujian t digunakan untuk mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) dengan jenis jantina. Manakala bagi mengenal pasti perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi mengikut bangsa, pengkaji menggunakan ANOVA. Hal ini kerana ia melibatkan tiga kumpulan iaitu Melayu, Cina dan India.

Hubungan antara tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi mengikut jenis jantina, tingkatan dan bangsa ditunjukkan oleh nilai (p) iaitu sama ada melebihi 0.05 atau kurang dari 0.05. Jadual 8 menunjukkan nilai (p) bagi menentukan samada terdapat hubungan bagi pemboleh ubah yang dikaji. Sekiranya nilai (p) melebihi 0.05, ini bermakna tiada hubungan antara pemboleh ubah, manakala jika kurang dari 0.05, ianya terdapat hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji.

**Jadual 8: Nilai (p) untuk melihat perbezaan antara pemboleh ubah**

Nilai (p)	Hubungan
< 0.05	Terdapat hubungan
> 0.05	Tiada hubungan

### Dapatan Kajian

Hasil analisis keputusan ini adalah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan yang telah dibincangkan yang terdiri daripada dua bentuk analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Bahagian analisis deskriptif digunakan untuk melihat kekerapan dan peratusan ke atas taburan jantina, bangsa, tahap kebimbangan dan tahap motivasi responden kajian. Manakala dalam analisis inferensi pula, pengkaji menggunakan Ujian-T, Ujian *One-Way* ANOVA dan Kolerasi Pearson R bagi menjawab persoalan-persoalan lain dalam kajian ini.

Seramai 148 orang pelajar tingkatan 4 dari sekolah menengah yang telah terpilih sebagai responden dalam kajian ini. Antara aspek demografi yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah jantina dan bangsa. Dapatan taburan data demografi responden tersebut dijelaskan berdasarkan jadual 9.

**Jadual 9: Taburan data jantina demografi responden**

Maklumat Demografi	Profil	Kekerapan (f)	Peratusan (n=148) %
Jantina	Lelaki	67	45.3
	Perempuan	81	54.7
Bangsa	Melayu	135	91.2
	Cina	8	5.4
	India	5	3.4

Berdasarkan jadual 9, taburan data responden kajian menunjukkan bahawa majoriti responden kajian terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 81 orang (54.7 %) berbanding hanya 67 orang pelajar lelaki bersamaan 45.3 %. Bagi demografi bangsa pula, taburan data responden terdiri daripada majoriti pelajar berbangsa Melayu iaitu seramai 135 orang (91.2 %) berbanding Cina dan India yang masing-masing hanya 8 orang (5.4 %) dan 5 orang (3.4 %) daripada jumlah keseluruhan responden kajian.

Berikut adalah analisis dapatan kajian berdasarkan objektif kajian. Terdapat lima objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini untuk dianalisis dapatan dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi.

**Objektif 1: Mengkaji tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah.**

Analisis deskriptif digunakan bagi menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian adalah berdasarkan jadual 10.

**Jadual 10: Tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah**

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Rendah	79	53.4
Sederhana	51	34.5
Tinggi	12	8.1

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Sangat Tinggi</b>	6	4.1
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>	<b>100</b>

Tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah terbahagi kepada empat tahap iaitu skor rendah (0-4), sederhana (5-9), tinggi (10-14) dan sangat tinggi (15-21). Hasil dapatan kajian ini, jadual 11 memperlihatkan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah adalah seramai 79 orang responden iaitu 53.4 % berada di tahap rendah, 51 orang responden bersamaan 34.5 % berada di tahap sederhana, manakala tahap tinggi dan sangat tinggi adalah masing-masing 12 orang (8.1 %) dan 6 orang (4.1 %) responden. Hal ini menunjukkan tahap kebimbangan (*anxiety*) keseluruhan pelajar sekolah menengah yang menjadi responden kajian adalah berada pada tahap rendah iaitu 79 orang pelajar bersamaan 53.4 %.

**Objektif 2: Mengkaji tahap motivasi pelajar sekolah menengah.**

Analisis deskriptif digunakan bagi menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap motivasi pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian adalah berdasarkan jadual 11.

**Jadual 11: Tahap motivasi pelajar sekolah menengah**

Tahap	Motivasi Intrinsik		Motivasi Ekstrinsik	
	Kekerapan	Peratusan (%)	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Rendah</b>	0	0	0	0
<b>Sederhana</b>	47	31.8	88	59.5
<b>Tinggi</b>	101	68.2	60	40.5
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>	<b>100</b>	<b>148</b>	<b>100</b>

Jadual 11 di atas menunjukkan dapatan kajian bagi tahap motivasi pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada dua elemen iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Berdasarkan jadual 11, kajian ini mendapati bahawa tahap motivasi intrinsik pelajar sekolah menengah adalah berada di tahap tinggi, dimana 101 orang pelajar iaitu 68.2 % daripada keseluruhan responden yang menjawab. Manakala selebihnya berada di tahap sederhana iaitu 47 orang pelajar bersamaan 31.8 % dan serta mencatatkan tiada yang berada di tahap rendah.

Berbeza dengan itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa motivasi ekstrinsik pula berada di tahap sederhana dengan catatan 88 orang pelajar iaitu 59.5 %. Manakala tiada rekod pelajar berada di tahap rendah dan selebihnya hanya berada di tahap tinggi iaitu 60 orang pelajar bersamaan 40.5 % daripada keseluruhan dapatan kajian.

### **Objektif 3: Mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan.**

Seterusnya, objektif ketiga adalah mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan ini memperjelaskan dapatan data secara kuantitatif berkaitan kajian yang dijalankan. Berikut adalah hipotesis kajian bagi objektif ini:

HO<sup>1</sup> : Tiada perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan.

Ujian T telah dilaksanakan bagi mengetahui sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara jantina iaitu lelaki dan perempuan. Hasil dapatan kajian ujian T bagi objektif ini diterangkan dalam jadual 12.

### **Jadual 12: Ujian T perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara jantina**

Jantina	N	Purata	Sisihan Piawai	T	F	Sig.
Lelaki	67	4.99	3.94	-.597	.476	.552
Perempuan	81	5.38	4.12			

**P > 0.05**

Berdasarkan dapatan kajian diatas, keputusan menunjukkan bahawa tiada terdapat perbezaan min bagi tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara jantina iaitu lelaki dan perempuan,  $t(146) = -0.597$ ,  $P > 0.05$ . Namun begitu, nilai min menunjukkan bahawa pelajar perempuan mengalami tahap kebimbangan (*anxiety*) lebih tinggi daripada pelajar lelaki iaitu masing-masing min, 5.38 dan 4.99. Oleh itu, hipotesis null yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara jantina iaitu lelaki dan perempuan diterima.

#### **Objektif 4: Mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa.**

Bagi objektif keempat ini iaitu mengkaji perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa. Objektif ini adalah berkaitan dengan hipotesis berikut:

$H_0^2$  : Tiada perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa.

Pengkaji telah menggunakan ANOVA untuk membandingkan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah bagi bangsa Melayu, Cina dan India. Kajian ini melibatkan majoriti responden yang terdiri daripada 135 orang pelajar sekolah menengah berbangsa Melayu dan selebihnya seramai lapan orang pelajar berbangsa Cina dan lima orang pelajar berbangsa India dengan catatan min masing-masing sebanyak 5.18, 3.88 dan 8.00.

**Jadual 13: Analisis Anova Tahap Kebimbangan (*anxiety*) mengikut bangsa**

	<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>Df</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>F</b>	<b>Sig.</b>
Antara kumpulan	53.311	2	26.655	1.658	0.194
Dalam kumpulan	2330.608	145	16.073		
<b>Jumlah</b>	<b>2383.919</b>	<b>147</b>			

**P > 0.05**

Analisis statistik menunjukkan tidak terdapat perbezaan min tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah yang signifikan berdasarkan kumpulan bangsa  $F(2, 145) = 1.658, p > 0.05$ . Nilai min bagi responden berbangsa Melayu, Cina serta India dan lain-lain adalah 5.18, 3.88 dan 8.00. Nilai signifikan adalah 0.194 di mana nilai tersebut lebih besar dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05.

Oleh itu, hipotesis nul yang dibina adalah gagal ditolak. Hal ini bermakna tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah tidak berbeza secara signifikan berdasarkan kumpulan bangsa. Sementara itu, responden bangsa India dilihat berkecenderungan dapat mengawal tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah berbanding dengan responden bangsa lain kerana nilai min dicatatkan adalah agak tinggi iaitu 8.00.

**Objektif 5: Mengkaji hubungan kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah.**

Sementara itu, objektif kelima kajian ini adalah mengkaji hubungan kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah. Berikut adalah hipotesis kajian bagi objektif ini iaitu:

HO<sup>3</sup> : Tidak terdapat hubungan kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah

Pengkaji perlu menggunakan analisis kolerasi untuk menguji hubungan antara dua pemboleh ubah. Ukuran untuk menentukan darjah perkaitan ialah pekali kolerasi. Kolerasi Pearson digunakan untuk mengukur perkaitan linear di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar untuk menunjukkan arah (positif atau negatif) dan kekuatan setiap hubungan yang wujud. Menurut Elmes et al (2006), penafsiran kekuatan perkaitan di antara pemboleh ubah diperoleh berdasarkan Jadual 14.

**Jadual 14: Nilai Korelasi**

<b>Pekali Korelasi</b>	<b>Interpretasi Korelasi</b>
0.90 - 1.00	Hubungan yang sangat kuat
0.70 - 0.89	Hubungan yang kuat
0.50 - 0.69	Hubungan yang sederhana
0.30 - 0.49	Hubungan yang rendah
0.10 - 0.29	Hubungan yang sangat rendah
0.00 - 0.09	Tiada hubungan

Ujian Kolerasi Pearson dijalankan bagi mendapatkan nilai pekali kolerasi untuk mengkaji hubungan antara kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi pelajar sekolah menengah.

**Jadual 15: Korelasi Pearson Kebimbangan (*anxiety*) dengan Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik**

Perkara	N	Min	Sisihan Piawai	R	Sig
<b>Kebimbangan (<i>anxiety</i>)</b>	148	5.2027	4.02705	- 0.166*	0.44
<b>Motivasi Intrinsik</b>		53.7568	53.7568		
<b>Kebimbangan (<i>anxiety</i>)</b>	148	5.2027	4.02705	- 0.110	0.183
<b>Motivasi Ekstrinsik</b>		50.0743	50.0743		

**P > 0.05**

Jadual 15 di atas merupakan analisis korelasi Pearson yang menunjukkan hubungan kebimbangan (*anxiety*) terhadap motivasi yang dikategorikan kepada dua aspek iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Hasil kajian menunjukkan kebimbangan (*anxiety*) mempunyai hubungan negatif terhadap motivasi intrinsik. Tahap kebimbangan (*anxiety*) mempunyai hubungan negatif dan berkolerasi rendah terhadap tahap motivasi intrinsik  $r(146) = - 0.166$ ,  $P < 0.05$ . Oleh itu, hipotesis null diterima. Berbeza dengan itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa kebimbangan (*anxiety*) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi ekstrinsik  $r(146) = - 0.11$ ,  $P > 0.05$ . Maka, hipotesis null yang dibina akan turut diterima.

### Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan tahap kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi melihat perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) antara jantina dan bangsa pelajar sekolah menengah yang terlibat dan tahap motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) dalam kalangan pelajar. Terdapat dua bahagian dalam instrumen motivasi ini iaitu mengukur motivasi intrinsik (dalaman) iaitu cabaran dan keseronokan dan motivasi ekstrinsik (luaran) yang merangkumi aspek luaran dan ganjaran.

Berikut adalah perbincangan dapatan kajian yang dikaitkan dengan kajian-kajian lepas. Perbincangan dapatan kajian ini akan dibincangkan berdasarkan objektif kajian.

### **Tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah**

Kebimbangan (*anxiety*) dalam kajian ini adalah merujuk kepada *Generalized Anxiety Disorder (GAD)* dimana kebimbangan kronik yang bermula dengan rasa kluatir dan tekanan yang berlebihan serta mengalami gejala fisiologi seperti gelisah, kesukaran untuk fokus dan tidur serta lain-lain simptom. Dalam kajian ini, tahap kebimbangan (*anxiety*) para pelajar diukur menggunakan soal selidik *Generalized Anxiety Disorder (GAD)* bagi mengenal pasti tahap kebimbangan (*anxiety*). Antara ciri-ciri kebimbangan (*anxiety*) yang akan dikenal pasti dalam kajian ini adalah seperti kekerapan mempunyai perasaan resah, gelisah atau tegang, mempunyai masalah untuk bertenang, berasa rimas dan menjengkelkan dan berasa takut akan sesuatu yang buruk akan berlaku.

Berdasarkan analisis deskriptif yang dijalankan, dapatan kajian mendapati bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai tahap kesihatan mental yang rendah akibat pandemik Covid-19. Dimensi kebimbangan (*anxiety*) mempunyai skor min yang berada pada tahap rendah. Tahap kesihatan mental yang rendah membuktikan bahawa pelajar sekolah menengah berada dalam keadaan yang normal, baik dan terkawal.

### **Tahap motivasi pelajar sekolah menengah**

Terdapat dua bahagian dalam instrumen motivasi ini iaitu mengukur motivasi intrinsik (dalaman) iaitu cabaran dan keseronokan dan motivasi ekstrinsik (luaran) yang merangkumi aspek luaran dan ganjaran. Dalam kajian ini, tahap motivasi pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada dua elemen iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Kajian ini mendapati bahawa tahap motivasi intrinsik pelajar sekolah menengah adalah berada di tahap tinggi.

Perkara ini bertepatan dengan teori motivasi yang dikemukakan oleh Abraham Maslow dimana penyebab perubahan tingkah laku digerakkan oleh faktor-faktor dalaman individu berbanding faktor luaran atau sekeliling. Desakan untuk kelangsungan hidup seperti faktor sosial ekonomi atau kemiskinan menjadikan individu semakin bermotivasi untuk berjaya dalam kehidupan begitu juga dengan pelajar sekolah untuk mengubah keluarga supaya lebih baik dengan belajar bersungguh-sungguh.

Motivasi intrinsik adalah lebih tinggi berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan kepada pelajar sekolah menengah dan memperlihatkan bahawa pelajar tersebut mempunyai keyakinan dalaman diri yang kuat tanpa didorong oleh unsur-unsur luaran. Secara tidak langsung, motivasi intrinsik ini juga dipengaruhi oleh tahap kebimbangan (*anxiety*) diri pelajar. Apabila kebimbangan (*anxiety*) diri

pelajar berada di tahap rendah, maka motivasi intrinsik pelajar semakin tinggi. Berbeza dengan itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa motivasi ekstrinsik pula berada di tahap sederhana.

### **Perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan.**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara jantina iaitu lelaki dan perempuan. Namun, ia membuktikan hasil kajian tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah antara lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini mendapati tiada perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut jantina iaitu lelaki dan perempuan.

### **Perbezaan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah mengikut bangsa.**

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah berbeza secara signifikan berdasarkan kumpulan bangsa. Namun, responden bangsa India dilihat berkecenderungan dapat mengawal tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah berbanding dengan responden bangsa lain. Faktor bangsa dan latar belakang budaya mungkin mempunyai sedikit pengaruh terhadap tahap kebimbangan (*anxiety*) seseorang individu di samping kemungkinan perbezaan sosio ekonomi, latar belakang keluarga dan lokasi memainkan peranan terhadap hasil dapatan kajian.

### **Hubungan kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi intrinsik pelajar sekolah menengah.**

Hubungan kebimbangan (*anxiety*) terhadap motivasi yang dikategorikan kepada dua aspek iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Hasil kajian menunjukkan kebimbangan (*anxiety*) mempunyai hubungan negatif terhadap motivasi intrinsik. Tahap kebimbangan (*anxiety*) mempunyai hubungan negatif dan berkolerasi rendah terhadap tahap motivasi intrinsik. Motivasi intrinsik adalah lebih tinggi berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan kepada pelajar sekolah menengah dan memperlihatkan bahawa pelajar tersebut mempunyai keyakinan dalaman diri yang kuat tanpa didorong oleh unsur-unsur luaran. Secara tidak langsung, motivasi intrinsik ini juga dipengaruhi oleh tahap kebimbangan (*anxiety*) diri pelajar. Apabila kebimbangan (*anxiety*) diri pelajar berada di tahap rendah, maka motivasi intrinsik pelajar semakin tinggi.

Kajian ini menunjukkan bahawa semakin rendah kebimbangan (*anxiety*), akan semakin tinggi motivasi intrinsik. Antara langkah bagi mengawal kebimbangan (*anxiety*) dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah pihak

sekolah terutamanya Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) perlu memainkan peranan yang sangat penting iaitu menyediakan ruang dan peluang secukupnya kepada pelajar untuk berkongsi segala isu yang mengganggu kognitif, afektif dan tingkah laku diri mereka dengan menggunakan pendekatan sokongan psikososial yang dikendalikan oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Selain itu, kempen kesedaran penjagaan diri dari segi pengurusan emosi, fizikal dan disiplin diri perlu diperkemaskan dan diperluaskan supaya pelajar memperoleh maklumat yang tepat secara lebih berkesan. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar. Apabila tahap kebimbangan (*anxiety*) diri pelajar berada di tahap yang rendah, maka ia dapat membantu meningkatkan motivasi intrinsik diri pelajar.

Motivasi intrinsik ini adalah motivasi dalaman diri seseorang pelajar yang menyukai cabaran dan keseronokan dalam melakukan sesuatu perkara. Motivasi intrinsik adalah keinginan atau semangat yang kuat dalam diri seseorang pelajar yang mendorong dirinya untuk berusaha atau melakukan sesuatu perkara dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

Dalam konteks seseorang pelajar, jika tahap kebimbangan (*anxiety*) berada pada tahap yang rendah, maka ia akan meningkatkan tahap motivasi intrinsik diri pelajar dalam menghadapi cabaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) norma baharu akibat pandemik wabak Covid-19 yang mengubah corak pembelajaran tradisional kepada penggunaan aplikasi teknologi. Tahap kebimbangan (*anxiety*) yang rendah dapat memudahkan penyesuaian diri pelajar menghadapi perubahan dalam aspek pembelajaran kerana motivasi intrinsik semakin meningkat.

### **Hubungan kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi ekstrinsik pelajar sekolah menengah.**

Berbeza dengan itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa kebimbangan (*anxiety*) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi ekstrinsik yang memperlihatkan bahawa motivasi ekstrinsik pula berada di tahap sederhana. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kebimbangan (*anxiety*) pelajar sekolah menengah tidak mempunyai hubungan dengan motivasi ekstrinsik. Hal ini kerana faktor luaran dan ganjaran bukan lagi menjadi keutamaan pelajar sekolah menengah dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana ibu bapa, guru, pihak sekolah dan persekitaran telah memainkan peranan yang baik dalam menjamin kesejahteraan diri pelajar.

## Kesimpulan

Tahap kebimbangan (*anxiety*) dan motivasi iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar sekolah menengah adalah sangat penting dikaji dan dikenal pasti kerana semakin baik tahap kebimbangan (*anxiety*) semakin meningkat tahap motivasi diri pelajar dalam aspek pendidikan dan kehidupan sendiri. Menurut Rafidah Aga Ahmad Jaladin dan Aina Razlin Mohammad Roose (2020), kebimbangan (*anxiety*) merupakan salah satu kategori kecelaruan mental yang terdapat di dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder Fifth Edition (DSM-5)* yang mendefinisikannya sebagai satu bentuk kecelaruan yang mempunyai ciri-ciri utama seperti perasaan takut dan resah yang melampau dan tindakan tidak menentu. Takut merupakan perasaan atau emosi yang wujud akibat sesuatu ancaman yang benar. Kebimbangan yang wujud akan mengganggu kefungsiian harian kerana ia terhasil daripada ancaman yang tidak nyata yang diandaikan oleh seseorang individu. Oleh itu, tahap kebimbangan (*anxiety*) ini sekaligus akan mengganggu tahap motivasi diri sama ada motivasi intrinsik dan ekstrinsik.

Tuntasnya, kajian ini dapat mengukur dan mengenal pasti hubungan tahap kebimbangan (*anxiety*) dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik diri pelajar sekolah menengah. Apabila kebimbangan (*anxiety*) berada pada tahap yang rendah maka motivasi intrinsik diri pelajar akan meningkat. Perkara ini sangat penting kepada pihak sekolah terutamanya kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk cakna dan memainkan peranan yang sewajarnya agar pelajar dapat mengekalkan momentum dan prestasi diri dalam akademik terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di sekolah.

## Rujukan

- Abu Yazid Abu Bakar, Amla Mohd Salleh & Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim. (2017). *Pengujian dan Penilaian Psikologi dalam Kaunseling*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hazuad Salleh & Dini Rahiah Kadir. (2020). *Kajian Mengenai Hubungan Antara Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan dengan Trek Personaliti di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Indonesia: Universitas Negeri Medan.
- Baloran, E. T. (2020). *Knowledge, Attitudes, Anxiety, And Coping Strategies of Students During COVID-19 Pandemic*. *Journal of Loss and Trauma International Perspectives on Stress & Coping*, 25 (8). Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1080/15325024.2020.1769300>
- Deci & Ryan. (1985). *Self-determination moderates the effects of perceived competence on intrinsic motivation in an exercise setting*. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 21(4), 351-361. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1123/jsep.21.4.351>
- Deci, E & Ryan, R. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behavior*. New York: Plenum Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2011). *Self-determination theory. Handbook of theories of social psychology*. Thousand Oaks, CA: Sage, 416-437.
- Er Xiao Hui & Rosalinda Rosli. (2021). *Kebimbangan dan Efikasi Kendiri Terhadap Pembelajaran Matematik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (3), 41 - 53. Dimuat turun daripada <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.690>.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah (2016) *Kebimbangan Ujian Dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab Dalam Konteks Kemahiran Lisan*. *AJTLHE*, 2 (2), 50-63

- Haizvanie Muhamed Ganasan & Norzaini Azman. (2021). *Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19*. Jurnal Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6 (10), 25-40. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1100>.
- Jung-Yu Liao, Li-Chun Chang, Hsiao-Pei Hsu, Chiu-Mieh Huang, Su-Fei Huang & Jong-Long Guo. (2017). *Intergrates theory of planned behavior with extrinsic motivation to predict intention not to use illicit drugs by fifth-grade students in Taiwan*. Journal of Child & Adolescent Substance Abuse, vol 0, 1-9.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep & Prosedur*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall, M. (1996). *Sampling for qualitative study*. *Family Practice*, 13(6), 522-526. doi: 10.1093/fampra/13.6.522
- Maslow, A. (1962). *Toward a Psychology of Being*. Princeton, NJ: Van Nostrand.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2021). *PdPr punca motivasi murid semakin menurun*. Diperolehi dari <https://www.msn.com/en-my/news/berita/pdpr-punca-motivasi-murid-belajar-semakin-menurun/ar-BB1gTZXm>
- Mohd Nizan Sudin. (2020). *Pengaruh Corak Komunikasi Keluarga Terhadap Motivasi Belajar Pelajar Berisiko Dadah*. Thesis Sarjana: Universiti Utara Malaysia.

- Mohd Suhaimi Mohamad & Rozita Ibrahim. (2018). *Perbezaan Gender Tekanan Psikologikal dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah*. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21 (1), 55-66
- Muhammad Kamil Mat Zin. (2001). *Minat dan Motivasi Pelajar Terhadap Matapelajaran Pendidikan Islam KBSM: Satu Tinjauan ke atas Pelajar Tingkatan 4 di SMK Tanjung Adang Gelang Patah, Johor Bharu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nidal Drissi, Ayat Alhmoudi, Hana Al Nuaimi, Mahra Alkhyeli, Shaikha Alsalami & Sofia Ouhbi. (2020). *Investigating the Impact of Covid-19 Lockdown on the Psychological Health of University Students and Their Attitudes Toward Mobile Mental Health Solutions: Two-Part Questionnaire Study*. *JMIR Formative Research*, 4(10), 1-14.
- Nik Shahrul Nizan Mohamed, Noor Fadhlina Nawawi, Ajmain @ Jimain Safar & Kamarul Azmi Jasmi. (2014). *Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhazirah Mustaffa. (2020). *Mengatasi kebimbangan semasa pandemik covid-19 dengan pendekatan Teori Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT)*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11), 10-16.
- Nur Akalili Mohd Amin & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). *Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (2), 344-361. Dimuat turun daripada <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Nurul Riduan Nor Ashaha. (2019). *Depresi-pembunuh-senyap-remaja-Malaysia*. Kumpulan Karang kraf: Sinar Harian. Diperolehi dari <https://www.sinarharian.com.my/article/29093/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Depresi-pembunuh-senyap-remaja-Malaysia>
- Odrizola Gonzalez, Planchueloeka Gomez, Irurtia & De Luis. (2020). *Psychological effects of the COVID-19 outbreak and lockdown among students and workers of a Spanish University*. National Library of Medicine: National Center for Biotechnology Information. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2020.113108>

- Peng, S. M. & Shahlan Surat. (2021). *Kajian Tinjauan Sistematis: Pandemi Covid-19: Impak Terhadap Kesihatan Mental Pelajar*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 1(2), 98-108.
- Rafidah Aga Mohd Jaladin & Aina Razlin Mohammad Roose. (2020). *Intervensi Krisis dalam Hubungan Menolong*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rasidah Rashid. (2007). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/6527/1/RasidahRashidMFP2007.pdf>
- Roslan Abd Shukor. (2016). *Rahsia Kejayaan Menulis Jurnal Berimpak Tinggi Buku dan Tesis*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozmi Ismail. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ryan, R.M., & Deci, E.L. (2000). *Intrinsic and extrinsic motivations: classic definitions and new directions*. Contemporary Educational Psychology, 25(1), 54–67.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall Sdn. Bhd.
- Shamshuritawati Sharif. (2019). *Statistics for NonStatisticians: Basic Guide to SPSS*. Ayer Hitam, Kedah: Khazanah Darul Aman.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian & Penilaian dalam Kaunseling: Teori & Aplikasi*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Statistics for Mean Averages. (2017). Retrieved from <https://www.statpac.com/statwastics-calculator/means.htm>
- Sundarasen, S., Chinna, K., Kamilah Kamaludin, Mohammad Nurunnabi, Gul Mohammad Baloch, Heba Bakr Khoshaim, Syed Far Abid Hossain & Sukayt, A. (2020). *Psychological Impact of COVID-19 and Lockdown among University Students in Malaysia: Implications and Policy Recommendations*. International Journal of Environmental Research and Public Health. Dimuat turun daripada <https://www.mdpi.com/1660-4601/17/17/6206>.
- Suraya Roslan. (2020). *Hampir 0.5 Juta warga Malaysia Kemurungan*. *Harian Metro*. Diperolehi dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/629299/hampir-05-juta-warga-malaysia-kemurungan>.
- Yahaya, A., Voo, P., Maakip, I., & Malek, M. D. A. (2017). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang UPSI.
- Yahaya, A., Hashim, S., Yusof Boon, J. R., & Hamdan, A. R. (2007). *Penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Selangor: PTS Professional Publications Sdn. Bhd.
- Yang, Y., Li W., Zhang, Q., Zhang, L., Cheung, T., & Xiang, Y.T. (2020). *Mental health services for older adults in China during the Covid-19 outbreak*. *Lancet Psychiatry*, 7, e19.
- Yingfei Zhang & Zheng Feei Ma. (2020). *Impact of the COVID-19 Pandemic on Mental Health and Quality of Life among Local Residents in Liaoning Province, China: A Cross-Sectional Study*. International Journal of Environmental Research and Public Health 17(7):2381. Dimuat turun dari <https://www.mdpi.com/1660-4601/17/7/2381>
- Wan Hafidzull Wan Rashid, Che Ghani Che Kob & Aman Shah Abdullah. (2020). *Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Motivasi Intrinsik dalam Subjek Projek Tahun Akhir 1 (PTA1) di Kolej Vokasional Slim River*. International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC), 5 (34),197-211. Dimuat turun di 10.35631/IJEPC.5340016

Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti & Nur Al-Huda Hashim.  
(2007). *Kajian Tahap Keresahan di Kalangan Pelajar Bahasa Asing Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing*. Skudai, Johor: Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

## Tekanan Dan Status Kesehatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Ipta Di Ipoh, Perak

Mohamad Faizel Ali (Ph.D)<sup>1</sup>, Fatin Nuralissan Abu Samah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang

<sup>2</sup>Universiti Sultan Azlan Shah

faizel.ali@ipgm.edu.my

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan adalah melihat tekanan dan status kesihatan mental yang melibatkan pelajar IPTA di Ipoh, Perak. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif dimana pengkaji memperoleh seramai 60 orang responden yang melibatkan pelajar IPTA di Ipoh, Perak. Untuk dijadikan responden dan pengkaji mendedarkan goggle form iaitu terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A: demografi responden, bahagian: B inventori skala menghadapi tekanan dan bahagian: C adalah saringan status kesihatan mental. Pengkaji menggunakan inventori skala menghadapi tekanan yang diubahsuai daripada teoritikal menghadapi tekanan-tekanan kehidupan yang di bina oleh Dr. Thomas Holmes, pakar psikologi dari University of Wahington, Seaatle, As untuk mengenalpasti tahap tekanan dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak. Selain itu, pengkaji menggunakan borang saringan status kesihatan mental untuk mengenal pasti status kesihatan mental pelajar IPTA. Hasil daripada keputusan menggunakan analisis korelasi mendapati perhubungan yang positif antara tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang berkait rapat tentang tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak*

**Kata Kunci:** Tekanan, Status Kesehatan Mental, Pelajar IPTA

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Negara telah mencatat kemajuan yang ketara dalam pendidikan tinggi, terutamanya sejak Kerajaan membuat keputusan untuk mewujudkan kementerian yang berlainan untuk pendidikan tinggi pada tahun 2004, iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Enrolmen dalam pendidikan tinggi telah meningkat sebanyak 70% kepada 1.2 juta pelajar dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Kadar pertumbuhan bagi output penyelidikan dan kualiti adalah antara yang tertinggi di dunia, dan insititusi pendidikan tinggi di Malaysia telah mencapai ranking yang kukuh dalam kalangan rakan negara di Asia. Matlamat Kerajaan dan tujuan sistem pendidikan adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu, dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran, persaingan dan kian berubah. Kerajaan sedang dalam usaha membangunkan generasi pemimpin masa hadapan yang mampu melonjakkan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Walaupun perubahan-perubahan yang dijalankan memberi impak yang positif dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan pengajian tinggi itu sendiri, namun, perubahan yang berlaku turut memberi kesan negatif secara tidak langsung kepada pelajar IPT segeranya tidak ditangani dengan segera. Tekanan dalam kalangan pelajar pusat pengajian tinggi telah menjadi topik yang kerap dibincangkan di persekitaran akademik dan masyarakat (Joseph & Henry, 2009). Hal ini kerana, pusat pengajian tinggi seperti Universiti dan IPGM merupakan satu persekitaran unik yang sering kali menuntut pelajar mengimbangkan peranan dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka (Mastura, Fadilah & Nor Akmar, 2007). Sekiranya pelajar gagal membuat penyesuaian terhadap perubahan yang dihadapi, kemungkinan akan gagal dalam melengkapkan pengajian mereka.

Menurut Greenberg dan Baron (2000) stres akan menyebabkan berlaku reaksi personal, psikologi dan emosi hasil daripada reaksi terhadap rangsangan yang diterima. Kehidupan pelajar di institut pengajian tinggi sentiasa ditemani dengan persekitaran yang boleh menyebabkan stres (O'Connel, 2012). Pelajar perlu berhadapan dengan pelbagai tugas serta tanggungjawab dalam usaha untuk melengkapkan keperluan untuk bergraduat. Tugasan serta tanggungjawab yang boleh menyebabkan pelajar berada dalam keadaan stres adalah seperti kehadiran ke kuliah, kerja kursus, program-program wajib kampus, aktiviti-aktiviti persatuan serta menduduki peperiksaan (Hanina et. al. 2010; Sharer Hamaideh 2011; & Shamsaadal et. al 2018).

Tekanan dan status kesehatan mental pada mutakhir ini hendaklah di beri perhatian untuk kita jalani kehidupan seharian dengan baik. Kesehatan mental dapat dilihat melalui perubahan sikap yang ditunjukkan seperti selalu bersedihan seorang diri, mempunyai keresahan, cepat marah dan tidak mampu untuk menjalani kehidupan seharian dengan baik. Dengan keadaan sedemikian, kesehatan mental adalah penyakit yang menjejaskan kesejahteraan psikologi masyarakat pada era ini kerana individu yang mempunyai tekanan dan status kesehatan yang kurang baik hendaklah mendapatkan rawatan secepat mungkin agar tidak bertambah parah. Jesteru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tekanan dan status kesehatan mental dalam kalangan pelajar IPTA.

### **Penyataan masalah**

Tekanan merupakan sebagai satu dorongan, desakan atau suasana dimana seseorang dikehendaki menanggung sesuatu beban yang amat sukar. Tekanan juga boleh menyebabkan perasaan yang tidak selesa, beremosi negatif seperti marah, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang datang dari pelbagai aspek. Pertubuhan Kesehatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kesehatan mental sebagai keadaan kesejahteraan dimana individu menyedari kemampuan mereka sendiri untuk mengatasi tahap tekanan hidup yang mana dapat menjadi produktif dan berbuah serta kemampuan untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Hal ini menyatakan bahawa status kesehatan mental dapat dikaitkan kepada sesuatu keadaan yang membenarkan individu atau masyarakat bertanggungjawab secara positif dalam menangani atau mengawal tekanan dan mengambil peduli tentang status kesehatan mental.

Kementerian Kesehatan Malaysia (KKM) turut melaporkan seramai 18 336 orang individu menderita tekanan perasaan berdasarkan imbasan ke atas 273 203 orang individu pada tahun 2018. Hasil laporan berkenaan mendapati seramai 11811 orang menderita tekanan perasaan pada tahap ringan, 4650 orang pada tahap sederhana dan 1874 pada tahap teruk. Sehingga bulan Disember 2018, sejumlah 2019 kes baru dicatatkan. Dengan jumlah tersebut, jumlah keseluruhan sebanyak 20, 355 kes kesehatan mental direkodkan. Sebanyak 40 % dari kes yang direkodkan oleh KKM dari tahun 2012 hingga 2018 merupakan kes yang melibatkan pesakit lingkungan umur 16 hingga 24 tahun ( Laporan Kajian Kesehatan dan Morbiditi Kebangsaan, 2017). Laporan yang dikeluarkan oleh KKM ini mempunyai hubungan rapat dengan lingkungan umur pelajar IPTA iaitu sekitar 18 hingga 24 tahun. Oleh yang demikian, pelajar IPTA merupakan golongan yang berisiko untuk mengalami masalah kesehatan berpunca tekanan dan pengurusan tekana yang kurang baik yang boleh membawa kepada masalah kesehatan mental.

Dalam pada itu, tekanan dan status tekanan mental selalu diabaikan oleh masyarakat kerana tidak dapat dilihat secara fizikal. Penyakit mental dalam kalangan pelajar IPTA boleh melibatkan gangguan pada tindak balas otak untuk tidak berfungsi dengan baik kerana otak yang akan memperngaruhi perasaan yang rasai, pemikiran dan dapat dilihat tingkah laku seseorang sehingga menjejaskan aktiviti seharian (Mohamad Faizel & Shafrin, 2020). Tambahan itu, Azizi dan Jamaludin (2007) menyatakan bahawa sakit mental ini berkait rapat dengan kecelaruan yang asing seperti perbuatan yang salah dan tahap tekanan yang dihadapi oleh individu. Faktor-faktor penyebab stres dalam kalangan pelajar IPTA berpunca dari empat tekanan utama dalam kehidupan iaitu tekanan akademik, persekitaran, peribadi dan interpersonal (Mastura Mahfar, 2012). Semua tekanan ini akan mengganggu kefungsiian hidup seseorang pelajar serta boleh mempengaruhi tahap stres mereka. Keadaan stres akan memberi kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental, prestasi akademik termasuk semua aspek kehidupan keseluruhannya jika tidak dapat diuruskan dengan baik (Kashif, Shazia & Farzan, 2013).

Masalah tekanan yang dihadapi oleh pelajar IPTA bukan suatu masalah serantau sahaja tetapi masalah ini ini telah menjadi masalah global dalam pelajar pusat pengajian tinggi di seluruh dunia. Antara kajian yang telah dijalankan ialah John S. Mapfumo et al., 2012 ; Linda Zimmermann, 2012 ; Josep Gustem & Caterina Calderon, 2013; Lawrence Mundia, 2017 & Josep Gustems at al., 2018. Hasil kajian yang dijalankan mendapati masalah tekanan berada pada tahap sederhana dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. Selain itu, masalah tekanan dalam kalangan pelajar berpunca dari masalah adaptasi kognitif dan tingkah laku hasil tekanan yang dihadapi. boleh mencetuskan masalah stres turut menjadi punca kepada masalah ini.

### **KAJIAN LEPAS**

Isu-isu tekanan dan stres dalam kalangan pelajar pengajian tinggi merupakan suatu perkara yang sering kali dikaji oleh pengkaji dalam dan luar negara. Pelbagai kajian dijalankan dalam mengenal pasti tahap, punca dan intervensi yang perlu dijalankan untuk membantu golongan ini agar dapat menangani masalah tekanan dan kesihatan mental yang dihadapi. Sehubungan itu, Nor Aina dan Hilwa (2020) menjalankan kajian tentang Pesepsi Masyarakat dan Pesakit Terhadap Kesihatan Mental. Hasil dapatan kajian menunjukkan aspek tekanan dan kesihatan mental perlu diberi perhatian serius oleh pihak-pihak berkepentingan. Pelajar dan masyarakat juga perlu mengambil peduli tentang kesihatan mental dan mendalami masalah berkaitan emosi yang membawa kepada gangguan mental.

Tambahan dari tu, menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Amran Hassan (2019) merumuskan pelbagai aspek yang menyebabkan gangguan kesejahteraan psikologi mendatangkan akibat yang banyak ke atas penyakit mental. Situasi tekanan berlaku kerana kurangnya kawalan faktor fizikal, emosi, dan psikologi secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Zaidi dan Lee (2020) yang mendapati kesihatan mental adalah keadaan seorang individu menyedari kemampuan sendiri kerana apabila tidak menjaga kesihatan dengan baik boleh menjejaskan kesihatan mental seseorang. Hasil kajian kajian juga mendapati bahawa kesihatan mental merupakan sumbangan yang utama kepada masalah kesihatan mental dalam pelajar wanita.

Lanjutan dari itu, hasil dapatan kajian yang dijalankan Samsul dan Shahrir (2015) mendapati pusat pengajian tinggi merupakan suatu persekitaran yang unik dan mencabar. Pelajar perlu mengimbangi pelbagai peranan dan tanggungjawab dalam kehidupan di kampus. Adakalanya terdapat pelajar yang gagal untuk menjalankan semua tugas ini dengan baik sehingga mengalami stres. Dalam pada itu, mereka mendapati bahawa proses transasi kehidupan pelajar pusat pengajian tinggi dari alam persekolahan ke alam pendidikan tinggi menyebabkan mahasiswa mudah untuk terdedah kepada situasi stres.

Sehubungan dengan itu, Adele et al. (2018) telah menjalankan kajian berkaitan sumber dan tahap stres sepanjang pengajian mengikut semester di universiti. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sumber-sumber stres pelajar tahun pertama serta memberi penekanan berkaitan perbezaan tahap stres berdasarkan semester-semester yang dilalui. Hasil dapatan kajian menunjukkan trend masalah stres dalam kalangan pelajar tahun pertama semakin meningkat. Sumber stres yang paling membebankan pelajar ialah pencapaian akademik, seterusnya diikuti dengan masalah kewangan, masalah peribadi, keluarga, interpersonal dan keseimbangan peranan di kampus. Selain itu, hasil dapatan menunjukkan tempoh masa yang sering menyebabkan pelajar berada pada tahap stres yang tinggi ialah ketika permulaan semester dan akhir semester.

Kajian-kajian terdahulu banyak menunjukkan tahap stres dalam kalangan pelajar IPTA berada pada tahap sederhana. Suatu langkah proaktif perlu dilakukan bagi membantu pelajar-pelajar ini untuk mengurangkan tahap stres yang dihadapi agar mereka dapat meneruskan kehidupan di kampus dengan lebih baik dan sejahtera. Ferlis dan Balan (2009) mendapati strategi daya tindak secara keseluruhannya mampu bertindak sebagai perantara (*mediator*) bagi hubungan antara sumber stres dan stres yang dialami oleh pelajar IPTA. Suatu kajian telah dijalankan oleh Jain dan Verma (2016) bagi mengenal pasti fungsi strategi daya

tindak terhadap stres pelajar. Hasil kajian menunjukkan aspek tekanan serta harapan dari keluarga menjadi faktor stres terbesar dalam kalangan responden. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan melalui analisis korelasi yang dijalankan, terdapat hubungan songsang antara faktor stres dengan strategi daya tindak yang digunakan. Responden yang menggunakan strategi daya tindak yang positif, kurang mengalami stres berbanding pelajar yang tidak menggunakan strategi daya tindak yang positif.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Anggit (2015) bagi mengenal pasti strategi daya tindak terhadap stres dalam kalangan mahasiswa baharu di Fakulti Psikologi, Universiti Muhammadiyah Malang. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti gaya strategi daya tindak yang digunakan iaitu sama ada *Problem Focus Coping* atau *Emotion Focus Coping*. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya gaya strategi daya tindak yang banyak digunakan ialah *Problem Focus Coping*. Hasil analisis perbandingan *t-test* yang dijalankan menunjukkan mahasiswa lelaki lebih gemar menggunakan strategi daya tindak *Problem Focused Coping* manakala mahasiswa perempuan lebih cenderung menggunakan *Emotion Focused Coping*.

## METODOLOGI

### Objektif Kajian

Dalam kajian yang dilakukan ini, terdapat beberapa objektif yang ditekankan dalam kajian ini antaranya ialah:

- i. Mengetahui tahap tekanan dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.
- ii. Mengetahui tahap status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.
- iii. Mengetahui hubungan tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.

### Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan ialah secara kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan menggunakan soal selidik. Seramai 100 orang telah dipilih dari populasi sebenar kajian berdasarkan saiz sampel yang telah dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970). Kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpulkan jawapan terus dari subjek kajian kerana data dapat dikutip dengan cepat dan keupayaan keputusan kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chua Yan Piaw, 2014). Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25 untuk mendapatkan min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan.

## **Tempat Dan Populasi Kajian**

Bagi menjalankan kajian penyelidikan secara berkesan, populasi kajian perlu dikenal pasti dengan tepat dan jelas (Mastura Mahfar, 2012). Justeru, populasi kajian terdiri daripada mahasiswa dari IPTA di sekitar Ipoh Perak. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan bagi memilih sampel kajian dari keseluruhan populasi kajian. Jumlah keseluruhan responden kajian ini adalah 100 orang.

## **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan 2 soal selidik bagi mendapatkan maklumat dari sampel kajian yang dipilih. Bagi mengukur tahap tekanan sampel kajian, pengkaji menggunakan Inventori Skala Menghadapi Tekanan (ISMT) yang diubahsuai daripada teoritikal menghadapi tekanan-tekanan kehidupan yang dibina oleh Dr. Thomas Holmes, pakar psikologi dari University of Washington, Seattle, As. Terdapat 40 soalan dalam inventori ini yang telah disusun untuk mengkaji berkaitan keadaan tekanan-tekanan seharian. Manakala Saringan Status Kesehatan Mental (SSKM) digunakan mengkaji status kesihatan mental sampel kajian. Terdapat 20 item dalam SSKM ini telah menunjukkan kebolehan untuk mengesan masalah emosi, kebimbangan dan gangguan psikosis. Nilai kesahan bagi ISMT adalah 0.85 dan nilai kebolehpercayaan berdasarkan alfa Cronbach adalah sebanyak 0.94, manakala nilai kesahan bagi SSKM adalah 0.81 dan nilai kebolehpercayaan berdasarkan alfa Cronbach adalah sebanyak 0.82. Kedua-dua alat ujian ini menunjukkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat tinggi serta dapat mengukur tingkah laku yang hendak diukur oleh pengkaji (Kaplan, 1993).

## **Kaedah Analisis Data**

Kaedah menganalisis data dilakukan berdasarkan hasil pengumpulan data yang telah diperolehi daripada edaran borang soal selidik. Data daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Jadual 1 menunjukkan analisis data yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Berdasarkan objektif satu dan dua, pengkaji menggunakan analisis deskriptif. Manakala objektif yang ketiga ialah mengenalpasti hubungan tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak menggunakan analisis korelasi.

**Jadual 1: Jadual analisis data berdasarkan objektif kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Objektif</b>	<b>Analisis</b>
1	Mengenal pasti tahap tekanan dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.	Analisis Deskriptif
2	Mengenal pasti tahap status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.	Analisis Deskriptif
3	Mengenal pasti hubungan tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.	Analisis Infrensi

### **DAPATAN KAJIAN**

Hasil dapatan kajian dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu analisis tahap tekanan, analisis tahap status kesihatan mental dan analisis hubungan tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.

#### **Analisis Tahap Tekanan dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak**

**Jadual 4.1 : Analisis Tahap Tekanan dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak**

<b>Tahap Tekanan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Rendah	20	20.0
Sederhana	52	52.0
Tinggi	28	28.0

Jadual 4.1 menunjukkan kekerapan dan peratusan berdasarkan tahap tekanan sampel kajian. Tiga komponen tahap tekanan dianalisis dan dikenalpasti. Menurut data yang dinyatakan di atas, 52% (N=52) pelajar IPTA berada pada tahap tekanan sederhana dan analisis ini diikuti dengan tekanan tahap tinggi iaitu dengan 28% (N=52) serta tekanan tahap rendah iaitu dengan 20% (N=20).

#### **Analisis Tahap Status Kesihatan Mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak**

**Jadual 4.2 : Analisis Tahap Status Kesihatan Mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak**

Tahap Status Kesehatan Mental	Frekuensi	Peratusan (%)
Baik	25	25
Sederhana	70	70
Membimbangkan	5	5
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 4.2 menunjukkan tatus kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak . Menurut data yang dinyatakan di atas, 25% (N=25) pelajar IPTA berada pada tahap status kesihatan mental yang baik, ikuti dengan tahap status kesihatan mental sederhana iaitu 70% . Hanya 5% (N=5) daripada keseluruhan sampel kajian berada pada tahap kesihatan mental yang membimbangkan.

### **Analisis hubungan antara tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA di Ipoh, Perak.**

**Jadual 4.4 Analisis Korelasi diantara tekanan dan status kesihatan mental**

Pembolehubah	N	Korelasi Pearson (R)	Signifikan
Tekanan	100	-1.90	0.032
Status Kesihatan Mental	100		

Berdasarkan jadual 4.3 di atas menunjukkan analisis kolerasi hubungan antara pemboleh ubah antara tekanan dan status kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA Hasil keputusan berdasarkan jadual kolerasi di atas menunjukkan nilai pekali Pearson R adalah -0.190, ia merupakan satu hubungan yang kuat dan nilai tersebut adalah signifikan iaitu  $p < 0.05$ ). Nilai r menunjukkan kewujudan perhubungan yang positif antara tekanan dan status kesihatan mental iaitu  $r = -0.190$ ,  $p < 0.05$ .

## **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian untuk objektif pertama menunjukkan bahawa kebanyakan sampel kajian berada pada tahap tekanan sederhana iaitu mewakili 52 peratus dari sampel kajian. Keadaan ini jelas menunjukkan terdapat trend peningkatan dalam situasi tekanan dari laporan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Laporan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2017 yang mendapati seramai 11811 orang menderita tekanan perasaan pada tahap ringan, 4650 orang pada tahap sederhana dan 1874 pada tahap teruk. Selain itu,

dapat objektif kajian pertama ini mungkin berpunca dari beberapa faktor seperti yang telah dilaporkan hasil kajian Mohamad Faizel (2021) mendapati tekanan dalam kalangan pelajar IPTA melibatkan gangguan pada tindak balas otak untuk tidak berfungsi dengan baik kerana otak yang akan memperngaruhi perasaan yang rasai, pemikiran dan dapat dilihat tingkah laku seseorang sehingga menjejaskan aktiviti seharian. Peningkatan tahap tekanan pelajar IPTA dalam kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Adele et al. (2018) menunjukkan trend masalah stres dalam kalangan pelajar tahun pertama semakin meningkat.

Selain itu, hasil dapatan kajian dalam objektif kedua turut menunjukkan tahap status kesihatan mental pelajar IPTA berada pada tahap sederhana dengan 70 peratus sampel kajian berada pada tahap ini. Jelas sekali dapatan kajian ini berkaitan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Zaidi N.f dan Lee M. F (2020) yang mendapati kesihatan mental adalah keadaan seorang individu menyedari kemampuan sendiri kerana apabila tidak menjaga kesihatan dengan baik boleh menjejaskan kesihatan mental seseorang. Amran Hassan (2019) merumuskan pelbagai aspek yang menyebabkan gangguan kesejahteraan psikologi mendatangkan akibat yang banyak ke atas penyakit mental. Situasi tekanan berlaku kerana kurangnya kawalan faktor fizikal, emosi, dan psikologi secara langsung atau tidak langsung.

Tambahan dari itu, hasil dapatan kajian objektif ketiga menunjukkan kewujudan perhubungan yang positif antara tekanan dan status kesihatan mental iaitu  $r = -0.190$ ,  $p < 0.05$ . Dapatan kajian ini seharusnya perlu mengubah persepsi masyarakat berkaitan isu tekanan dan kesihatan diabaikan oleh masyarakat kerana tidak dapat dilihat secara fizikal (Mohamad Faizel, 2021). Lanjutan dari itu, Nor Aina dan Hilwa (2020) telah menjalankan kajian tentang Persepsi Masyarakat dan Pesakit Terhadap Kesihatan Mental. Hasil dapatan kajian menunjukkan aspek tekanan dan kesihatan mental perlu diberi perhatian serius oleh pihak-pihak berkepentingan. Pelajar dan masyarakat juga perlu mengambil peduli tentang kesihatan mental dan mendalami masalah berkaitan emosi yang membawa kepada gangguan mental. Aspek tekanan perlu diberi perhatian khusus agar dapat membantu membina kesihatan yang baik. Semua tekanan yang berlaku menyebabkan gangguan terhadap kefungsi hidup seseorang pelajar serta boleh mempengaruhi tahap stres mereka. Keadaan stres akan memberi kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental, prestasi akademik termasuk semua aspek kehidupan keseluruhannya jika tidak dapat diuruskan dengan baik (Kashif, Shazia & Farzan, 2013).

## KESIMPULAN

Suatu dapatan kajian yang dapat menarik perhatian pelbagai pihak terutamanya pihak-pihak yang signifikan dengan populasi kajian iaitu mahasiswa. Pemboleh ubah yang dibincangkan dalam kajian ini sangat signifikan dengan situasi semasa dalam kalangan mahasiswa. Pelbagai perubahan-perubahan yang dijalankan bertujuan untuk memberi impak yang positif dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan pengajian tinggi itu sendiri, namun, perubahan yang berlaku turut memberi kesan negative secara tidak langsung kepada pelajar IPT segeranya tidak ditangani dengan segera. Hasil dapat jelas menunjukkan trend yang semakin meningkat terutamanya melibatkan faktor tekanan dalam kalangan mahasiswa. Faktor tekanan dalam kalangan mahasiswa perlu diberi perhatian yang segera kerana akan mempengaruhi tahap kesihatan mental seseorang mahasiswa. Perlu ada beberapa perancangan intervensi yang bersesuaian dalam membantu mahasiswa menangani isu-isu tekanan harian agar dapat berfungsi dengan sepenuh. Aspek strategi daya tindak merupakan satu kemahiran penting yang perlu diterapkan dalam pelaksanaan intervensi-intervensi agak dapat melahirkan generasi mahasiswa yang mampu mengendalikan masalah dengan baik dan efektif.

## RUJUKAN

- Adele, P., Florin, O., Geraldine, T. & Marion, G. (2018). An exploratory study of student's weekly stress levels and sources of stress during the semester. *Active Learning in Higher Education 2018, Vol. 19*(1) 61–75.
- Anggit, J. A. (2015). *Strategi coping stres pada mahasiswa baru Fakultas Psikologi Universitas Muhammadiyah Malang*. (Master's thesis), Fakultas Psikologi Universitas Muhammadiyah Malang).
- Asmawati Dahlan. (2004). Tekanan dan daya tindak terhadap tekanan di kalangan pelajar. *Jurnal Psikologi Dan Pembangunan Manusia*, 3–12.
- Aziz, A. R. A, Sukor, N. M., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Science Research*, 2(4). 156-174.
- Azizi Yahya, Cathy Suhaila Abdullah, Roslee Ahmad & Sharifuddin Ismail (2006). *Kecelaruhan Tingkah Laku*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Bentong, Pahang.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Penyelidikan. Edisi ketiga*. McGrew-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ferlis, B. @ Bahari, Balan R., & Rosnah I. (2009). Sumber stres, strategi daya tindak dan stres yang dialami pelajar universiti. *Jurnal Kemanusiaan bil.13*, Jun 2009.
- Greenberg, L., & Baron, J. (2000). Predicting employee aggression against co-workers, subordinates and supervisors: The roles of person behaviours and perceived workplace factors. *Journal of Organizational Behaviour*, 20, 897-913.
- Hanina Hamsan, Tan, P. M., & Jumali Sselamat. (2010). Stres dan pencapaian akademik mahasiswa pembangunan manusia di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar Bil. 13*, 57 – 72.
- Jain A, Sandeep Verma S. (2016). Prevalence of stress and coping strategies among college students. *Adv Med Dent Scie Res 2016;4*(6), 95-99

- Joseph, E. A., & Henry, O. (2009). An assessment of academic stress among undergraduate students: The case of University of Botswana. *Educational Research and Review Vol. 4 (2)*,063-071.
- Kashif, D. K., Shazia, G. & Farzan Y. (2013). Crucial factors affecting stress: A study among undergraduates in Pakistan. *International Journal of Asian Social Science, 2013, 3(2)*:428-442
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2012). Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2012.
- Lawrence Mundia. (2017). How Brunei trainee teachers cope with distress: counselling implications. *BMC Res Notes (2017) 10*:596 DOI 10.1186/s13104-017-2922-0
- Linda, Z., Thomas, U., Ruth, P., Micheal, W., Uwe, R., Ulrish, S., Matthias, N., Veronika, B. G., Markus, F., Uwe, S., & Jochim, B.C. (2012). Mental health and patterns of work-related coping behaviour in a German sample of student teachers: a cross-sectional study. *Int Arch Occup Environ Health (2012) 85*:865–876 DOI 10.1007/s00420-011-0731
- Mastura Mahfar., Fadilah, Zaini., & Nor Akmar. (2007). Analisis faktor penyebab stres di kalangan pelajar. *Jurnal Kemanusiaan, bil 9*, 62-72.
- Mastura Mahfar. (2012). *Kesan Modul pendidikan dan tekanan dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh di Johor, Malaysia*. Tesis Doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Mohamad Faizel Ali, & Nor Shafrin Ahmad. (2020). Tahap stress dalam kalangan guru pelatih IPGM di zon utara. *Jurnal IPDA, Bil. 27 (2020)*, 50-58.
- O’Connell, B. (2012). *Solution-Focused Therapy* (3rd ed.). London: SAGE Publications.
- Shamsaadal Sholeh Saad, Wan Zaimah Wan Adnan, Zahrul Akmal, Harliana Halim, Hussain Othman, & Khairul Azman Mohamad Suhaimy (2017). Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat* (135-147). Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.

Sharer, H.H. (2011). Stressor and reactions to stressors among university students.  
*International Journal of Social Psychiatry 58 91*): 26-33.

## Hubungan Permainan Video Atas Talian Terhadap Prestasi Kerja Penjawat Awam

Noor Hazwani Ahmad Muwarni<sup>1</sup>, Ezatul Arni Zolkpli<sup>2</sup>,  
Mariyamah Sainudin<sup>3</sup>, Fazilah Che Din<sup>4</sup>, Irham Affandy Ab Rahim<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Prai Tengah

<sup>2</sup>Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

<sup>3</sup>Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Selatan

<sup>5</sup>Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut

<sup>1</sup>noor.hazwani@moe.gov.my, <sup>2</sup>ezatul.arni@moe.gov.my, <sup>3</sup>mariyamah@moe.gov.my,

<sup>4</sup>fazilah.din@moe.gov.my, <sup>5</sup>irham.afandy@moe.gov.my

### Abstrak

*Permainan video atau permainan elektronik atas talian kini boleh diakses dengan mudah melalui alat komunikasi seperti telefon bimbit. Penggunaan aktif permainan atas talian adalah fenomena global. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dengan melibatkan 217 penjawat awam di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Instrumen kajian yang digunakan adalah Soal Selidik Skala Ketagihan Permainan dan Soal Selidik Prestasi Kerja Individu, dan data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29. Objektif kajian adalah untuk menilai tahap keterlibatan penjawat awam dengan aktiviti permainan video atas talian dan meneliti hubungan aktiviti tersebut dengan prestasi kerja mereka. Hasil analisis pekali korelasi Pearson menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara ketagihan permainan video atas talian dengan prestasi kerja, prestasi kontekstual, dan tingkah laku tidak produktif.*

**Kata kunci:** *aktiviti permainan atas talian; prestasi kerja; penjawat awam*

## Pengenalan

Kemajuan pesat teknologi masa kini telah memberi kesan signifikan kepada kehidupan masyarakat dunia secara global. Antara hasil kemajuan teknologi yang terkenal adalah permainan video atas talian, yang semakin meluas penggunaannya di platform moden seperti komputer dan peranti mudah alih, termasuk telefon pintar. Namun, didapati bahawa permainan ini memberi kesan kepada tingkah laku, emosi, dan hubungan sosial individu dalam kehidupan harian. Ini selari dengan pandangan Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia, yang menyatakan bahawa kandungan globalisasi amat berbahaya khususnya terhadap kebudayaan dan nilai akhlak (Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, 2012).

Menurut Stewart (2019), pada tahun 2018, *American Psychiatric Association's Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-5)* telah mengklasifikasikan ketagihan permainan video sebagai salah satu gangguan mental. DSM-5 menyatakan bahawa ketagihan permainan video menyebabkan “kemerostan signifikan atau kesukaran” dalam kualiti kehidupan individu. *International Classification of Diseases (ICD-11)* mentakrifkan gangguan permainan (*gaming disorder*) sebagai corak tingkah laku permainan (permainan digital atau permainan video) yang menjejaskan kawalan masa harian individu (WHO, 2018). Didapati bahawa individu yang terlibat dengan permainan video ini lebih mengutamakan permainan video dan menjadikannya aktiviti utama dan berterusan berbanding kegiatan harian lain. Gangguan permainan video juga diklasifikasikan sebagai corak tingkah laku ekstrem yang membawa kesan negatif terhadap pekerjaan, kehidupan peribadi, keluarga, sosial, dan pendidikan individu. Ia dianggap sebagai gangguan tingkah laku apabila aktiviti bermain permainan ini berlanjutan secara berterusan selama 12 bulan (WHO, 2018).

Kajian yang telah diterbitkan dalam laman sesawang *Frontiers in Human Neuroscience* telah mengumpul dan merumuskan hasil dari 116 kajian saintifik yang mengkaji tentang bagaimana permainan video dapat mempengaruhi otak dan tingkah laku manusia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keterlibatan berterusan dalam permainan video dapat mengubah fungsi dan struktur otak manusia. Selain itu, didapati bahawa keterlibatan aktif dalam permainan video boleh mewujudkan fenomena tingkah laku ketagihan yang dikenali sebagai “gangguan permainan Internet” (Palau, Marron, Viejo-Sobera, & Redolar-Ripoll, 2017). Menurut Rushdan (2018), ahli psikologi telah membandingkan

kesan ketagihan bermain permainan video dengan kesan pengambilan dadah jenis kokain terhadap otak manusia. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua aktiviti ini memberi kesan yang sama kepada bahagian fungsi eksekutif (*executive function*) di bahagian *frontal cortex* otak. Fungsi eksekutif ini bertanggungjawab dalam beberapa kemahiran seperti memfokus, merancang, menyusun, mengawal emosi, dan pemantauan sendiri.

Dalam sektor awam, pekerja merupakan individu yang menyumbang tenaga dan idea dalam membantu mencapai matlamat, visi, dan misi organisasi. Kegagalan pekerja dalam melaksanakan peranan mereka akan memberi kesan kepada organisasi sehingga menyebabkan kefungsiannya tergendala atau lumpuh. Menurut Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (1995), pekerja dianggap berkualiti apabila dapat memberikan sumbangan yang baik berbanding pekerja yang kurang berkualiti. Oleh itu, kualiti modal insan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju penjawat awam bagi memastikan kecekapan pengurusan.

Ferris, Lian, Brown, Pang, dan Keeping (2010) merujuk prestasi kerja pekerja sebagai tingkah laku yang mempunyai hubungkait dengan pencapaian matlamat organisasi. Prestasi kerja yang baik melambangkan keuntungan, keberkesanan, dan kelangsungan perkembangan sesebuah organisasi. Dapatan ini disokong oleh Edward dan Lyman (2008) yang menyatakan bahawa prestasi kerja adalah tingkah laku individu yang melakukan pekerjaannya selari dengan matlamat organisasi. Seterusnya, Jalayer, Giacomo, Jafar, dan Hamid (2013) menyatakan bahawa sikap individu dan kepuasan bekerja adalah asas kemajuan organisasi, dan prestasi kerja yang baik dapat meningkatkan produktiviti organisasi serta taraf ekonomi negara.

### **Pernyataan Masalah**

Fenomena bermain permainan video atas talian semakin meningkat seiring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat di era abad ke-21. Kemajuan teknologi maklumat yang canggih telah mendorong penghasilan pelbagai jenis permainan video dalam talian yang menarik, mudah diakses, dan murah untuk diperoleh. Penggunaan permainan video ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, dari kanak-kanak hingga warga emas. Permainan video ini boleh dimainkan tanpa batasan melalui capaian internet mengikut keinginan, dengan menggunakan pelbagai gajet yang ada. Permainan video dalam talian telah dikategorikan sebagai e-sukan, namun keterlibatan yang terlalu aktif dalam aktiviti ini boleh

menyebabkan ketagihan, yang memberi kesan negatif kepada kesihatan fizikal dan mental serta mengganggu aktiviti harian individu (Sherina, 2020; Amirul Awaludin, 2017). Menurut Amirul Awaludin (2017), kejadian kematian mengejut dan gejala fizikal yang berkaitan dengan permainan video dalam talian semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2014, seorang wanita berusia 27 tahun telah meninggal dunia secara mengejut selepas bermain permainan video dalam talian tanpa henti selama 10 jam. Manakala pada tahun 2015, seorang remaja lelaki berusia 17 tahun telah dihantar ke wad kecemasan dan meninggal dunia di hospital telah koma selepas jatuh ketika bermain permainan video. Remaja ini telah bermain permainan berkenaan hampir 22 hari tanpa henti dan hanya berhenti bermain untuk makan dan tidur. Ini menunjukkan bahawa permainan ini dapat membahayakan nyawa pemain video di atas talian ini. Sementara itu, Sherina (2020) menyatakan bahawa ketagihan permainan video dalam talian menyebabkan pemain mengalami tekanan perasaan, perubahan corak pemakanan dan tidur, kurang tumpuan semasa belajar atau bekerja, serta peningkatan penarikan diri dalam pergaulan sosial.

*American Psychological Association* (APA) menganggap bahawa keganasan permainan video merupakan faktor risiko kepada tingkah laku agresif (APA, 2023). *APA Task Force on Violent Media* menyimpulkan bahawa pendedahan kepada keganasan permainan video dikaitkan dengan peningkatan tingkah laku agresif, gangguan pemikiran dan emosi, serta mengurangkan empati individu. Manakala Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Malaysia, melaporkan terdapat peningkatan penglibatan penjawat awam dalam aktiviti permainan video secara online yang memberi kesan negatif terhadap prestasi kerja penjawat awam (Sinar Harian, 2019). PPIM telah menerima aduan dari orang ramai serta Ketua Jabatan tentang isu ketagihan permainan di atas talian dalam kalangan penjawat awam yang menjejaskan komitmen pelaksanaan tugas hakiki pekerja.

Permainan video atas talian didapati menyumbang kepada kemerosotan motivasi terhadap kerja dalam kalangan penjawat awam dan memberi kesan kepada produktiviti. *Malaysian Gazette* (2023), menyatakan antara isu yang signifikan dengan ketagihan permainan di atas talian adalah ketidakhadiran ke tempat kerja. Mereka yang ketagihan permainan video akan memperlihatkan tingkah laku yang negatif iaitu; banyak menghabiskan masa untuk bermain permainan video atas talian tanpa mempedulikan waktu tidur mereka, tidak mengambil kisah akan tanggungjawab kerja, hilang motivasi untuk bekerja dan ponteng kerja kerana tidak menemui keseronokan bekerja. Amir Hassan Dawi (2002, dalam Yahaya,

2014), telah memberi tafsiran tentang media di mana media ini merujuk kepada; filem, surat khabar, majalah, novel, buku, internet, media interaktif, televisyen dan permainan video yang menonjolkan budaya kuning telah menimbulkan masalah dalam perubahan tingkah laku fizikal, lisan, bukan lisan, antisosial dan jenayah.

Normah et al. (2013) menyatakan bahawa remaja lebih menggunakan internet sebagai alat komunikasi untuk berinteraksi bagi memahami persekitaran sosial, berbanding untuk memahami diri sendiri. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tahap kebergantungan remaja terhadap internet adalah tinggi di mana mereka melayari media sosial melebihi 6 jam sehari.

Manakala kajian Globalstat mendapati rakyat Malaysia akan sentiasa melihat atau mengintai telefon pintar mereka pada setiap 10 minit dalam tempoh satu jam (Ismail Sualman, 2019). Tingkah laku ini membawa kepada ketidakupayaan kawalan diri dan kelekaan menggunakan telefon pintar tanpa had dalam kehidupan harian khususnya semasa waktu bekerja yang boleh membawa kepada tindakan disiplin diambil termasuk amaran, pengurangan prestasi atau pemecatan.

Kebanyakan perbincangan di atas memberi fokus kepada kajian permainan video dalam kalangan remaja. Sebaliknya, kurang kajian dilaksanakan dalam konteks permainan video atas talian oleh golongan dewasa khususnya bagi penjawat awam dalam sektor pendidikan. Oleh itu terdapat keperluan untuk pengkaji bagi mendalami kajian permainan video online ini dalam kalangan penjawat awam khususnya bagi warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian yang dijalankan ini adalah relevan bagi melihat hubungan antara permainan video dan prestasi kerja dalam kalangan warga pendidik. Di mana dijangka hasil kajian ini boleh membantu KPM bagi mengambil langkah bersesuaian bagi menangani isu ini.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap aktiviti permainan video atas talian penjawat awam, tahap prestasi kerja penjawat awam, dan hubungan aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kerja penjawat awam di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk melihat :

1. Tahap aktiviti permainan video atas talian penjawat awam
2. Tahap prestasi kerja penjawat awam
3. Hubungan aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kerja penjawat awam

## **Persoalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut :

1. Apakah tahap aktiviti permainan video atas talian penjawat awam?
2. Apakah tahap prestasi kerja penjawat awam?
3. Adakah terdapat hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kerja penjawat awam?

## **Hipotesis Kajian**

HO<sup>1</sup> : Terdapat hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi tugas penjawat awam.

HO<sup>2</sup> : Terdapat hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kontekstual penjawat awam.

HO<sup>3</sup> : Terdapat hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan tingkah laku kerja yang tidak produktif dalam kalangan penjawat awam.

## **Tinjauan Literatur**

Ketagihan gajet telah menjadi satu isu global yang rumit pada masa kini. Ia menjadi fenomena yang meliputi seluruh peringkat masyarakat tidak mengira umur dan status pekerjaan. Kajian luar negara di United Kingdom mendapati dua pertiga dari responden yang terdiri dari pekerja mengalami ketagihan gajet (SecurEnvoy, 2012). Ketagihan ini didapati memberi kesan gangguan psikologi yang menjurus kepada isu kesihatan mental seperti berlakunya peningkatan isu kebimbangan dan keresahan dalam kalangan pengguna peranti komunikasi maya (King et al., 2010).

Penggunaan telefon pintar dan gajet telah menjadi fenomena dalam kehidupan manusia (King, Valença & Nardi, 2010; King, Valença, Silva, Baczynski, Carvalho, & Nardi 2013; King, Valença, Silva, Sancassiani, Machado,

& Nardi, 2014) di mana berlaku peningkatan interaksi antara manusia dan komputer (Yildirim, 2014; Yildirim & Coreira, 2015).

Secara khususnya kajian terbaru mendapati bahawa ketagihan permainan online telah menjadi isu global (Brailovskaia et al., 2022; Wang & Cheng, 2022; Yao et al., 2022; Yuan et al., 2022). Di mana *Internet Games Disorder* (IGD) dikenalpasti mempunyai hubung kait dengan kesihatan mental seperti, kebimbangan, keresahan, gangguan tidur, penurunan pencapaian dan produktiviti serta mempunyai kaitan dengan isu membunuh diri (Petry et al., 2015).

Ketagihan gajet ini dapat memberi kesan kepada pengurusan masa, gangguan tidur serta mengganggu tumpuan yang melibatkan intelektual dan minda separa sedar di mana tingkah laku obsesi ini menurunkan tahap kepekaan individu kepada fokus diri dan keutamaan waktu yang perlu diberi (Natasha Meiliza, Mutia Kahanna dan Septriani, 2024).

Permainan video boleh memberi implikasi negatif kepada kesihatan pekerja sekiranya dilakukan secara berlebihan. Aktiviti ini boleh menimbulkan tindak balas neurologi yang memberikan perasaan gembira dan mendorong pemain untuk bermain secara berterusan. Selain itu, sistem ganjaran yang menawarkan item maya seperti senjata dan perisai atau hadiah sebenar seperti langganan *video streaming* menjadikan permainan sukar dihentikan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan ketagihan permainan video atau *gaming disorder* sebagai masalah kesihatan mental. Berdasarkan maklumat yang dinyatakan di dalam *The 11th Revision of the International Classification of Diseases (ICD-11)* pada tahun 2018, ketagihan permainan video bermaksud corak tingkah laku terhadap permainan video yang bercirikan gangguan kawalan terhadap permainan (Contoh: kekerapan, durasi dan intensiti), keutamaan terhadap permainan melebihi aktiviti harian atau minat yang lain, dan kesinambungan atau peningkatan permainan walaupun pemain telah mengalami kesan negatif.

Dinyatakan bahawa secara purata rakyat Malaysia menggunakan media sosial berasaskan ICT selama 14 jam sehari (Kosmo, Disember 6, 2014) dan menjadi obsess kepada telefon pintar, sosial media dan permainan online (Astro Awani, Oktober 7, 2015). Ketagihan terhadap gajet ini didapati berada pada tahap membimbangkan dan melibatkan penjawat awam (Kosmo Disember 6, 2014), di mana satu usaha telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan

mengeluarkan garis panduan penggunaan sosial media dan peranti ICT bagi kakitangan awam sewaktu bertugas (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2015). Ini adalah bertujuan bagi menjamin keselamatan maklumat sulit pekerjaan dan mengurangkan kesan negatif prestasi organisasi (Fatin Hazirah Abdul Karim, Surena Sabil & Siti Mariam Abdullah, 2017).

Permainan video merupakan permainan elektronik yang melibatkan tindak balas di antara muka pengguna (user interface) untuk menghasilkan maklum balas visual di sebuah peranti video. Perkataan video dalam permainan video secara tradisinya menggambarkan sesebuah peranti paparan bitmap atau raster, tetapi berikutan istilah “permainan video” atau “video game” menjadi semakin terkenal, ia juga boleh digambarkan dengan apa-apa jenis peranti paparan yang lain. Sistem elektronik yang digunakan untuk memainkan permainan video dikenali sebagai platform, contohnya ialah komputer riba dan konsol permainan video. Platform ini merangkaikan dari sebesar-besar rangka utama komputer hingga sekecil-kecil peranti mudah alih. Permainan video yang khusus seperti permainan arked sebelum ini biasa dimainkan, kini kurang digunakan (Awang Koding, 2018).

Kesimpulannya ketagihan gajet ini memberi kesan kepada daya tumpuan dan proses meta kognitif kepada individu (Junjian Yu, Mohammad Farris Iman, Leong Abdullah & Nor Shuhada Mansor, 2023). Oleh itu dalam konteks penjawat awam, isu ini membawa kepada peningkatan tingkah laku negatif dan menjurus kepada gangguan tumpuan yang secara spesifiknya membawa kepada gangguan produktiviti.

## **Kaedah / Metodologi**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Kajian yang dijalankan juga adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Penyelidik ingin melihat hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kerja penjawat awam. Oleh itu, pengujian statistik akan dilaksanakan secara pekali kolerasi Pearson, iaitu salah satu analisis dalam statistik yang digunakan untuk mencari hubungan antara dua variabel yang bersifat kuantitatif. Data kajian akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.

## Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP). Di bawah pentadbiran JPNPP, terdapat lima buah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) iaitu PPD Seberang Prai Utara, PPD Seberang Prai Tengah, PPD Seberang Prai Selatan, PPD Timur Laut dan PPD Barat Daya.

## Populasi Dan Sampel Kajian


Populasi kajian ini terdiri daripada penjawat awam di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Jumlah penjawat awam di JPN Pulau Pinang adalah seramai 550 orang. Penyelidik memilih 217 orang penjawat awam secara persampelan rawak mudah. Persampelan rawak mudah ialah pengambilan unit analisis secara bebas di mana selepas satu unit itu dipilih, kemungkinan ia tidak dipilih lagi. Pemilihan satu unit tidak mengubah kemungkinan unit lain kerana kesemua unit dalam populasi mempunyai kebarangkalian yang sama (Sulaiman, 2005).

## Alat Kajian

Penyelidik menggunakan dua soal selidik dalam kajian ini. Soal selidik yang pertama merupakan Skala Ketagihan Permainan Untuk Remaja (*Game Addiction Scale for Adolescent*) yang telah dihasilkan oleh Lemmens, Valkenburg, & Peter (2009), digunakan untuk mengukur tahap ketagihan permainan video sama ada secara atas talian mahupun menggunakan konsol. Soal selidik ini digunakan dalam kajian kerana kandungan item memenuhi kehendak soalan dan sangat sesuai digunakan untuk golongan dewasa juga. Instrumen ini mempunyai tujuh konstruk yang mewakili simptom-simptom yang ditunjukkan oleh seseorang yang berhadapan dengan ketagihan permainan video. Setiap konstruk diwakili oleh tiga item yang akan berkisarkan kepada konstruk tersebut. Instrumen ini melibatkan pengiraan skor secara keseluruhan bagi mendapatkan skor akhir. Skala 5 likert (1 hingga 5) digunakan yang mewakili : 1 = tidak pernah, 2 = hampir tidak pernah, 3 = kadang-kadang, 4 = selalu, 5 = kerap kali. Instrumen ini mempunyai tujuh konstruk utama iaitu kesungguhan (permainan video menjadi aktiviti paling penting bagi pemain); toleransi (pemain mula bermain permainan video tanpa henti); pengubahsuaian mood (berasa “*high*”, “*buzz*” atau perasaan lain semasa bermain permainan video); relapse (kecenderungan untuk kembali bermain secara berlebihan selepas tempoh pantang atau kawalan); tarik diri (emosi yang tidak menyenangkan apabila tidak dapat bermain permainan video); konflik (terjebak dalam konflik interpersonal disebabkan oleh permainan video); dan masalah (mempunyai masalah disebabkan bermain permainan video secara berlebihan).

Soal selidik kedua merupakan Soal Selidik Prestasi Kerja Individu (*Individual Work Performance Scale*) yang telah dihasilkan oleh Koopmans et al. (2014). Soal selidik ini dibangunkan untuk mengukur tingkah laku atau tindakan pekerja yang relevan dengan matlamat organisasi. Soal selidik ini terdiri daripada 18 soalan dalam tiga skala iaitu prestasi tugas (5 item), prestasi kontekstual (8 item), dan tingkah laku kerja yang tidak produktif (5 item). Soal selidik ini berdasarkan pengalaman diri responden dalam tempoh 3 bulan terkini dan skala penarafan daripada 0 (“jarang”) kepada 4 (“sentiasa”) untuk prestasi tugas dan prestasi kontekstual. Manakala 0 (“tidak pernah”) hingga 4 (“selalunya”) untuk tingkah laku kerja yang tidak produktif. Untuk subskala Soal Selidik Prestasi Kerja Individu, skor min dikira dengan menambah skor item, dan membahagi jumlahnya dengan bilangan item dalam subskala. Oleh itu, Soal Selidik Prestasi Kerja Individu menghasilkan tiga skor subskala yang berjulat antara 0 dan 4, dengan skor yang lebih tinggi mencerminkan prestasi tugas dan kontekstual yang lebih tinggi, dan tingkah laku kerja yang tidak produktif yang lebih tinggi.

### Kaedah Kutipan Data



**Rajah 1: Prosedur Kutipan Data**

Penyelidik membuat tebaran instrument melalui aplikasi *Google Form* kepada penjawat awam di lima buah Pejabat Pendidikan Daerah di Pulau Pinang berkenaan kajian yang sedang dijalankan oleh penyelidik. Sampel kajian adalah berdasarkan persampelan rawak mudah. Seramai 217 orang responden telah menjawab instrumen ini. Masa yang diperuntukkan kepada responden untuk menjawab semua bahagian soal selidik tersebut adalah 15 minit.

Seterusnya, kumpulan penyelidik berkumpul untuk mengadakan perbincangan dapatan data kajian bagi mendapat gambaran awal tentang tahap aktiviti permainan video atas talian dan tahap prestasi kerja penjawat awam. Dapatan data kemudiannya dianalisis menggunakan ‘*Statistical Packages for Social Sciences*’ (SPSS) versi 29. Ini diikuti dengan perbincangan dan penyediaan rumusan kajian oleh kumpulan penyelidik.

## Dapatan Kajian

**Jadual 1: Demografi kajian berdasarkan jantina, usia dan bangsa (n=217)**

Demografi		Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	142	65.4%
	Perempuan	75	34.6%
Usia	31 hingga 40 tahun	13	6.0%
	41 hingga 50 tahun	139	64.1%
	51 hingga 60 tahun	65	30.0%
Demografi		Bilangan	Peratusan
Bangsa	Melayu	182	83.9%
	Cina	15	6.9%
	India	13	6.0%
	Lain-lain	7	3.2%

Jadual 1 menunjukkan taburan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada 217 orang responden, 142 (65.4%) adalah lelaki manakala 75 (34.6%) adalah perempuan. Dapatan data juga menunjukkan bahawa responden berusia 31 hingga 40 tahun adalah seramai 13 (6.0%), 41 hingga 50 tahun seramai 139 (64.1%), manakala 51 hingga 60 tahun seramai 65 (30.0%). Bagi taburan bangsa pula, responden yang berbangsa Melayu adalah seramai 182 (83.9%), bangsa Cina sebanyak 15 (6.9%), bangsa India sebanyak 13 (6.0%) manakala bangsa Lain-lain seramai 7 (3.2%).

**Jadual 2: Tahap aktiviti permainan video atas talian penjawat awam**

Tahap	Bilangan	Peratusan%
Sangat rendah	153	70.5
Rendah	12	5.5
Sederhana	26	12.0

Tahap	Bilangan	Peratusan%
Tinggi	13	6.0
Sangat tinggi	13	6.0

Jadual 2 menunjukkan peratusan tahap aktiviti permainan video atas talian dalam kalangan penjawat awam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 153 (70.5%) penjawat awam bermain permainan video atas talian pada tahap yang sangat rendah. Sebanyak 12 (5.5%) penjawat awam pula berada pada tahap rendah manakala 26 (12%) penjawat awam berada pada tahap sederhana dalam aktiviti permainan video atas talian. Bagi tahap tinggi dan sangat tinggi pula, masing-masing berjumlah 13 orang penjawat awam bersamaan 6% dari keseluruhan jumlah responden.

**Jadual 3: Tahap prestasi kerja penjawat awam**

Tahap	Bilangan	Peratusan%
Rendah	0	0%
Tahap	Bilangan	Peratusan%
Sederhana	40	18.43%
Tinggi	177	81.56%

Jadual 3 menunjukkan tahap prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam. Hasil dapatan data menunjukkan tiada penjawat awam yang berada pada prestasi rendah iaitu 0%. Seramai 40 (18.43%) penjawat awam pula berada pada prestasi kerja tahap sederhana. Manakala seramai 177 (81.56%) penjawat awam berada pada prestasi kerja tahap tinggi.

**Jadual 4: Hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi tugas penjawat awam (n=217)**

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Kolerasi Pearson	Sig
Ketagihan permainan	23.33	5.46672	1	.827
Prestasi tugas	17.77	2.22344	-.042	.827

Berdasarkan Jadual 4, ujian statistik kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara ketagihan permainan video atas talian dan prestasi tugas. Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan

permainan video atas talian ( $M=23.33$ ,  $SD=5.47$ ), dan prestasi tugas ( $M=17.77$ ,  $SD=2.22$ ),  $r(217)=-.042$ ,  $p<0.01$ . Oleh itu, hipotesis ditolak.

**Jadual 5: Hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan prestasi kontekstual penjawat awam.**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Kolerasi Pearson</b>	<b>Sig</b>
Ketagihan permainan	23.33	5.46672	1	.617
Prestasi kontekstual	27.10	3.51695	.095	.617

Berdasarkan Jadual 5, ujian statistik kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara ketagihan permainan video atas talian dan prestasi kontekstual. Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan permainan video atas talian ( $M=23.33$ ,  $SD=5.47$ ), dan prestasi kontekstual ( $M=27.10$ ,  $SD=3.52$ ),  $r(217)=.095$ ,  $p<0.01$ . Oleh itu, hipotesis ditolak.

**Jadual 6: Hubungan antara aktiviti permainan video atas talian dengan tingkah laku kerja yang tidak produktif dalam kalangan penjawat awam.**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Kolerasi Pearson</b>	<b>Sig</b>
Ketagihan permainan	23.33	5.46672	1	.376
Tingkah laku tidak produktif	3.00	4.14396	.167	.376

Berdasarkan Jadual 6, ujian statistik kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara ketagihan permainan video atas talian dan tingkah laku kerja yang tidak produktif. Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan permainan video atas talian ( $M=23.33$ ,  $SD=5.46$ ), dan tingkah laku tidak produktif ( $M=3.0$ ,  $SD=4.14$ ),  $r(217)=.167$ ,  $p<0.01$ . Oleh itu, hipotesis ditolak.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan permainan video atas talian dan prestasi tugas dalam kalangan penjawat awam. Hal ini bermaksud bahawa aktiviti permainan video atas talian tidak mempengaruhi prestasi tugas penjawat awam. Keputusan dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian lepas yang dijalankan oleh Mahardi (2021) berkaitan kesan permainan video atas talian terhadap motivasi kerja dan produktiviti pekerja di mana terdapat kesan terhadap motivasi kerja dan produktiviti pekerja yang dibahagikan kepada tiga domain utama iaitu disiplin diri, pengetahuan, dan usaha peribadi dalam menyumbang kepada keharmonian kerja.

Hipotesis kedua juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan permainan video atas talian dan prestasi kontekstual penjawat awam. Hal ini bermaksud tiada hubungan antara ketagihan permainan video atas talian dengan tingkah laku yang menyokong persekitaran organisasi, perhubungan sosial dan psikologi. Kajian ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Young-Gun, Kyounghee, dan Eun Jung (2018) berkaitan kesan ketagihan permainan video di tempat kerja di mana penemuan menunjukkan bahawa perbuatan buli di tempat kerja dan penyeliaan yang kasar mendorong ketagihan permainan video dalam kalangan pekerja. Selain itu, ketagihan permainan video dalam kalangan pekerja meningkatkan konflik antara kerja-keluarga.

Hipotesis ketiga juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan permainan video atas talian dan tingkah laku tidak produktif. Hal ini bermaksud aktiviti permainan video atas talian tidak mempengaruhi wujudnya tingkah laku penjawat awam yang memudaratkan kesejahteraan organisasi. Penemuan kajian ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Putri dan Osly (2020), yang mengkaji tentang pengaruh tingkah laku, pengurusan masa, motivasi dan kawalan sendiri terhadap ketagihan permainan video atas talian. Kajian ini menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi tingkah laku, pengurusan masa, motivasi dan kawalan sendiri terhadap ketagihan permainan video atas talian.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, aktiviti permainan video atas talian merupakan satu aktiviti yang sedang berkembang pesat namun menerusi kajian ini, didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan permainan video atas talian dengan prestasi tugas, prestasi kontekstual dan tingkah laku tidak produktif dalam kalangan penjawat awam. Hal ini menunjukkan bahawa penjawat awam masih berintegriti dalam menjalankan tugas dan dapat mengutamakan keutamaan tanggungjawab mereka dengan tidak terpengaruh untuk bermain permainan video atas talian semasa waktu bekerja. Dapatan data ini memperlihatkan bahawa sebagai golongan dewasa yang lebih matang, penjawat awam boleh menjadi contoh kepada generasi muda untuk mengurus dan merancang aktiviti harian supaya aktiviti yang dijalani tidak hanya bertumpu kepada aktiviti permainan video. Oleh yang demikian, diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan menjadi sebahagian sumber rujukan dalam kajian berkaitan ketagihan permainan video atas talian terutamanya dari aspek pendekatan psikologi dan kaunseling.

## Rujukan

- Ahmad Sarji Abdul Hamid (1995). *The civil service of Malaysia: Towards vision 2020*. Kuala Lumpur: Malaysian Administrative Modernization and Management Planning Unit.
- Amirul Awaludin. (2017). *Ketagihan permainan video sebagai masalah kesihatan mental - WHO*
- André, F., Broman, N., Håkansson, A., & Claesdotter-Knutsson, E. (2020). Gaming addiction, problematic gaming and engaged gaming—Prevalence and associated characteristics. *Addictive Behaviors Reports*, 12, 100324.
- American Psychiatric Association (2023). *Internet Gaming*. Diperoleh pada 24 April 2024 daripada laman sesawang <https://www.psychiatry.org/patients-families/internet-gaming>
- Astro Awani. Diperoleh pada Mei 29, 2019, daripada laman sesawang <http://www.astroawani.com/berita-dunia/ketagihan-permainan-video-sebagai-masalah-kesihatan-mental-who-164052>
- Brailovskaia J., Julius M.F, Holger S., Jurgen M. (2022). A two-week gaming abstinence reduces Internet Gaming Disorder and improves mental health: An experimental longitudinal intervention study. Diperoleh pada 26 April 2024 melalui laman sesawang [https://www.researchgate.net/publication/360574777\\_A\\_twoweek\\_gaming\\_abstinence\\_reduces\\_Internet\\_Gaming\\_Disorder\\_and\\_improves\\_mental\\_health\\_An\\_experimental\\_longitudinal\\_intervention\\_study](https://www.researchgate.net/publication/360574777_A_twoweek_gaming_abstinence_reduces_Internet_Gaming_Disorder_and_improves_mental_health_An_experimental_longitudinal_intervention_study)
- Bernama (24 Oktober 2019). *Penjawat awam ketagih 'game online' : PPIM* . Sinar Harian, Dilayari pada 24 April 2024 <https://www.sinarharian.com.my/article/53864/berita/nasional/penjawat-awam-ketagih-game-online-ppim>
- Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin. 2012. Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin*, 36: 49-74.

- Ciris, V., Baskonus, T., Kartal, T., & Tasdemir, A. (2022). A study on digital game addictions of adolescents in the Covid-19 pandemic. *Journal of Education in Science Environment and Health*, 8(2), 168-186.
- Edward J. L. & Lyman W. P (2008). The Effect of Performance on Job Satisfaction. *Journal of Economy and Society* 7(1):20 - 28.
- Ferris, D. L., Lian, H., Brown, D. J., Pang, F. X. J., & Keeping, L. M. (2010). Self-Esteem and Job Performance: The Moderating Role of Self-Esteem Contingencies. *Personel Psychology*.
- Frontiers in Human Neuroscience* (2017)<https://www.frontiersin.org/journals/human-neuroscience>
- Huey, M., & Giguere, D. (2023). The Impact of Smartphone Use on Course Comprehension and Psychological Well-Being in the College Classroom. *Innovative Higher Education*, 48(3), 527-537
- Jalayer Khalilzadeh, Giacomo Del Chiappa, Jafar Jafari & Hamid Zargham Borujeni. (2013). Methodological approaches to job satisfaction measurement in hospitality firms. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 25(6), 865 - 882.
- Ismail Sualman (2019, November 3). Ketagihan media sosial sudah serius. *Sinar Harian*. Dilayari pada 25 Januari 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article>
- King D. L., Delfabbro P. H., Griffiths M. D. (2010). Video game structural characteristics: A new psychological taxonomy. *International Journal of Mental Health and Addiction*. 8(1):90–106.
- King ALS, Valença AM, Silva ACO, Baczynski T, Carvalho MR, Nardi AE (2013). Nomophobia: Dependency on virtual environments or social phobia? *Comput Human Behav*. 29:140–4.
- King AL, Valenca AM, Silva AC, Sancassiani F, Machado S, Nardi AE (2014). “Nomophobia”: impact of cell phone use interfering with symptoms and emotions of individuals with panic disorder compared with a control group. *Clin Pract Epidemiol Ment Health*. 10:28–35.

- Kwak, M. J., Cho, H. & Kim, D. J. (2022). The Role of Motivation Systems, Anxiety, and Low Self-Control in Smartphone Addiction among Smartphone-Based Social Networking Service (SNS) Users. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(11), 6918.
- Lemmens, J. S., Valkenburg, P. M., & Peter, J. (2009). Development and validation of a game addiction scale for adolescents. *Media Psychology*, 12(1), 77–95. <https://doi.org/10.1080/15213260802669458>
- Malaysia Gazette (2023) Akibat buruk ketagihan permainan online [https://malaysiagazette.com/2023/12/20/akibat-buruk-ketagihan-permainan-online/#google\\_vignette](https://malaysiagazette.com/2023/12/20/akibat-buruk-ketagihan-permainan-online/#google_vignette)
- Moroesi G. & Pitikoe-Chiloane. (2023). Examining The Association Between Self-Control And Mobile Game Addiction: The Role Of Smartphone Addictionsocial *Sciences and Education Research Review*, 2023, vol. 10, issue 2, 240 – 249
- Normah Mustafa, Wan Amizah, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan & Mohd Helmi. (2013). Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di Lembah Klang. *Malaysian Journal of Communication* 29(1): 199-212.
- Natasha Meiliza, Mutia Kahanna, Septriani (2024). Online Slot Games Addiction Phenomenon Case Study of Cultural Anthropology Students Batch 2020 Isi Padangpanjang. Diperoleh pada 24 April 2024 melalui laman sesawang <https://jsret.knpub.com/index.php/jrest/article/view/338>
- Neural Basis of Video Gaming: A Systematic Review (2017 & 2020). *Frontiers in Human Neuroscience*. <https://www.frontiersin.org/journals/human-neuroscience/articles/10.3389/fnhum.2017.00248/full?ref=timesnext>
- Palau, M., Marron, E. M., Viejo-Sobera, R., & Redolar-Ripoll, D. (2017). Neural basis of videogaming: a systematic review. *Frontiers in Human Neuroscience*, 11. <https://doi.org/10.3389/fnhum.2017.00248>
- Petry N., Rehbein F., Gentile A.D, Lemmens S.J (2014). An international consensus for assessing Internet gaming disorder using the new DSM-V approach. Diperoleh pada 26 April 2024 melalui pautan [https://www.researchgate.net/publication/259880596\\_An\\_international\\_consensus\\_for\\_assessing\\_Internet\\_gaming\\_disorder\\_using\\_the\\_new\\_DSM-V\\_approach](https://www.researchgate.net/publication/259880596_An_international_consensus_for_assessing_Internet_gaming_disorder_using_the_new_DSM-V_approach)

- Putri Olivia Fanny, Osly Usman (2020) Influence of Behavior, Time Management, Motivation, and Self-Control on Addiction to Playing Online Games. [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=3512323](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3512323)
- Rushdan N, (2018). Ketagih permainan video (“*video game addiction*”). Diperoleh pada Jun 27, 2019 daripada laman sesawang <https://dribnusina.blogspot.com/2018/07/ketagih-permainan-video-video-game.html>
- Sherina Mohd Sidik (2020). ‘Ketagihan Permainan Video (Video Game) Dan Kesihatan Mental Pelajar’. UPM.
- (SecurEnvoy, 2012). 66% of the population suffer from Nomophobia the fear of being without their phone. Diperoleh pada 25 April 2024 melalui laman sesawang <https://securenvoy.com/blog/66-population-suffer-nomophobia-fear-being-without-their-phone-2/>
- Sinar Harian (2019). Penjawat awam ketagih ‘game online’: PPIM. Diperoleh pada 24 April 2024 melalui laman sesawang <https://www.sinarharian.com.my/article/53864/berita/nasional/penjawat-awam-ketagih-game-online-ppim>
- Stewart, A. (2019). One last time. *Psychiatric News*, 54(10), appi.pn.2019.5b13. <https://doi.org/10.1176/appi.pn.2019.5b13> . The severity of addiction mediates loneliness and cortical volume in internet gaming disorder. *NeuroReport* 35(1):p 61-70, January 03, 2024. | DOI: 10.1097/WNR.0000000000001975
- WHO (2018). Gaming disorder. Diperoleh pada Jun 25, 2019 daripada laman sesawang <https://www.who.int/features/qa/gaming-disorder/en/>
- Yahaya, A. (2014). Pengaruh media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar sekolah menengah, (August). <https://doi.org/10.13140/2.1.2909.3761>
- Yildirim Caglar, dan Correia Ana-Paula (2015). Exploring the dimensions of nomophobia: Development and validation of a self-reported questionnaire. Diperoleh pada 25 April 2024 melalui laman sesawang [https://www.researchgate.net/publication/273705474\\_Exploring\\_the\\_dimensions\\_of\\_nomophobia\\_Development\\_and\\_validation\\_of\\_a\\_self-reported\\_questionnaire](https://www.researchgate.net/publication/273705474_Exploring_the_dimensions_of_nomophobia_Development_and_validation_of_a_self-reported_questionnaire)

Young-Gun, Kyounghee, dan Eun Jung (2018) The Impact of Video Game Addiction in the Workplace.[https://www.researchgate.net/publication/329668665\\_The\\_Impact\\_of\\_Video\\_Game\\_Addiction\\_in\\_the\\_Workplace](https://www.researchgate.net/publication/329668665_The_Impact_of_Video_Game_Addiction_in_the_Workplace)

## Faktor Sosialisasi dan Tingkah Laku Buli Remaja Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

**Suhaili Sulaiman**

SMKA Melor Padang Raja, Kota Bharu

suhailisulaiman7@gmail.com

### Abstrak

*Masalah buli di kalangan remaja sekolah semakin hangat diperkatakan oleh masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tingkah laku buli dan menentukan hubungannya dengan faktor sosialisasi. Dimensi yang dikaji ialah tingkah laku buli dan mangsa buli secara langsung, tidak langsung dan faktor-faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku buli remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kelantan. Faktor sosialisasi termasuklah pengaruh orang dewasa, rakan sebaya dan persekitaran. Kajian ini penting kerana ia dapat memberi maklumat kepada pelajar dan pihak sekolah dalam usaha mengawal dan memberi kesedaran terhadap tingkah laku buli ini. Pendekatan kuantitatif melalui kaedah kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri dari 200 orang pelajar tingkatan 2 dan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kelantan. Data kajian diperolehi menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 33 item. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dengan menggunakan Alpha Cronbach 0.909 dan ianya boleh diterima dan digunakan. Hasil kajian tinjauan menunjukkan faktor sosialisasi mempengaruhi remaja bertingkah laku buli di sekolah. Diharap kajian ini menjadi satu panduan dan dapat memberi maklumat kepada pihak sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha melahirkan pelajar yang berkualiti pada masa hadapan.*

**Kata kunci:** tingkah laku buli, remaja, faktor sosialisasi

## Pengenalan

Data daripada Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) dari Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan jumlah kes buli meningkat dari tahun 2021 hingga 2023. Berdasarkan data dikongsi Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying di Dewan Rakyat, jumlah kes buli yang direkodkan pada 2021 adalah 326 kes, rendah kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Begitupun, pada tahun 2022, jumlahnya meningkat mendadak kepada 3,887 kes manakala pada tahun 2023, sehingga Oktober, jumlahnya adalah 4,994 kes.

Kejadian buli yang dilaporkan ini semakin menular di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama di Malaysia. Astro Awani, Januari 2024 Kuala Lumpur: Seorang pelajar lelaki yang tular menerusi media sosial kerana memukul berkali-kali bahagian muka rakannya menggunakan topi keledar telah ditahan. Ketua Polis Daerah Sentul ACP Ahmad Sukarno Mohd Zahari berkata pelajar berusia 15 tahun itu ditahan kira-kira 1.22 pagi bagi membantu siasatan selepas diserahkan ibunya di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul. Siasatan dilakukan selepas polis menerima laporan daripada bapa mangsa memaklumkan anak lelakinya yang berusia 14 tahun telah dipukul rakan sekolah pada hari berkenaan.

Institusi sekolah merupakan pusat untuk membentuk jati diri dan pengisian ilmu. Remaja iaitu pelajar yang menjadi ahli dalam institusi tersebut merupakan harapan agama, bangsa dan negara bagi menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan. Kamus Dewan (2002) mendefinisikan bahawa remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur berkahwin. Perubahan tersebut berlaku dalam sosialisasi remaja serta mempengaruhi tingkah laku remaja. Tugas mendidik remaja merupakan satu tugas yang penuh dengan cabaran dan amat rumit. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibu bapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan.

Gejala buli ini yang membabitkan pelajar amat memeranjatkan masyarakat kerana falsafah yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk melahirkan insan yang berperibadi mulia tidak mencapai matlamat yang diharapkan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan Jamalsafri (2010) mendapati bahawa pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya kes buli di sekolah seperti faktor status sosial dalam hirarki rakan sebaya, faktor maskuliniti, konflik keluarga, pengaruh media massa, kelemahan pengurusan sekolah dan sebagainya.

Perbuatan buli merupakan suatu aktiviti yang tidak bermoral dan boleh menjejaskan imej sekolah. Justeru itu, perbuatan buli di kalangan pelajar sekolah perlulah diberi perhatian terutamanya di usia muda. Pihak sekolah, organisasi pendidikan dan masyarakat setempat perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung kes buli yang semakin berleluasa pada era globalisasi ini.

### **Pernyataan Masalah**

Kes-kes berkaitan tingkah laku buli yang biasanya dilaporkan berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan makin menular ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Tanggapan masyarakat terhadap pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama amat tinggi kerana ia merupakan sebuah tempat yang diharap dapat melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, cemerlang dan seimbang dari aspek *Akhlak Islamiah*. Mereka juga diharapkan mempunyai tingkah laku yang selaras dengan cara hidup Islam.

Perbuatan membuli dalam kalangan pelajar sekolah beraliran agama telah berlaku di Pahang iaitu di Sekolah Menengah Agama (SMA) Al Maidah Addiniah, Padang Tengku, Lipis iaitu salah sebuah daripada 18 sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri atau lebih tepat Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Seorang pelajar tingkatan satu sekolah berkenaan, menjadi mangsa buli oleh pelajar senior sekolah berkenaan. Berikutan itu pelajar tersebut dikatakan hampir lumpuh dan terpaksa dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mendapatkan rawatan lanjutan.

Pada tahun 2010 seorang pelajar 16 tahun meninggal dunia akibat dibuli dan di dera 5 orang pelajar di Maktab Tentera Diraja Malaysia Sungai Besi. Berdasarkan statistik polis, jenayah buli menunjukkan trend peningkatan ketara pada tahun 2022 dengan sejumlah 122 kes disabitkan kesalahan dari awal Januari sehingga akhir Julai 2022. Situasi itu jauh berbeza dengan rekod sepanjang tahun 2021 hanya 50 kes manakala pada 2020 pula sebanyak 122 kes, iaitu turun berbanding 244 pada 2019 dan 264 pada 2018. Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah bukan sahaja merupakan masalah negara kita, tetapi ianya juga merupakan masalah di seluruh dunia.

Kajian dari Mohd Rodzi Bin Akob (2019), penyelidik telah memetik laporan dapatan kajian, iaitu seramai 799 orang pelajar sekolah menengah di Amerika Syarikat telah menunjukkan impak negatif sepanjang hayat terhadap gejala buli. Dalam konteks ini, tekanan secara berterusan sehingga mempengaruhi proses pembelajaran akan dihadapi oleh mangsa buli di samping menimbulkan

rasa bimbang, mudah cemas, tidak suka bergaul serta berhadapan dengan situasi yang melibatkan kecederaan fizikal sehingga ada yang sanggup membunuh diri.

Huraian di atas menggambarkan masalah yang timbul akibat tingkah laku buli dalam kalangan pelajar. Masalah ini akan memberi kesan negatif kepada pelajar, bahkan bakal menjejaskan peranan sekolah. Anggapan bahawa sekolah adalah kawasan yang paling selamat untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak perlulah direalisasikan dalam erti kata yang sebenarnya. Persekitaran yang selamat dan selesa sudah semestinya dapat menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna dan berkesan.

### **Tujuan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah kajian, kajian ini meninjau sejauh mana faktor sosialisasi mempengaruhi tingkah laku buli di kalangan remaja SMKA di Kelantan. Kajian ini perlu dijalankan memandangkan kewujudan masalah tersebut adalah secara terselindung dan meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan ke atas mangsa. Ia perlu diberi perhatian serius kerana isu sarwajagat secara umumnya telah mewujudkan suasana kurang sihat di sekolah dan bertentangan dengan hak pelajar untuk belajar dalam keadaan yang selamat tanpa rasa takut.

Adalah diharapkan dengan kajian ini, dapat memberi maklumat kepada penyelidik tentang konsep buli, jenis-jenis tingkah laku buli, faktor sosialisasi yang menyumbang kepada tingkah laku buli. Di samping itu kajian ini dapat memberi maklumat dan panduan dalam menangani masalah tingkah laku buli di kalangan pelajar khususnya di sekolah yang dikaji.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini mempunyai batasan dari segi lokasi dan pelajar. Memandangkan terdapat 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Daerah Kota Bharu dan jumlah pelajar yang ramai maka pengkaji memilih sebuah sekolah ini yang terletak di bandar Kota Bharu, Kelantan sebagai populasi dan sampel kajian. Pengkaji memilih pelajar tingkatan dua dan empat sahaja sebagai populasi dan sampel kajian disebabkan sampel tidak terlibat dengan peperiksaan besar manakala pelajar tingkatan lima tidak dipilih kerana mereka terlibat dengan peperiksaan SPM.

Dari segi jumlah populasi di sebuah sekolah yang dipilih pelajar tingkatan dua seramai 200 orang manakala pelajar tingkatan empat seramai 150 orang sebagai subjek kajian. Bagi menjalankan kajian seramai 200 orang pelajar

akan diambil sebagai responden. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual sampel saiz Cohen (2001) iaitu untuk saiz populasi 200, sampel yang diambil 132. Oleh kerana kajian ini dibuat terhadap pelajar-pelajar dalam Kota Bharu sahaja, maka hasil kajian bukanlah generalisasi yang mewakili seluruh pelajar negeri Kelantan. Sampel sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Kajian ini juga terhad kepada soal selidik yang disediakan di dalam instrumen semata-mata. Tanggapan responden terhadap beberapa pembolehubah yang mempengaruhi sikap dan nilai mereka mungkin ada kemungkinan menyebabkan mereka enggan memilih jawapan yang tepat dan memberi respon yang jujur kerana perlu melindungi diri mereka.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk menentukan;

1. Mengenal pasti peratusan pengaruh orang dewasa terhadap tingkah laku buli remaja.
2. Mengenal pasti peratusan pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku buli remaja.
3. Mengenal pasti peratusan pengaruh persekitaran terhadap tingkah laku buli remaja.
4. Mengenal pasti peratusan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah

### **Tinjauan Literatur**

Bahagian ini membincangkan beberapa penulisan dan penyelidikan tentang tingkah laku buli iaitu berkaitan dengan tingkah laku buli, sebab-sebab bertingkah laku buli dan kesan tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsanya. Faktor sosialisasi merupakan salah satu sebab kepada tingkah laku buli. Bab ini juga akan menyorot kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tingkah laku buli. Ini dapat membantu penyelidik dalam mengkaji tingkah laku buli di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Daerah Kota Bharu, Kelantan.

Perlakuan buli merupakan tingkah laku yang agresif dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau kumpulan (Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, Hamimah Abu Naim (2015). Terdapat tingkah laku buliyang mendatangkan kecederaan terhadap mangsa. Terdapat pelbagai jenis tingkah laku buli seperti mengejek, memulau, ugutan, penderaan, memukul dan sebagainya. Amin Al Haadi (2013) pula menyatakan buli ialah tingkah laku ganas yang membawa kesan negatif yang mendalam kepada mangsa.

Tingkah laku buli boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu bentuk fizikal dan juga verbal serta psikologi. Perlakuan ini secara langsung ataupun tidak langsung. Tingkah laku buli dalam bentuk fizikal adalah perbuatan yang melibatkan pukul memukul atau sepak terajang. Ianya juga boleh melibatkan penggunaan senjata, ugutan serta ancaman. Manakala buli bentuk verbal dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek misalnya jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli. Pelajar yang mempunyai paras rupa tidak menarik atau berkulit gelap juga kerap menjadi mangsa. Sungguhpun kes buli secara verbal dan psikologi ini kurang mendapat perhatian media, ia sebenarnya lebih serius berlaku di sekolah berbanding kes buli secara fizikal.

Jenis Buli	Fizikal	Verbal
Secara langsung	<ul style="list-style-type: none"><li>serangan dalam bentuk fizikal</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Menggelar dengan nama yang buruk</li><li>Bercakap dengan bahasa kesat</li></ul>
Secara tidak langsung	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyembunyikan atau merosakkan harta benda</li><li>Penyisihan daripada kumpulan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyebarkan fitnah</li><li>Menghina mangsa dibelakangnya</li></ul>

**Jadual 1: Jenis Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah (Nur Izzati Mat Isa, Mohd Razimi Hussin, Nur Haqima Farhana Abdul Rahim, Wan Nur Izzwani Wan Izham, Nur Atasya Izati Bakeri, Farah Nurhafiza Shamsul Anuar, Najiha Mohbob, 2020)**

Menurut Zulkifli al-Bakri (2016) ketika mengulas tentang buli menurut Islam, beliau berpandangan bahawa buli adalah merupakan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam yang benar-benar menjaga dan memelihara Karamah Insaniah (Kemuliaan Insan) berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud: Dan demi sesungguhnya Kami telah muliakan anak Adam. Surah al-Isra (70).

Antara sebab-sebab bertingkahtulaku buli adalah kerosakan dalam hubungan antara ibubapa dan anak. Profesor Dr. Zuria Mahmud menyatakan berlakunya kemerosotan dalam hubungan dan kasih sayang antara ibubapa-anak menyumbang kepada gejala buli. Kerosakan hubungan ibubapa-anak yang dikenalpasti adalah faktor tekanan hidup. Kehidupan yang dilalui oleh ibubapa yang bertungkus lumus mencari rezeki untuk menampung kos kehidupan yang

semakin tinggi sebenarnya mengundang stres sehingga boleh mengakibatkan hubungan antara ibubapa dan anak mula menjadi renggang. Faktor-faktor seperti tekanan di tempat kerja dan masalah kewangan tidak ditangani dengan baik, hubungan ibubapa-anak yang semakin renggang tersebut kemudiannya boleh mengakibatkan stres yang memuncak sehingga berupaya membawa kepada penderaan anak. Kanak-kanak yang telah melalui penderaan emosi dan mental akibat layanan buruk atau pengabaian sebenarnya mengakibatkan tekanan jiwa, emosi dan mental. Kesan-kesan negatif sebegini akhirnya memainkan peranan merosakkan jiwa, emosi serta mental mereka sehingga mereka berpotensi untuk bertukar menjadi pembuli untuk melepaskan tekanan serta untuk mendapatkan perhatian orang di sekelilingnya.

Seterusnya sebab bertingkah laku buli adalah berpunca dari masalah ibu bapa. Menurut kajian Ngo Yew Yung, Nasharuddin Imraan, Muhammad Afiq Aizaq, Nasharuddin Imraa, Fatin Nur Syahirah, Nor Nasihah, Nurul Nasuha, Mohd Razimi (2019), kebanyakan ibu bapa tidak percaya anak mereka mempunyai masalah di sekolah, jika mendapat makluman daripada pihak sekolah mereka melenting dan menyalahkan pihak sekolah. Pada hakikatnya, mereka sendiri tidak mengenali peribadi anak mereka dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, anak-anak mereka membesar di asrama dan menghabiskan masa mereka bersama guru di sekolah. Ibu bapa hanya berjumpa dengan anak-anak pada hujung minggu dan musim cuti sekolah.

Menurut kajian Mohd Razimi Husin, Nur Izzati Mat Isa, Nur HaqimaFarhana Abdul Rahim, Wan Nur Izzwani Wan Izham, Nur Atasya Izati Bakeri, FarahNurhafiza Shamsul Anuar, Najiha Mohbob (2020), antara faktor utama yang serius bagi masalah buli di setiap sekolah di negara ini adalah kurangnya didikan agama dan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak. Hal ini kerana ibu bapa terlalu sibuk mengejar dunia sehingga tiada masa untuk mendidik anak-anak dengan ilmu agama yang secukupnya serta tiada masa yang terluang untuk berkomunikasi dengan anak-anak menyebabkan anak mereka terabai.

Kesan jangka pendek yang dialami mangsa buli dapat dilihat dari segi kesan psikologikal, fizikal, sosial dan pembelajaran. Kesan Psikologikal Beale (2001), Roberts dan Coursel (1996), menyatakan mangsa yang sedang dibuli, mengalami satu atau lebih daripada perkara berikut iaitu ketidakhadiran ke sekolah yang kronik, penurunan prestasi akademik, peningkatan perasaan untuk menentang, kesunyian serta rasa disingkirkan dan timbul rasa ingin membunuh diri. Perkara ini juga disokong oleh pandangan Lereya, Winsper, Heron (2013) di mana mangsa buli juga menunjukkan peningkatan mencederakan diri sendiri

(self harm) dan kecenderungan untuk membunuh diri. Amin Al Haadi (2013) dalam kajiannya di sekolah di Malaysia, menjelaskan bahawa mangsa buli merasa rendah diri, malu sedih, disebabkan diejekan sehingga mereka merasa tidak yakin diri, mudah rasa tersinggung (sensitif), murung, takut atau tidak suka ke sekolah.

Kesan jangka panjang secara fizikal terutamanya tahap kesihatan mangsa buli menunjukkan kesan yang ketara. Mangsa dilaporkan dan dilihat mengalami masalah kesihatan seperti mengalami kesakitan badan, menghadapi masalah pening kepala dan sakit kepala dan juga masalah lambat pulih dari kesakitan (Sigurdson, Wallander, Sund, 2014; Wolke, Copeland, Angold, 2013).

Mangsa buli juga menunjukkan beberapa simptom masalah lain yang menyumbang kepada masalah fizikal jangka masa panjang seperti masalah kemurungan (anxiety disorder) dan mengalami kemurungan apabila mereka mencapai umur awal dewasa dan pertengahan dewasa (Takizawa, Maughan, Arseneault, 2014; Tapinski, Bowes, Shakoor, 2010; Haynie, Nansel, Eitel, 2001). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suriana Binti Che Awang dan Khadijah Alavi (2020), dalam kes tertentu, buli juga boleh menyebabkan mangsa hilang selera makan dan tidak mahu berjumpa dengan orang disekelilingnya. Kesannya ini bukan sahaja memberi kesan kepada biologi atau tubuh badan seseorang tetapi kepada fizikal bagaimana seseorang berfungsi dalam masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merangkumi aspek reka bentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah persampelan dan instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, pengumpulan dan analisis data. Responden adalah pelajar-pelajar tingkatan dua dan empat di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Daerah Kota Bharu, Kelantan. Data dikumpul melalui soal selidik yang pernah digunakan oleh Noran Fauziah (2001) untuk mengukur tingkah laku buli dan kaitannya dengan pengaruh faktor sosialisasi. Perancangan untuk kajian ini bermula pada hujung bulan Januari 2024.

Bab ini juga membincangkan pelaksanaan kajian dan pembinaan instrumen kajian yang dikemukakan kepada responden serta cara kerja yang dilakukan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data mentah.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kelantan adalah berbentuk pendekatan kuantitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk penyelidikan.

Memandangkan temubual secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan, maka pengkaji mengumpul maklumat secara induktif menggunakan set soalan dihantar melalui mel elektronik kepada responden. Kaedah ini sesuai untuk mengetahui tingkah laku buli dan mangsa buli secara langsung dan tidak langsung, perasaan mangsa dan faktor-faktor sosialisasi remaja. Pendekatan yang digunakan untuk melihat hubungan di antara tingkah laku buli dengan pengaruh faktor sosialisasi.

### **Populasi dan sampel**

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar SMKA di daerah Kota Bharu dari tingkatan 2 dan 4 sahaja. Jumlah populasi adalah seramai 350 orang pelajar. Pemilihan sampel pelajar adalah secara persampelan Rawak Mudah. Bagi menjalankan kajian seramai 200 orang pelajar akan diambil sebagai responden. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan cohen (2001) yang menentukan saiz bagi populasi 200 pelajar, jadi sampel yang perlu diambil adalah 132. Sekolah terpilih hanya 1 buah sekolah sahaja iaitu SMKA Melor, Kota Bharu, Kelantan.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di daerah Kota Bharu, Kelantan. Sekolah ini dipilih kerana berisiko dari segi tingkah laku buli secara langsung dan tidak langsung. Merupakan sekolah yang terpilih memandangkan kemasukan pelajar berdasarkan keputusan 5A dalam peperiksaan akhir tahun. Pemilihan sekolah tersebut berdasarkan laporan dan sesi kaunseling yang telah dijalankan, mendapati tingkah laku buli secara langsung dan tidak langsung yang belaku sepanjang sesi persekolahan 2023.

### **Instrumen**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates pula (1980) berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini pada asasnya adalah yang pernah dijalankan oleh Noran Fauziah (2001) dari Universiti Utara Malaysia. Oleh kerana matlamat kajian ini adalah mendapatkan tentang tingkah laku buli dan hubungannya dengan pengaruh faktor sosialisasi remaja SMKA di Daerah Kota Bharu, Kelantan, soal selidik telah dikesilkan skop bagi memenuhi tajuk kajian.

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat. Instrumen berkaitan digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pemboleh ubah yang ingin dikaji iaitu faktor sosialisasi dan tingkah laku buli pelajar.

Bahagian A	: Demografi	5 item
Bahagian B	: Tingkah laku buli	18 item
Bahagian C	: Sosialisasi	15 item

### **Bahagian A: Demografi**

Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan maklumat tentang latar belakang meliputi aspek jantina, bangsa, sekolah dan penjaga. Responden perlu menjawab dengan membulatkan pada pernyataan yang dipersetujui. Kaedah ini mampu memberikan maklumat tepat yang dikehendaki (Borg & Gall, 1983).

### **Bahagian B: Tingkah laku buli**

Bahagian ini terdiri daripada 18 item, mengumpul maklumat tentang tingkah laku buli dan mangsa buli secara tidak langsung dan secara langsung. Sebanyak enam item mengukur tingkah laku buli secara tidak langsung ditandakan dengan nombor 1 hingga 6 dan lima item mengukur tingkah laku buli secara langsung ditandakan dengan nombor 7,8,9,16 dan 18. Item-item ini mengukur tingkah laku mangsa buli secara tidak langsung ditandakan dengan nombor 10,11,12 dan 15 dan tiga item bagi mangsa buli secara langsung ditandakan dengan nombor 13,14 dan 17. Skala likert 1, 2, 3 dan 4 masing-masing bermaksud 'tidak pernah', 'kadang-kadang', 'kerap kali' dan 'selalu' digunakan bagi mengukur tingkah laku buli dan mangsa buli.

### **Bahagian C: Sosialisasi**

Bahagian C merupakan proses sosialisasi yang dialami oleh pelajar, terdiri daripada tiga pemboleh ubah bebas iaitu hubungan responden dengan orang dewasa, rakan sebaya dan persekitaran.

### **Hubungan Pelajar dengan Orang Dewasa**

Sebanyak tujuh item digunakan untuk mengukur darjah perhubungan responden dengan orang dewasa ditandakan dengan nombor 1 hingga 7. Item 1 hingga 4 menggunakan skala Likert 1 hingga 4 bagi mengukur pengaruh orang dewasa

terhadap sikap dan tingkah laku buli secara langsung dan tidak langsung masing-masing memberi maksud 'Tiada', 'Sedikit', 'Banyak' dan 'Semua'. Item 5 adalah untuk melihat perhubungan responden dengan ibu bapa, orang dewasa atau penjaga dari segi stail kepimpinan dan cara peneguhan tingkah laku pelajar dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 4 masing-masing memberi maksud 'Tiada', 'Sedikit', 'Banyak', dan 'Semua'. Item 6 dan 7 mengkaji corak remaja menghabiskan masa bersama orang dewasa pada hari-hari persekolahan dan pada hari-hari biasa dengan skala pengukuran 1 hingga 4 masing-masing memberi maksud '0 minit', '1-30minit', '30minit-1Jam', '1-2 jam' dan '2 jam ke atas'.

### **Pengaruh Rakan Sebaya**

Hubungan responden dengan rakan sebaya diukur menggunakan empat item ditandakan dengan nombor 8 hingga 11. Perlakuan responden yang hendak dikaji adalah tingkah laku agresif yang dilakukan oleh responden sebulan lalu hasil hubungan mereka dengan rakan sebaya. Pengukuran dibuat menggunakan skala Likert 1 hingga 4 membawa maksud 'Tidak', 'Sedikit', 'Banyak' dan 'Semua'.

### **Keselamatan dan Persekitaran Pelajar**

Dalam bahagian ini responden dikehendaki memberi maklumat mengenai tahap keselamatan pelajar dan pengaruh persekitaran terhadap tingkah laku pelajar. Sebanyak 4 item digunakan untuk mengukur keselamatan pelajar di kawasan tempat tinggal, di sekolah, semasa pergi dan balik dari sekolah dan unsur-unsur gensterisme di kawasan tempat tinggal ditandakan dengan nombor 12,13,14, dan 15. Bagi mengukur tahap keselamatan pelajar skala Likert 1 hingga 4 digunakan bagi menerangkan 'Tidak Pernah', 'Jarang', 'Kadang-kadang' dan 'Selalu'.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi dan semua data yang telah diperolehi dianalisis berdasarkan persoalan-persoalan tersebut dan merupakan huraian kepada hasil tindakbalas responden terhadap soal selidik yang telah diberikan.

### **1. Faktor Sosialisasi Pelajar**

Sebanyak tiga pembolehubah sosialisasi digunakan untuk mengukur tahap tingkah laku buli responden iaitu hubungan pelajar dengan orang dewasa, rakan sebaya dan persekitaran tempat tinggal pelajar. Faktor-faktor sosialisasi dapat menerangkan dengan lebih jelas persoalan mengenai faktor yang mempengaruhi tingkah laku

buli, profil pelajar, bagaimana pelajar dipengaruhi rakan sebaya, pandangan orang dewasa dan keselamatan tempat tinggal pelajar.

**Jadual 1: peratusan faktor sosialisasi terhadap tingkah lau buli remaja**

	<b>Bil</b>	<b>Peratus %</b>
Faktor orang dewasa		
1. Masa dihabiskan tanpa orang dewasa		
1-30 minit	5	2.5
30 minit-1 jam	50	25
1-2 jam	27	13.5
2 jam ke atas	118	59
2. Masa bercakap atau membuat aktiviti dengan orang dewasa	13	6.5
1-30 minit	41	20.5
30 minit-1 jam	62	31
1-2 jam	84	42
2 jam ke atas		
Faktor rakan sebaya		
1. Mencadangkan melanggar undang -undang		
Tiada	190	95
Sedikit	8	4
Banyak	2	1
Semua		
2. Merosakkan harta benda sekolah atau harta orang ramai		
Tiada	190	95
Sedikit	6	3
Banyak	4	2
Semua		
3. Terlibat dengan kegiatan gengster		
Tiada	191	95.5
Sedikit	9	4.5
Banyak		
Semua		
	<b>Bil</b>	<b>Peratus %</b>

4. Memukul atau mengancam untuk memukul seseorang		
Tiada		
Sedikit		
Banyak	99	99.5
Semua	1	0.5
Faktor keselamatan dan persekitaran pelajar		
1. Saya lihat ada aktiviti gengster di kawasan tempat tinggal saya		
Tidak pernah	168	84
Jarang	27	13.5
Kadang-kadang	5	2.5
Selalu		
2. Saya tinggal di kawasan tempat tinggal yang selamat		
Tidak pernah	11	5.5
Jarang	10	
Kadang-kadang	20	10
Selalu	159	79.5
3. Saya risau tentang keselamatan saya di sekolah		
Tidak pernah	121	60.5
Jarang	50	25
Kadang-kadang	24	12
Selalu	5	2.5
4. Saya risau tentang keselamatan saya semasa pergi dan balik dari sekolah		
Tidak pernah	121	60.5
Jarang	50	25
Kadang-kadang	20	10
Selalu	9	4.5

Jadual 1: menunjukkan peratusan faktor sosiolisasi terhadap tingkah laku buli remaja

Jadual tersebut menunjukkan 59% responden menghabiskan masa tanpa orang dewasa selama 2 jam ke atas, pada hari sekolah, 13.5% responden menghabiskan masa tanpa orang dewasa selama 1 hingga 2 jam, 25% responden menghabiskan masa 30 minit- 1 jam tanpa orang dewasa dan 2.5% responden menghabiskan masa 1-30 minit tanpa orang dewasa.

Seterusnya % masa bercakap atau membuat aktiviti responden bersama orang dewasa, hasil dapatan menunjukkan 42% responden menghabiskan masa 2 jam ke atas untuk bersama orang dewasa. Ini menunjukkan responden mempunyai masa yang agak lama bersama orang dewasa berbanding masa 1-30 minit iaitu 6.5% .

Dapatan data juga menunjukkan 95% responden tiada rakan sebaya yang mencadangkan melanggar undang-undang. Namun terdapat 1% responden yang rakan sebaya mencadangkan melanggar undang-undang. Ini menunjukkan rakan sebaya mempengaruhi responden kepada mematuhi undang-undang.

Seterusnya 95% responden tiada yang merosakkan harta benda sekolah atau harta benda orang ramai. Manakala hanya 1% yang merosakkan harta benda sekolah atau harta benda orang ramai. Ini menunjukkan responden lebih ramai yang menjaga harta benda sekolah atau harta benda orang ramai.

Manakala didapati 99.5% responden tiada yang memukul atau mengancam untuk memukul seseorang dan 0.5% iaitu yang sedikit memukul atau mengancam untuk memukul seseorang. Ini menunjukkan responden membuat tindakan yang betul dan berkelakuan baik.

Dapatan data mengenai faktor keselamatan dan persekitaran pelajar yang mana responden tidak pernah melihat aktiviti gengster di kawasannya sebanyak 84% manakala hanya 2.5% kadang-kadang melihat aktiviti gengster di kawasannya, ini menunjukkan peratusan kecil aktiviti gengster di kawasan responden.

Seterusnya 79.5% responden tinggal di kawasan tempat tinggal yang selamat manakala 5.5% responden yang tidak pernah tinggal di kawasan tempat tinggal yang selamat. Ini menunjukkan kebanyakan responden tinggal di kawasan yang selamat.

Manakala 60.5% responden tidak pernah risau tentang keselamatannya di sekolah berbanding hanya 2.5% yang selalu risau tentang keselamatannya di sekolah. Ini menunjukkan kawasan sekolah adalah selamat.

Dapatan data tentang keselamatan responden semasa pergi dan balik dari sekolah iaitu 60.5% tidak pernah risau berbanding hanya 4.5% responden yang selalu risau keselamatan semasa pergi dan balik dari sekolah. Ini memberi gambaran sekitar kawasan perjalanan ke sekolah adalah selamat.

## **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Tujuan utama kajian ini untuk mengenalpasti sejauh manakah faktor sosialisasi mempengaruhi tingkah laku buli remaja SMKA. Faktor sosialisasi yang mana terdiri dari pengaruh ibu bapa penjaga, pengaruh guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh persekitaran diambil sebagai isu memandangkan proses pembesaran remaja melalui dan melibatkan kesemua faktor tersebut. Buli merupakan masalah sosial remaja, khususnya yang sedang berada di bangku sekolah. Tingkah laku buli berlaku dalam konteks sosial di mana guru-guru dan ibu bapa penjaga tidak menyedarinya.

Perlakuan buli di SMKA yang dikaji adalah berada pada tahap rendah iaitu satu atau dua kali dalam tempoh sebulan melibatkan sebanyak (76.0%) pelajar. Begitu juga membuli secara langsung berada pada tahap rendah melibatkan hanya (20.0%) pelajar. Berdasarkan tahap perlakuan buli di sekolah yang dikaji dapat dibuat kesimpulan bahawa, pelajar-pelajar sekolah berkenaan berada dalam situasi yang selamat dan terkawal dari segi disiplin.

Hasil daripada analisa jawapan pelajar ke atas soalan terbuka, menunjukkan pelajar mengambil kesempatan daripada masa senggang semasa ketiadaan guru. Responden juga melaporkan mereka berasa bosan dengan pengajaran dan suasana kelas yang ramai dan kurang motivasi untuk belajar. Tingkah laku negatif pelajar di bilik darjah secara langsung dan tidak langsung menunjukkan bilik darjah bukan merupakan tempat yang selesa kepada pelajar untuk mengikuti pelajaran. Perbuatan membuli dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah juga menyebabkan pelajar sering berasa cemas dan terancam. Pembuli gemar mengganggu mangsa di luar kawasan sekolah adalah kerana perlakuan mereka kurang diperhatikan oleh orang dewasa dan mangsa kebiasaannya tidak melaporkan kepada orang dewasa seperti ibu bapa penjaga atau guru.

Fathilah Akmal Ismail, Mohd Mahzan Awang dan Abdul Razaq Ahmad (2016), dalam kajian mereka membahagikan faktor berlaku kes pembulian kepada lima iaitu jantina, individu, keluarga, rakan sebaya dan media massa. Mohd Rodzi Akob (2019) melihat bahawa pembuli secara kognitifnya ingin mencari identiti sendiri, ingin dihormati dan dikagumi tetapi pada masa yang sama mereka mahu

berada dalam keadaan selamat yang membawa kepada terjadinya perlakuan drastik untuk memenuhi kehendak mereka tanpa mengira baik atau buruknya perkara tersebut kepada orang lain. Menurut Nur Adlin Yusof dan Mohd Izwan Mahmud (2019), faktor buli dilahirkan oleh diri sendiri, rakan sebaya, ibu bapa, sekolah, masyarakat dan media.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan remaja bertingkah laku buli. Faktor yang difokuskan ialah faktor sosialisasi yang melibatkan ibu bapa penjaga, guru, rakan sebaya dan persekitaran tempat tinggal. Kurang perhatian ibu bapa penjaga dari segi disiplin diri menyebabkan remaja berani bertingkah laku buli. Hubungan remaja dengan ibu bapa penjaga yang sangat kuat mempengaruhi anak-anak sama ada bertingkah laku negatif atau positif. Kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik, majoriti dari responden mempunyai latar belakang ibu bapa yang bercerai. Faktor berlaku delinkuensi dan buli hampir mempunyai kesamaan kerana buli merupakan salah satu perkara yang termasuk dalam delinkuensi dan merupakan salah satu kategori berat di sekolah (Putri Zuleikha, 2022).

Pengaruh guru bermaksud segala tingkahlaku dan perkataan guru adalah dicontohi. Kualiti seorang guru merupakan sumbangan yang paling tinggi dalam menentukan kejayaan seseorang murid. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Nur Farhah dan Fatimah (2018) bahawa apa yang murid dapat bukan bergantung pada sekolah yang mereka hadiri, tetapi bergantung pada guru yang ada dalam sekolah tersebut. Perhatian yang kurang daripada guru mengenai isu yang berlaku dalam bilik darjah membuatkan tingkah laku buli berlanjutan tanpa sebarang tindakan menghalang atau membendung isu tersebut.

### **Pengaruh Sosialisasi Terhadap Tingkah laku Buli**

Dapatan kajian menunjukkan faktor sosialisasi mempengaruhi tingkah laku buli remaja. Pengaruh sosialisasi terdiri daripada tiga item iaitu pengaruh ibu bapa penjaga, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh persekitaran. Dapatan kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa ibu bapa penjaga yang memberi nasihat dan teguran dapat mempengaruhi tingkah laku buli remaja. Sebanyak (31.0%) pelajar menyatakan yang ibu bapa penjaga menyokong tindakan agresif seperti melawan atau membalas pukulan apabila pelajar dipukul dan diancam secara agresif. Manakala (39.0%) remaja menerima nasihat daripada ibu bapa penjaga supaya memberitahu guru atau orang dewasa lain. (30.0%) pelajar difahamkan oleh orang dewasa melalui nasihat bahawa bergaduh tidak mendatangkan sebarang manfaat. Daripada dapatan tersebut menunjukkan ibu bapa penjaga turut terlibat dalam

mempengaruhi tingkah laku buli remaja. Panduan dan sokongan dari ibu bapa penjaga membuatkan remaja berfikir dan membuat pertimbangan wajar dalam mengambil atau membuat sesuatu tindakan. Dapatan kajian juga menunjukkan keputusan 40.0% remaja tidak pernah menerima sebarang hukuman daripada ibu bapa penjaga diatas kesalahan yang mereka lakukan. Hukuman yang diterima oleh pelajar mempunyai implikasi yang positif dan negatif terhadap seseorang remaja. Kesan positif adalah hukuman yang diterima dapat mendidik pelajar supaya tidak buat perkara yang salah dan kesan negatif hukuman menjadikan pelajar rasa marah dan tidak puas hati menyebabkan pelajar bertindak lebih agresif.

Selain itu dapatan kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya menentukan tingkah laku buli remaja. Sebanyak (66.5%) pelajar menghabiskan masa melebihi 2 jam sehari tanpa orang dewasa pada hari-hari persekolahan. Masa yang selebihnya dihabiskan bersama-sama rakan sebaya atau bersendirian. Proses sosialisasi rakan sebaya sangat mempengaruhi tingkah laku remaja. Dapatan menunjukkan 38.0% rakan sebaya mempengaruhi pelajar dengan mencadangkan supaya melanggar undang-undang khususnya peraturan sekolah. Daripada dapatan tersebut, pelajar dipengaruhi oleh rakan sebaya bertindak melanggar peraturan sekolah. Didapati pelajar di SMKA yang dikaji seringkali melanggar peraturan sekolah seperti ponteng kelas dan datang lewat ke sekolah. Isu tersebut berikutan pengaruh rakan sebaya berjaya mendorong pelajar bertingkah laku negatif.

## **RUMUSAN**

Kesimpulan dari hasil kajian, bahawa pengaruh sosialisasi mendominasi tingkah laku buli remaja SMKA. Oleh itu, bagi mangsa buli, ketakutan dan kesakitan bukan sahaja dirasai semasa dibuli, tetapi apabila diancam akan dibuli lagi pada masa hadapan. Oleh yang demikian, mangsa buli akan menghadapi masalah dari segi nilai diri, psikologi, akademik dan perhubungan dengan orang lain. Adalah diharapkan hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak-pihak berkenaan dalam mengenal pasti masalah tingkah laku buli ini, seterusnya berusaha mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya demi kebaikan dan kesejahteraan kepada seluruh pelajar SMKA.

## RUJUKAN

- Ahmad Azam Mohd Syarif (2021) *Permasalahan dan penyelesaiannya dari perspekif syariah* Universiti Utara Malaysia
- Amin Al Hadi (2013) *Intervensi kaunseling kelompok terapi tingkah laku kognitif dalam membantu mangsa buli di sekolah* Universiti Malaya. Jurnal Al Abqari.
- Azizi Hj. Yahaya et al, (2007). *Buli*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Hj. Yahaya et al, (2008). *Indeks Perlakuan Buli Di Kalangan Relajar-Pelajar Di Sekolah Menengah Dan Rendah Di Malaysia*. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Cohen (2001). Determining sample size for research.
- Jamalsafri Saibon (2010) *Hubungan Status Sosial Pelajar, Konflik Keluarga, Tahap Maskulin dan Pendedahan Keganasan Menerusi Media dengan Tahap dan Jenis Kecenderungan Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Lelaki*, Unit Pendidikan Asas, UKM
- Kamus Dewan (2002). Kuala Lumpur , Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahadi Haji Khalid (2007). *Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar SMKA di Sarawak*. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Mellor, A.(1991) Helping victims. In M.Elliot, (Ed.) *Bullying: A Practical Guide to Coping in Schools*. Harlow:Longman.
- Mohd Razimi Husin, Nur Izzati Mat Isa, Nur Haqima Farhana Abdul Rahim, Wan NurIzzwani Wan Izham, Nur Atasya Izati Bakeri, Farah Nurhafiza Shamsul Anuar, NajihaMohbob (2020) *Gejala Membuli dalam Kalangan Pelajar Sekolah*. Faculty of HumanDevelopment, Universitas Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
- Mohd Shubari Lebai Mat (2000). *Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar sekolah menengah atas di Daerah Manjung*, UUM Sintok (tidak diterbitkan).

- Nor Junainah Mohd Isa (2019) *Jurnal Perspektif (2019)Jil 11 Bil 2(1-14)* UPSI
- Noran Fauziah Yaakub (2004). *Insiden Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Implikas Kepada Pengurusan Sekolah*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-11 di Universiti Malaya.
- Norsahida Sakira Kirman1(2021) *Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu , Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)Volume 6, Issue 1, January 2021 e-ISSN : 2504-8562*. Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

## Tahap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Seremban

Affaiza Dawam<sup>1</sup>, Marzatul Marializa Noruddin<sup>2</sup>, Nurmala Kasdanon<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pejabat Pendidikan Daerah Tampin

<sup>23</sup>Pejabat Pendidikan Daerah Seremban

<sup>1</sup>affaiza@moe.gov.my, <sup>2</sup>marzatul.noruddin@moe.gov.my,

<sup>3</sup>nurmala.kasdanon@moe.gov.my

### Abstrak

*Kesihatan mental dalam kalangan guru sangat penting dalam menghadapi cabaran menghadapi situasi bekerja dan murid pada masa kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru sekolah menengah Daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kajian ini adalah kajian tinjauan. Subjek kajian terdiri daripada 338 guru yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan di Daerah Seremban. Alat kajian yang digunakan untuk mengukur kesejahteraan psikologi ialah Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPSi) yang dibina oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM. Bagi tujuan analisis data, statistik yang digunakan adalah analisis deskriptif untuk melihat tahap setiap pembolehubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi responden berada pada tahap tinggi bagi kesejahteraan perhubungan, intelektual, spiritual, identiti dan kewangan. Manakala kesejahteraan emosi, pekerjaan dan fizikal berada di tahap sederhana tinggi. Kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak KPM untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap yang membimbangkan ataupun tidak.*

**Kata kunci:** *tahap, kesejahteraan psikologi, guru sekolah menengah*

## Pengenalan

Kesejahteraan psikologi ialah kebolehan seseorang individu itu menerima dirinya, mengawal persekitaran luaran, berdikari dalam mampu menghadapi tekanan sosial, menyedari potensi diri dan menyalurkannya secara berkesan, bersosial dan mewujudkan perhubungan yang positif bersama orang lain dan mempunyai matlamat hidup supaya diri merasa bermakna dalam kehidupan. Kesejahteraan psikologi seseorang individu akan meningkat sekiranya individu tersebut mempunyai corak pemikiran yang positif dan kesihatan fizikal yang baik (Umi Anugerah Izzati & Olievia Prabandini Muliwana, 2021).

Menurut Deasyanti & Mafazi (2016), tahap kesejahteraan psikologi yang baik akan menjadikan individu berasa lebih berpuas hati dengan kehidupan mereka, mewujudkan keadaan emosi yang lebih positif, dapat menghadapi peristiwa buruk, mempunyai hubungan yang positif, mempunyai matlamat yang jelas, mempunyai kawalan persekitaran yang baik, dapat menentukan kehendak sendiri tanpa bergantung kepada orang lain dan mampu memajukan diri. Guru yang mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi lebih mudah untuk mengatasi masalah dan mengelakkan tekanan, dapat mengawal diri dan berkomunikasi secara baik.

Saraswati & Teja (2018) menyatakan kesejahteraan psikologi juga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor umur, pekerjaan, perhubungan, peribadi dan peristiwa negatif dalam kehidupan. Oleh itu, individu yang mempunyai kesejahteraan psikologinya tinggi adalah lebih produktif, mempunyai kesihatan mental dan fizikal yang baik berbanding individu yang kesejahteraan psikologinya rendah.

Program meningkatkan kesedaran kesejahteraan psikologi guru telah dilaksanakan buat pertama kali di Negeri Sembilan untuk membantu mengurus tekanan emosi guru, kakitangan dan murid. Kesejahteraan psikologi guru perlu menjadi satu aspek yang tidak boleh terlepas pandang daripada peneraju pendidikan samada pada peringkat kementerian jabatan atau pejabat pendidikan daerah (Tutu Haryanti Ahmad Rodzi, 2019). Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah menyatakan isu kesejahteraan emosi dalam kalangan warga pendidik semakin meningkat di seluruh negara terutama selepas berlakunya PKP dua tahun lalu. Kesejahteraan emosi, kepuasan dalam pekerjaan dan pengurusan kewangan perlu disantuni dan diberi perhatian oleh para kaunselor pendidikan terhadap warga pendidik masa kini. Kaunselor perlu memahami diri klien dan alam sekelilingnya bagi melahirkan satu perubahan, penyesuaian, dan perkembangan positif dalam diri klien terhadap sesuatu permasalahan yang dihadapi (Apolinaris Ladat, 2022).

Terdapat lapan konstruk dalam kesejahteraan psikologi iaitu Kesejahteraan emosi iaitu keupayaan seseorang untuk peka terhadap emosi dan dapat memahami emosi dengan baik, Kesejahteraan Pekerjaan iaitu kepuasan yang diperolehi melalui pekerjaan meliputi autonomi, kepuasan kerja, pengiktirafan dan keseimbangan kehidupan kerja. Kesejahteraan fizikal merujuk kepada penjagaan kesihatan individu daripada aspek fizikal yang merangkumi amalan pemakanan, senaman dan kebersihan diri, Kesejahteraan perhubungan ialah kualiti perhubungan dua hala antara individu dan orang lain, Kesejahteraan Intelektual merujuk kepada kebolehan individu untuk berfikir secara rasional, Kesejahteraan Spiritual merupakan amalan individu untuk percaya, berfikir dan bertindak berdasarkan kepada nilai-nilai murni, Kesejahteraan Identiti iaitu penerimaan individu terhadap diri sendiri dari aspek jantina, asal usul budaya, keadaan fizikal dan penampilan diri. Kesejahteraan Kewangan pula merujuk kepada kehidupan yang selesa dan stabil dari aspek kewangan.

### **Pernyataan Masalah**

Isu kesejahteraan psikologi yang rendah dalam kalangan pekerja di Malaysia boleh menjejaskan ekonomi negara sehingga membantutkan pembangunan negara. Faktor kurangnya sokongan organisasi seperti kesukaran untuk bergaul dengan penyelia, rakan sekerja yang kurang bermotivasi dan kekurangan peluang untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi telah menjadi penyumbang kepada stres dalam kalangan pekerja di tempat kerja sehingga menjejaskan psikologi pekerja. Ramai majikan menyedari bahawa pendekatan ke arah kesejahteraan yang positif di tempat kerja akan meningkatkan efikasi kerja dan produktiviti individu tersebut (Nur Jannah Abdullah & Syazwana Aziz, 2013).

Kesan tekanan pekerjaan tidak boleh dipandang ringan kerana tekanan boleh menjejaskan psikologi seperti kemurungan, kelesuan dan gangguan psikosomatik seseorang malah boleh menjejaskan aspek fisiologi seseorang seperti tekanan darah tinggi dan tekanan otot yang kuat atau gelagat prestasi kerja yang lemah, kemalangan, gangguan tidur dan penyalahgunaan dadah. Beban tugas yang banyak ini dikhuatiri menjadi punca guru-guru ini berasa tiada kepuasan untuk bekerja dan mereka tidak mampu untuk memberi sepenuh komitmen dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru (Nor Mohamad Zulhairi Ismail, Jamalul lail Abdul Wahab & Ruzita Md Hassan, 2016). Kenyataan ini disokong oleh kajian Ferlis Bahari, Tan dan Walton (2016) menyatakan tahap kesejahteraan psikologi pekerja akan merosot apabila mereka berdepan dengan pelbagai jenis sumber stres kerja di tempat kerja.

Selain itu, kajian Leong, Muhammad Idris Bullare dan Mohd Dahlan A. Malek (2020) terhadap 363 responden dalam kalangan anggota penguat kuasa untuk mengetahui kesan sumber stres kerja ke atas kesejahteraan psikologi mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesan sumber stres kerja yang negatif dan signifikan ke atas kesejahteraan psikologi dalam kalangan anggota penguat kuasa. Kajian lain oleh Suzylina Mamat dan Nahar Khayrah Abdul Ghaffar (2023) terhadap 200 orang responden dalam kalangan belia mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan hidup dan kesejahteraan psikologi.

Justeru, kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi guru-guru sekolah menengah di Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Mengenal pasti tahap kesejahteraan (emosi, pekerjaan, fizikal, perhubungan, intelektual, spiritual, identiti dan kewangan) dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban

## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah tahap kesejahteraan psikologi emosi dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
2. Apakah tahap kesejahteraan psikologi pekerjaan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
3. Apakah tahap kesejahteraan psikologi fizikal dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
4. Apakah tahap kesejahteraan psikologi perhubungan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
5. Apakah tahap kesejahteraan psikologi intelektual dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
6. Apakah tahap kesejahteraan psikologi spiritual dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
7. Apakah tahap kesejahteraan psikologi identiti dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?
8. Apakah tahap kesejahteraan psikologi kewangan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?

## **Kajian Lepas**

Kajian oleh Ahmad Akram Zaki Ahmad Tarmizi & Mohd Izwan Mahmud (2022) untuk mengenalpasti hubungan antara efikasi sendiri guru dan dengan kesejahteraan psikologi terhadap 75 orang responden. Dapatan menunjukkan

guru-guru mempunyai tahap efikasi sendiri dan kesejahteraan psikologi yang tinggi.

Kajian oleh Nur Jannah Abdullah & Syazwana Aziz (2023) terhadap 30 orang kakitangan jabatan zakat MAINS. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesejahteraan psikologi dan tekanan mengikut jantina dalam kalangan responden. Ini menunjukkan faktor tekanan yang dihadapi oleh pekerja samada pekerja lelaki atau perempuan tidak memberi kesejahteraan psikologi di tempat kerja.

Kajian oleh Nor Ezdianie Omar (2010) dalam kalangan pelajar universiti swasta menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan psikologi responden berada pada tahap sederhana pada setiap dimensi dalam kesejahteraan psikologi. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan skor min kesejahteraan psikologi pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Ini disokong oleh kajian Mohd Suhaimi Mohamad & Rozita Ibrahim (2018) kepada 200 responden untuk melihat perbezaan jantina terhadap kesihatan mental dan tekanan psikologikal. Dapatan kajian menunjukkan tekanan psikologikal dan tahap kesihatan mental pelajar lelaki lebih tertekan berbanding pelajar perempuan. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari aspek tekanan psikologikal dan kesihatan mental secara umum.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berasaskan lapan konstruk iaitu Kesejahteraan emosi, kesejahteraan pekerjaan, kesejahteraan fizikal, Kesejahteraan perhubungan, Kesejahteraan Intelektual, Kesejahteraan Spiritual, Kesejahteraan Identiti dan Kesejahteraan Kewangan.

Kajian ini adalah untuk membantu Kaunselor Pendidikan Daerah khususnya dan JPN serta KPM umumnya untuk mengenal pasti guru-guru yang memerlukan bimbingan psikologi supaya kesihatan mental guru sihat dan tidak membimbangkan.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan dan seramai 338 responden dipilih berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh krijsie & Morgan (1970) sebagai sampel kajian daripada keseluruhan populasi guru-guru sekolah menengah di daerah Seremban. Instrumen kajian menggunakan Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi) yang mempunyai 80

item dan setiap konstruk mempunyai 20 item yang ditulis secara negatif dan positif. Inventori ini dibangunkan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM berdasarkan Model kesejahteraan Bill Hettler (1976), Model Kesejahteraan Ryff (1989) dan Model Kesejahteraan Myers dan Sweeney (2005). Kebolehpercayaan soal selidik adalah tinggi, hasil analisis *Cronbach Alpha* bagi pemboleh ubah kesejahteraan psikologi adalah 0.87

TAHAP	SKOR (%)
Rendah	1-20
Sederhana Rendah	21-40
Sederhana	41-60
Sederhana Tinggi	61-80
Tinggi	81-100

**Jadual 1 menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi mengikut skor (%)**

### Analisis data

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS Window* 26. Dapatan data yang telah dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan, frekuensi, min dan sisihan piawaian. Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan bagi menjawab kesemua persoalan kajian.

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian berdasarkan persoalan

**Persoalan 1: Apakah tahap kesejahteraan psikologi emosi dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 2: Tahap kesejahteraan psikologi emosi dalam kalangan guru sekolah menengah (n=338)**

Bil.	Pemboleh ubah	Tahap				Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana	Sederhana Rendah		
1	Emosi	117 (34.6%)	188 (55.6%)	31 (9.2%)	2 (0.6%)	1.75	0.63

Hasil dapatan di Jadual 2 menunjukkan seramai 188 (55.6%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi emosi adalah sederhana tinggi. Manakala seramai 117 (34.6%) orang guru di tahap tinggi. Seramai 31 (9.2%) orang guru di tahap sederhana dan 2 (0.6%) orang guru berada di tahap sederhana rendah. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi emosi dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap sederhana tinggi.

**Persoalan 2: Apakah tahap kesejahteraan psikologi pekerjaan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 3: Tahap kesejahteraan psikologi pekerjaan dalam kalangan guru sekolah menengah (n=338)**

Bil.	Pembolehubah	Tahap			Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana Rendah		
1	Pekerjaan	109 (32.2%)	199 (58.9%)	29 (8.6%)	1 (0.3%)	1.76 0.60

Hasil dapatan di Jadual 3 menunjukkan seramai 199 (58.9%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi pekerjaan adalah sederhana tinggi. Manakala seramai 109 (32.2%) orang guru di tahap tinggi. Seramai 29 (8.6%) orang guru di tahap sederhana dan 1 (0.3%) orang guru berada di tahap sederhana rendah. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi pekerjaan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap sederhana tinggi.

**Persoalan 3: Apakah tahap kesejahteraan psikologi fizikal dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 4: Tahap kesejahteraan psikologi fizikal (n=338)**

Bil.	Pembolehubah	Tahap			Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana		
1	Fizikal	110 (32.5%)	212 (62.7%)	16 (4.7%)	1.72	0.54

Hasil dapatan di Jadual 4 menunjukkan seramai 212 (62.7%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi fizikal adalah sederhana tinggi. Manakala seramai 110 (32.5%) orang guru di tahap tinggi dan seramai 16 (4.7%) orang guru di tahap sederhana. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi fizikal dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap sederhana tinggi.

**Persoalan 4: Apakah tahap kesejahteraan psikologi perhubungan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 5: Tahap kesejahteraan psikologi perhubungan (n=338)**

Bil.	Pemboleh ubah	Tahap			Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana		
1	Perhubungan	205 (60.7%)	132 (39.1%)	1 (0.3%)	1.39	0.49

Hasil dapatan di Jadual 5 menunjukkan seramai 205 (60.7%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi perhubungan adalah tinggi. Manakala seramai 132 (39.1%) orang guru di tahap sederhana tinggi dan 1 (0.3%) orang guru sahaja berada di tahap sederhana. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi perhubungan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap tinggi.

**Persoalan 5: Apakah tahap kesejahteraan psikologi intelektual dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 6: Tahap kesejahteraan psikologi intelektual (n=338)**

Bil.	Pemboleh ubah	Tahap			Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana		
1	Intelektual	191 (56.5%)	145 (42.9%)	2 (0.6%)	1.44	0.50

Hasil dapatan di Jadual 6 menunjukkan seramai 191 (56.5%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi intelektual adalah tinggi. Manakala seramai 145 (42.9%) orang guru di tahap sederhana tinggi dan 2 (0.6%) orang guru berada di tahap sederhana. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi intelektual dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap tinggi.

**Persoalan 6: Apakah tahap kesejahteraan psikologi spiritual dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 7: Tahap kesejahteraan psikologi spiritual (n=338)**

Bil.	Pemboleh ubah	Tahap			Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana		
1	Spiritual	256 (75.7%)	82 (24.3%)		1.24	0.42

Hasil dapatan di Jadual 7 menunjukkan seramai 256 (75.7%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi spiritual adalah tinggi. Manakala seramai 82 (24.3%) orang guru berada di tahap sederhana tinggi. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi intelektual dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap tinggi.

**Persoalan 7: Apakah tahap kesejahteraan psikologi identiti dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 8: Tahap kesejahteraan psikologi identiti (n=338)**

Bil.	Pemboleh ubah	Tahap			Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana		
1	Identiti	282 (83.4%)	55 (16.3%)	1 (0.3%)	1.16	0.38

Hasil dapatan di Jadual 8 menunjukkan seramai 282 (83.4%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi identiti adalah tinggi. Manakala seramai 55 (16.3%)

orang guru di tahap sederhana tinggi dan 1 (0.3%) orang guru Sahaja berada di tahap sederhana. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi identiti dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap tinggi.

**Persoalan 8: Apakah tahap kesejahteraan psikologi kewangan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban?**

**Jadual 9: Tahap kesejahteraan psikologi kewangan (n=338)**

Bil.	Pembolehubah	Tahap				Min	Sisihan Piawaian
		Tinggi	Sederhana Tinggi	Sederhana	Sederhana Rendah		
1	Kewangan	172 (50.9%)	159 (47.0%)	5 (1.5%)	2 (0.6%)	1.51	0.56

Hasil dapatan di Jadual 9 menunjukkan seramai 172 (50.9%) orang guru berada di tahap kesejahteraan psikologi kewangan adalah tinggi. Manakala seramai 159 (47%) orang guru di tahap sederhana tinggi. Seramai 5 (1.5%) orang guru di tahap sederhana dan 2 (0.6%) orang guru berada di tahap sederhana rendah. Berdasarkan min yang dinyatakan dalam jadual menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi kewangan dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Seremban berada di tahap tinggi.

**Perbincangan**

Kajian ini menunjukkan kesejahteraan psikologi guru berada di tahap tinggi dan sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru-guru ini mendapat sokongan sosial yang baik bagi berhadapan dengan tekanan mental dan emosi. Menurut Umi Hamidaton et. al., (2023) menyatakan terdapat lima ciri kesejahteraan psikologi yang positif iaitu penglibatan (*engagement*), ketekunan (*preservance*), optimisme (*optimisme*), keterhubungan (*connectedness*) dan kebahagiaan (*happiness*). Ciri-ciri ini dapat membantu guru meningkatkan kesejahteraan psikologi terutama yang melibatkan perhubungan antara rakan sekerja dan keluarga, mengurangkan stres, gaya hidup sihat, kerohanian dan dapat menghadapi pelbagai tugasan di sekolah.

Dapatan bagi min kesejahteraan psikologi emosi berada ditahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru ini sedar terhadap emosi sendiri dan orang lain serta berupaya mengendalikan emosi dengan baik. Bagi dapatan

kesejahteraan psikologi pekerjaan, min menunjukkan berada di tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru mendapat kepuasan dalam melaksanakan tugas yang diberi. Selain tu, guru mempunyai autonomi dalam menjalankan tugas dan berkeupayaan mengimbangi kehidupan dan kerjaya. Seterusnya, dapatan min kesejahteraan psikologi fizikal menunjukkan berada di tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru konsisten mengamalkan gaya hidup sihat dan tingkah laku yang memberikan kesan baik kepada kesihatan (pemakanan seimbang, senaman, dan penjagaan kebersihan diri).

Dapatan min kesejahteraan psikologi bagi perhubungan, intelektual, spiritual, identiti dan kewangan menunjukkan berada di tahap tinggi. Guru-guru di sekolah menengah di daerah Seremban merupakan individu yang sentiasa menjaga hubungan dengan ahli keluarga, rakan sekerja dan masyarakat terutama yang melibatkan kebajikan orang lain. Mereka juga boleh berfikir secara rasional, kreatif dan berusaha untuk menyelesaikan masalah. Disamping itu, hubungan dengan tuhan juga tinggi dan sentiasa mempamerkan bilai-nilai murni dalam kehidupan. Penerimaan diri sendiri yang positif dari aspek jantina, asal usul budaya, keadaan fizikal dan penampilan diri. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus kewangan yang berkesan juga tinggi.

Walaupun terdapat tiga konstruk yang mempunyai tahap sederhana rendah iaitu kesejahteraan emosi, pekerjaan dan kewangan, ianya dapat diatasi dengan meningkatkan resilien dalam diri bagi menghadapi cabaran semasa. Selain itu, guru-guru ini mungkin mengalami tahap kesejahteraan psikologi yang rendah berkaitan dengan bebanan tugas di sekolah dan sumber pendapatan. Kesejahteraan emosi memainkan peranan penting dalam membantu mengawal dan menangani daya tahan terhadap tekanan kerja yang dialami. Hal ini kerana tekanan memberi impak yang besar terhadap kesihatan guru khususnya kesihatan mental andai tidak dicegah dari permulaan.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan rumusan daripada kajian ini menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi emosi, pekerjaan, fizikal, perhubungan, intelektual, spiritual, identiti dan kewangan guru di sekolah menengah di Daerah Seremban secara keseluruhannya berada di tahap tinggi. Kebarangkalian guru-guru ini mengalami isu kesihatan mental adalah rendah dan mereka dapat mengawal tekanan dan cabaran yang dihadapi dengan baik.

## Rujukan

- Ahmad Akram Zaki Ahmad Tarmizi & Mohd Izwan Mahmud (2022). Hubungan antara efikasi dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru di sebuah sekolah di Kelantan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 216-225.
- Apolinaris Ladat (2022, September 16). Kesejahteraan Emosi Warga Pendidik perlu disantuni. Diperoleh pada 21 Februari 2024 daripada <https://www.borneodailybulletin.com/kesejahteraan-emosi-warga-pendidik-perlu-disantuni-tah-nya/>
- Ferlis Bahari, Tan, A. L. & Walton, W. (2016). The effect of occupational stress on teachers' psychological well-being: Social support as moderator. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences (AJBAS)*, 10(4), 54-65
- Hong, O. C. & Aziah Ismail (2015). Sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan cina. *Jurnal kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 42-57.
- Irma Hernanda, Diah Sofiah & Etik Darul Muslikah (2022). Kesejahteraan psikologis pada tenaga pengajar: Menguji peranan rasa Syukur dan keseimbangan kehidupan-kerja. *Journal of Psychological Research*, 2(3), 221-231
- Leong, J. J., Muhammad Idris Bullare & Mohd Dahlan A. Malek (2020). Kesan sumber stres kerja ke atas kesejahteraan psikologi anggota penguat kuasa. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(7), 31-48.
- Mohd Suhaimi Mohamad, and Rozita Ibrahim, (2018). Perbezaan gender tekanan psikologikal dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar prasiswazah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21 (1), 55- 66.
- Nadia Abd. Razak & Faridah Mydin Kutty (2021). Daya tahan, strategi daya tindak serta hubungannya terhadap tahap kesejahteraan psikologi guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3), 171-179
- Nor Ezdanie binti Omar (2010). Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar IPTS. Digital Archive Collection. Diperoleh pada 20 Februari 2024 daripada <http://hdl.handle.net/123456789/4248>

- Nor Mohamad Zulhairi Ismail, Jamalul lain Abdul Wahab & Ruzita Md Hassan (2016). Kepuasan kerja guru dan perbezaannya berdasarkan pencapaian sekolah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (1), 49-54.
- Nur Ayu Seftiani & Benny Herlena. (2018). Kecerdasan spiritual sebagai prediktor kesejahteraan subjektif pada mahasiswa. *Jurnal Psikologi Integratif*, 6(1), 101.
- Nur Jannah Abdullah & Syazwana Aziz (2023). Kesejahteraan Psikologi dan tekanan dalam kalangan kakitangan Jabatan Zakat di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). *Jurnal 'Ulwan*, 8(2), 284 – 294.
- Saraswati, K. D. H. & Teja, J. (2018). Psychological well-being of employees in Java, Indonesia. *Journal Muara Ilmu Sosial, Humaniora dan Seni*, 2(2), 597-605.
- Satpathy T. K. & Samanta S. (2022). Influence of spiritual intelligence on human psychology-A review. *Wutan Huatan Jisuan Jishu*, 151(10), 665–676.
- Suziliyana Mamat & Nahar Khayrah Abdul Ghaffar (2023). Hubungan antara tekanan hidup dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan belia di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal 'Ulwan*, 8(2), 124-141.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi (2019, November 11). Guru, murid diajar urus tekanan emosi. *Berita Harian Online*. Diperoleh pada 21 Februari 2024 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/11/627312/guru-murid-diajar-urus-tekanan-emosi>
- Umi Anugerah Izzati & Olievia Prabandini Muliayana (2021). Perbedaan kelamin dan status pernikahan dalam kesejahteraan psikologis guru. *Psychocentrum Review*, 3(1), 63-71. <https://doi.org/10.26539/pcr.31567>.
- Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, Nor Azima Ahmad, Norsyella Ahmad Tarmizi & Nurshahira Ibrahim (2023). Peranan institusi keluarga (Ibu Bapa) semasa pandemik terhadap pencapaian akademik dan kesejahteraan psikologi pelajar. *Sains Insani*, 8(1), 111-123.
- Yusni Zaini Yusof, Rosna Awang Hashim & Tengku Faekah Tengku Ariffin (2015). Pemodelan hubungan antara kesejahteraan di tempat kerja dengan efikasi guru secara kolektif. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 12, 177-204.

Zaimah R, Sarmila AM, Suhana Saad et. al. (2012). Tingkah laku kewangan guru di Bandar Baru Bangi, Selangor Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 42-48.

## Tahap Minat Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

Norakmar Abd Rashid<sup>1</sup>, Kolej, Halimaton Saadiah Ahmad Usulidin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

<sup>2</sup>Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>1</sup>norakmarabdrashid@gmail.com, <sup>2</sup>halimaton.ahmad@moe.gov.my

### Abstrak

Setiap orang menginginkan pekerjaan yang dapat memberikan jaminan kehidupan di masa depan. Memilih pekerjaan tidaklah mudah dan biasanya dipengaruhi oleh pengetahuan dan faktor-faktor minat dan persekitaran bagi proses pemilihan kerjaya berlangsung. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur tahap minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional pelajar Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS). Seterusnya, untuk mengukur tahap minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional pelajar aliran sains dan perakaunan KMNS. Seterusnya melihat perbezaan minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional berdasarkan jantina dan aliran dalam kalangan pelajar KMNS. Kajian ini telah dijalankan di kolej matrikulasi yang melibatkan seramai 388 orang pelajar KMNS yang dipilih secara rawak mudah. Responden telah menjawab Inventori Minat Kerjaya. Seterusnya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 23.0. Analisis inferensi (ujian-t) dilakukan untuk mengukur perbezaan pembolehubah minat kerjaya responden kajian berdasarkan jantina dan aliran. Secara keseluruhan tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar KMNS adalah S-I-K Sosial, Investigatif dan Konvensional. Dapatan kajian menunjukkan minat kerjaya bagi pelajar aliran Sains adalah S-I-K Sosial, Investigatif dan Konvensional. Manakala tiga minat kerjaya utama bagi pelajar aliran Perakaunan adalah K-S-E Konvensional, Sosial dan Enterprising. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif dan Enterprising berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun bagi minat kerjaya Artistik, Sosial dan Konvensional tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Enterprising dan Konvensional berdasarkan aliran. Namun begitu bagi minat kerjaya Artistik, Sosial dan Konvensional tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar aliran Sains dan Perakaunan. Kajian ini memberi implikasi kepada ibu bapa, pihak institusi pendidikan dan KPM bagi mengenal pasti arah tuju dan minat pelajar sebelum memasuki pendidikan tinggi. Cadangan memperbanyakan program dan aktiviti memupuk minat kerjaya dari peringkat awal persekolahan lagi telah dibincangkan.

**Kata kunci:** Minat Kerjaya; pelajar; kolej matrikulasi

## **Pengenalan**

Kepentingan pendidikan tinggi dalam menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten pada abad ke-21 ini terus diperkukuhkan melalui Pelan Induk Pendidikan Tinggi 2015 – 2025 yang seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (peringkat pra sekolah hingga lepas menengah) yang telah dilancarkan pada tahun 2013.

Sejajar dengan pelan strategik pendidikan ini, para pelajar perlu menentukan kerjaya yang bakal diceburi. Malah, mereka perlu mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai bagi membolehkan mereka menceburi kerjaya tersebut bukan hanya semasa berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) malah sejak di peringkat sekolah atau program persediaan pra universiti (Azhenov et al., 2023; Lam & Santos, 2018).

Kolej Matrikulasi merupakan salah satu institusi pendidikan formal di negara ini yang menghasilkan pelajar pasca SPM yang berpengetahuan dalam pelbagai bidang bagi persediaan pelajar mengikuti pengajian di peringkat ijazah. Mereka merupakan individu yang bakal mengharungi alam kerjaya seharusnya mempunyai kesedaran dalam kesediaan kerjaya. Ia merupakan titik tolak dalam membentuk minat, sikap serta motivasi pelajar dalam bidang yang diceburi. Adalah tidak adil kepada individu yang personalitinya tidak seiring dengan pembelajarannya sehinggakan memberi kesan buruk kepada pelajar seperti ponteng kelas akibat tidak berminat dengan subjek (Sabariah 2013).

## **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan dapatan Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran telah meningkat sebanyak 0.1% iaitu daripada 3.1% pada bulan Oktober 2015 kepada 3.2% pada bulan November 2015. Portal Malaysia Kini juga telah melaporkan bahawa pada Oktober 2015, jumlah pengangguran dalam kalangan graduan lebih tinggi daripada lepasan pendidikan menengah dan rendah. Dengan banyaknya graduan yang mencari pekerjaan, mereka terpaksa bersaing dengan sesama mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang diinginkan. Melalui fakta ini, salah satu faktor pengangguran adalah berkenaan dengan minat kerjaya dan juga berkait dengan personaliti seseorang individu.

Menurut Nur Farhana (2016) lagi, keraguan dan ketidakjelasan dalam memilih kerjaya yang sesuai kebiasaannya disebabkan faktor minat yang pelbagai, minat yang tidak jelas dan faktor persekitaran. Memilih pekerjaan yang sesuai dengan minat, bakat, dan nilai-nilai individu dapat membawa kepuasan kerja yang

tinggi, motivasi yang berterusan, dan perkembangan profesional yang baik. Selain itu, pekerjaan yang sesuai juga dapat membawa jaminan keselamatan kerjaya dan kewangan pada masa hadapan. Oleh itu, penting bagi individu untuk melakukan penilaian diri dan mencari pekerjaan yang betul-betul sesuai dengan keperluan dan keinginan mereka. Pemilihan terhadap pelbagai kerjaya yang sesuai dengan minat dan personaliti pelajar-pelajar perlu didedahkan dan dibimbing supaya mereka dapat membuat pemilihan yang tepat dan betul selari dengan kehendak dan minat dalam diri (Mhd Subhan, Salleh Amat & Abu Yazid 2015). Mungkin tidak semua pelajar mampu membuat pemilihan kerjaya di awal sekolah menengah, sekurang-kurangnya pelajar mendapat gambaran tentang personaliti diri sendiri dan juga minat pekerjaan yang dianggap penting untuk pengetahuan pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh Zairoslawanee (2014); Yusof (2013), pemilihan kerjaya yang tepat yang bersesuaian dengan personaliti amat penting dalam menentukan corak hidup masa hadapan.

Pemilihan kerjaya yang berkesan seharusnya melibatkan proses yang holistik dan menyeluruh untuk mengenal pasti aliran pengajian yang sesuai dengan minat, bakat, dan potensi pelajar. Selain hanya berdasarkan keputusan peperiksaan, faktor-faktor seperti minat, nilai-nilai, kekuatan, kelemahan, dan aspirasi individu juga perlu dipertimbangkan. Bimbingan yang berkualiti juga penting dalam membantu pelajar membuat keputusan yang tepat mengenai aliran pengajian atau pekerjaan yang sesuai. Dengan adanya bimbingan yang baik, pelajar dapat mendapatkan maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan yang lebih baik berkenaan dengan pilihan kerjaya mereka.

Dengan demikian, sistem pemilihan yang berkesan sepatutnya mampu mengenal pasti pelajar yang sesuai dengan aliran pengajian tertentu berdasarkan pertimbangan yang lebih menyeluruh dan holistik, serta memberikan bimbingan yang diperlukan untuk memastikan pelajar membuat keputusan yang tepat mengenai pilihan karier mereka.

Dengan hasil kajian ini, pelajar KMNS akan dapat bersedia dengan nilai-nilai kerjaya yang positif dan keyakinan untuk memberikan komitmen yang kuat dalam kerjaya mereka pada masa depan. Dengan pengetahuan kerjaya yang dimiliki oleh setiap pelajar, ini akan membantu dalam melahirkan generasi muda yang berpotensi, kreatif, inovatif, dan dinamik dalam pembangunan negara untuk masa depan yang lebih baik. Oleh itu, penting untuk merancang langkah-langkah untuk mengaktifkan potensi yang ada pada setiap pelajar. Setiap pelajar dianggap sebagai aset berharga bagi negara dan adalah penting untuk memastikan pengurusan aset ini dilaksanakan dengan optimum bagi menyediakan mereka bersedia dalam dunia pekerjaan.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional pelajar KMNS bagi aliran sains dan perakaunan. Seterusnya melihat perbezaan minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS. Akhirnya kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.

## **Objektif Kajian**

Berdasarkan tujuan umum kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk mengukur:

1. Tahap minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional pelajar KMNS.
2. Perbezaan minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.
3. Perbezaan minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.

## **Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional dalam kalangan pelajar KMNS?
2. Adakah terdapat perbezaan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS?
3. Adakah terdapat perbezaan minat kerjaya bagi Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS?

## **Hipotesis Kajian**

Objektif kajian dan soalan kajian dicapai melalui analisis secara deskriptif. Oleh itu analisis statistik skor min digunakan untuk mencapai objektif dan soalan kajian berkenaan. Namun demikian objektif dan soalan kajian 3 dan 4 dicapai

melalui analisis secara inferensi melalui pengujian hipotesis. Oleh itu sebanyak 12 hipotesis nul ( $H_0$ ) telah dibentuk dalam kajian ini dan akan dianalisis dengan menggunakan statistik ujian-t.

Hipotesis ini dibentuk untuk mengenalpasti perbezaan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan jantina.

- HO<sup>1</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>2</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Investigatif berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>3</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Artistik berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>4</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Sosial berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>5</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya *Enterprising* berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>6</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.

Hipotesis ini dibentuk untuk mengenalpasti perbezaan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan aliran.

- HO<sup>7</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>8</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Investigatif berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>9</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Artistik berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>10</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Sosial berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS
- HO<sup>11</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya *Enterprising* berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.
- HO<sup>12</sup> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS

## Tinjauan Literatur

### Minat Kerjaya

Beberapa kajian membincangkan kajian lepas yang menjadi perkaitan utama dalam kajian ini. Kajian mengenai Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) telah banyak dijalankan.

Kajian Zairoslawanee (2014) Pemilihan kerjaya pelajar tingkatan 6 atas di sekolah menengah kluster di Kelantan. bertujuan untuk mengenalpasti minat kerjaya pelajar berdasarkan personaliti Holland, perbezaan minat kerjaya antara jantina, pendedahan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 136 orang pelajar daripada Tingkatan 6 Atas di sekolah-sekolah menengah kluster di Kelantan. asil kajian mendapati pelajar-pelajar ini cenderung kepada jenis personaliti Sosial.

Kajian Kemboi et al., (2016) berkaitan Hubungan Jenis Personaliti dan Pemilihan Kerjaya bagi Pelajar di Moi Universiti, Kenya. Kajian ini menggunakan Soal Selidik Self-Directed Search (SDS) Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara jenis personaliti dan pilihan kerjaya. Kajian dijalankan terhadap 347 orang pelajar daripada pelbagai bidang pengajian. Dapatan menunjukkan pelajar yang mengikuti pengajian Bachelor Sains Maklumat minat kerjaya adalah Investigatif, Bachelor Sains adalah Investigatif, Bachelor Pendidikan Sains adalah Sosial, Bachelor Pendidikan Seni adalah Sosial, Bachelor Seni adalah Sosial dan Bachelor Perubatan adalah Investigatif.

Kajian Khaidzir Ismail (2016) dalam Personaliti Kerjaya Mahasiswi Islam Di Malaysia bertujuan untuk mengenal pasti profil minat kerjaya mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian mendapati minat kerjaya bagi pelajar UKM adalah Sosial, Investigatif dan Konvensional. Manakala minat kerjaya Realistik tertinggi adalah bagi Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Teknologi Sains Maklumat. Bagi minat kerjaya Investigatif adalah bagi Fakulti Kejuruteraan Alam Bina. Minat Kerjaya Minat kerjaya Artistik adalah bagi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Minat kerjaya Sosial adalah bagi Fakulti Pengajian Islam dan Pendidikan. Minat kerjaya Enterprising adalah bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Dan akhirnya minat kerjaya Konvensional adalah bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Dapatan juga terdapat hubungan yang signifikan antara pekerjaan yang diminati dengan fakulti.

## **Perbezaan Minat Kerjaya berdasarkan Jantina**

Tinjauan terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya pelajar-pelajar di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa oleh Ishamuddin (1997), wujudnya perbezaan yang signifikan antara jantina dengan pemilihan kerjaya. Menurutnya lagi, pelajar perempuan lebih ramai memilih kerjaya professional dan kerjaya keusahawanan berbanding pelajar lelaki. Bagi kerjaya yang lain pula, skor pelajar lelaki lebih tinggi tetapi tidak begitu ketara.

Kajian Bawono dan Fajar (2017) berkaitan Minat Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Bidang Kerjaya Teknikal/Vokasional Di Negeri Perak, menyatakan tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) di negeri Perak terhadap pemilihan bidang kerjaya. Penyelidik juga ingin mengkaji hubungan antara faktor-faktor minat terhadap bidang dengan minat terhadap kerjaya teknikal dan vokasional dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik. Seramai 374 orang pelajar daripada empat buah Sekolah Teknik di Perak sebagai responden penyelidikan. Reka bentuk kajian adalah kajian kes. Hasil kajian berdasarkan data soal selidik menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai minat kerjaya teknikal / vokasional berdasarkan jantina dan lokasi sekolah pelajar.

Kajian Minat Kerjaya dan Tret Personaliti dalam kalangan Murid Tingkatan Satu Berbeza Jantina: Satu Kajian Kes oleh Nursyafiqah et al., (2018) dijalankan bertujuan untuk menyelidiki hubungan antara minat kerjaya dan tret personaliti dalam kalangan murid tingkatan satu berbilang jantina. Instrumen yang adalah Inventori Minat Kerjaya (IMK) dan Tret Personaliti. Analisis inferensi (ujian-t) dilakukan untuk mengukur perbezaan pembolehubah minat kerjaya dan tret personaliti responden kajian berbilang jantina. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat kerjaya dan tret personaliti dalam kalangan pelajar awal sekolah menengah berbeza jantina. Walau bagaimanapun, bagi konstruk Realistik dan Artistik dalam minat kerjaya dan konstruk Autonomi dalam tret personaliti terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan, di mana nilai min pelajar perempuan lebih tinggi bagi konstruk Artistik dan Autonomi dan nilai min palajar lelaki lebih tinggi bagi konstruk Realistik.

## **Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Aliran**

Kajian Rohana Abdul Rahim (2010) ke atas 393 pelajar yang mempelajari elektif Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Teknotani Kajian ini menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan bagi minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik dan Convensional terhadap bidang elektif yang dipelajari.

Kajian Minat Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Bidang Kerjaya Teknikal dan Vokasional Di Negeri Perak oleh Bawono dan Fajar (2017) Seramai 374 orang pelajar telah dipilih secara rawak daripada empat buah Sekolah Teknik di Perak sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai minat kerjaya teknikal dan vokasional berdasarkan bidang aliran, pendidikan ibu, dan personaliti pelajar.

### **Kaedah/Methodologi**

Kajian kuantitatif dilaksanakan di salah sebuah kolej matrikulasi KPM iaitu Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS). Populasi bagi kajian ini adalah seramai 1871 orang pelajar KMNS. Seramai 575 orang pelajar lelaki manakala seramai 1296 orang pelajar perempuan di KMNS yang mengikuti pengajian dalam aliran Sains dan Perakaunan. Sampel yang digunakan dalam kajian ini diambil dengan menggunakan kaedah Pensampelan Rawak Jenis Mudah. Berdasarkan Kejcie dan Morgan (1970), jika bilangan populasinya ialah 1800 orang, maka jumlah saiz sampelnya adalah dalam anggaran 317. Walau bagaimanapun, seramai 388 orang pelajar KMNS dipilih secara rawak mudah telah menjawab soal selidik.

Kajian ini menggunakan Inventori Minat Kerjaya (IMK) dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012)b. sebagai instrumen kajian. IMK digunakan untuk tujuan mengumpul segala maklumat mengenai minat kerjaya. mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A: Kesukaan, Bahagian B : Pekerjaan, Bahagian C : Kecekapan. Instrumen IMK mengandungi enam konstruk iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan Konvensional (K). Setiap konstruk mempunyai 30 item dan jumlah item ialah 180.

Bagi Inventori Minat Kerjaya (IMK) mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach  $>0.8$ . Oleh yang demikian, kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi menunjukkan inventori ini sesuai digunakan dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan oleh Sidek (2005), berdasarkan pandangan pakar pengujian dan pengukuran dari dalam dan luar negara, nilai pekali kebolehpercayaan alat ukur yang terendah yang boleh

digunapakai adalah .50 dan yang tertinggi adalah .90.

Data-data ini dianalisis dengan bantuan pakej perisian *Statistical Packages For The Sosial Science* (SPSS) versi 29.0. Penganalisan data ini melibatkan penggunaan analisis statistik deskriptif untuk menganalisis kekerapan dan peratus minat kerjaya. Untuk mendapatkan keputusan bagi persoalan kajian yang ingin melihat perbezaan dengan minat kerjaya berdasarkan jantina dan aliran, analisis statistik berbentuk Ujian-t digunakan untuk menganalisis data secara kuantitatif. Paras signifikan,  $p = 0.5$  digunakan dalam kajian ini.

### Dapatan Kajian

#### Tahap Pembolehubah Kajian Secara Deskriptif

Analisis deskriptif akan menjelaskan keputusan kajian ke atas sampel kajian berdasarkan enam konstruk minat kerjaya iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. Hasil kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

#### Skor Min Minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional

Jadual 4.4 di bawah menunjukkan taburan keseluruhan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional sampel kajian.

#### Jadual 1: Taburan Keseluruhan Skor Min Minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional

Minat Kerjaya	Min	Pangkatn
Realistik	12.20	6
Investigatif	18.53	2
Artistik	13.87	5
Sosial	20.77	1
<i>Enterprising</i>	15.83	4
Konvensional	18.14	3

Nota: Pangkatan berdasarkan min tertinggi ke min terendah. Kod S-I-K

Jadual 1 menunjukkan taburan keseluruhan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional. Secara keseluruhan, tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar KMNS adalah Sosial (20.77), Investigatif (18.53) dan Konvensional (18.14).

Manakala, Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar lelaki KMNS.

**Jadual 2: Taburan Skor Min Minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional Pelajar Lelaki**

Minat Kerjaya	Min	Pangkat
Realistik	15.50	5
Investigatif	19.85	2
Artistik	13.56	6
Sosial	20.44	1
<i>Enterprising</i>	17.26	4
Konvensional	17.53	3

Nota : Pangkat berdasarkan min tertinggi ke min terendah. Kod S-I-K

Jadual 2 menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar lelaki KMNS. Tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar lelaki KMNS adalah Sosial (20.44), Investigatif (19.85) dan Konvensional (17.53).

Seterusnya, Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar perempuan KMNS.

**Jadual 3: Taburan Skor Min Minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional Pelajar Perempuan**

Minat Kerjaya	Min	Pangkat
Realistik	10.94	6
Investigatif	18.02	3

<b>Minat Kerjaya</b>	<b>Min</b>	<b>Pangkat</b>
Artistik	13.98	5
Sosial	20.89	1
<i>Enterprising</i>	15.28	4
Konvensional	18.37	2

Nota : Pangkat berdasarkan min tertinggi ke min terendah. Kod S-K-I

Jadual 3 menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar perempuan KMNS. Tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar perempuan KMNS adalah Sosial (20.98), Konvensional (18.57) dan Investigatif (18.02).

Jadual 4 di bawah menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar aliran Sains KMNS.

**Jadual 4: Taburan Skor Min Minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional Bagi Aliran Sains**

<b>Minat Kerjaya</b>	<b>Min</b>	<b>Pangkat</b>
Realistik	12.78	6
Investigatif	19.84	2
Artistik	14.08	5
Sosial	20.73	1
<i>Enterprising</i>	15.34	4
Konvensional	17.03	3

Nota : Pangkat berdasarkan min tertinggi ke min terendah. Kod S-I-K

Jadual 4 menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar aliran Sains KMNS. Tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar aliran Sains KMNS adalah Sosial (20.73), Investigatif (19.84) dan Konvensional (17.03).

Seterusnya, Jadual 5 di bawah menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar aliran Perakaunan KMNS.

**Jadual 5: Taburan Skor Min Minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional Bagi Aliran Perakaunan**

Minat Kerjaya	Min	Pangkat
Realistik	10.39	6
Investigatif	14.45	4
Artistik	13.20	5
Sosial	20.88	2
<i>Enterprising</i>	17.35	3
Konvensional	21.57	1

Nota : Pangkat berdasarkan min tertinggi ke min terendah. Kod K-S-E

Jadual 5 menunjukkan taburan skor min minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional bagi pelajar aliran Perakaunan KMNS. Tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar aliran Perakaunan KMNS adalah Konvensional (21.57), Sosial (20.88) dan *Enterprising* (17.57).

### Tahap Pembolehubah Kajian Secara Inferensi

Analisis inferensi akan menjelaskan keputusan kajian ke atas sampel kajian berdasarkan hipotesis yang dibina mengikut pemboleh kajian. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis. Hasil kajian ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah.

### Perbezaan Min Pembolehubah Kajian Berdasarkan Jantina

Jadual 6 di bawah menunjukkan perbezaan min pembolehubah kajian iaitu minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan sampel kajian yang terdiri daripada pelajar KMNS.

**Jadual 6: Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Jantina**

Pembolehubah	Gender	Min	S.P.	DK	Nilai t	Nilai P
Minat Kerjaya Realistik	Lelaki	15.50	6.319	386	7.162	.000*
	Perempuan	10.94	5.302			
Minat Kerjaya Investigatif	Lelaki	19.85	5.620	386	2.658	.008*
	Perempuan	18.02	6.216			

Pembolehubah	Gender	Min	S.P.	DK	Nilai t	Nilai P
Minat Kerjaya Artistik	Lelaki	13.56	5.732	386	-.069	.543
	Perempuan	13.98	6.221			
Minat Kerjaya Sosial	Lelaki	20.44	4.426	386	-.881	.379
	Perempuan	20.89	4.574			
Minat Kerjaya <i>Enterprising</i>	Lelaki	17.26	5.807	386	2.972	.003*
	Perempuan	15.28	5.973			
Minat Kerjaya Konvensional	Lelaki	17.53	5.659	386	-1.379	.169
	Perempuan	18.37	5.221			

\* signifikan pada nilai alpha( $\alpha$ ) = .05

Min bagi pembolehubah minat kerjaya Realistik bagi lelaki adalah 15.50, min bagi minat kerjaya Realistik perempuan ialah 0.94. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .000 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.000, p < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Realistik antara pelajar lelaki dan perempuan pada nilai  $t(7.162) = .000, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya Realistik pelajar lelaki lebih tinggi secara signifikan berbanding minat kerjaya Realistik pelajar perempuan.

Min bagi pembolehubah minat kerjaya Investigatif lelaki adalah 19.85, min bagi minat kerjaya Investigatif perempuan ialah 18.02. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .008 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.008, p < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Investigatif antara pelajar lelaki dan perempuan pada nilai  $t(2.658) = .008, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya Investigatif pelajar lelaki lebih tinggi secara signifikan berbanding minat kerjaya Investigatif pelajar perempuan.

Berdasarkan jadual di atas min bagi minat kerjaya artistik lelaki adalah 13.56, min bagi minat kerjaya Artistik perempuan ialah 13.98. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .543 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.543 > .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Artistik lelaki dan perempuan pada nilai  $t(-.069) = .543, p > .05$ .

Berdasarkan jadual di atas min bagi minat kerjaya Sosial lelaki adalah 20.44, min bagi minat kerjaya Sosial perempuan ialah 20.89. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .379 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.379 > .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Sosial lelaki dan perempuan pada nilai  $t(-.881) = .379, p > .05$ .

Min bagi pembolehubah minat kerjaya *Enterprising* lelaki adalah 17.26, min bagi minat kerjaya *Enterprising* perempuan ialah 15.28. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .003 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.003 < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya *Enterprising* antara pelajar lelaki dan perempuan pada nilai  $t(2.972) = .003, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya *Enterprising* pelajar lelaki lebih tinggi secara signifikan berbanding minat kerjaya *Enterprising* pelajar perempuan.

Berdasarkan jadual di atas min bagi minat kerjaya konvensional lelaki adalah 17.53, min bagi minat kerjaya Konvensional perempuan ialah 18.37. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .169 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.169 > .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Konvensional lelaki dan perempuan pada nilai  $t(-1.379) = .169, p > .05$ .

Kesimpulannya, keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif dan *Enterprising* berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.

Manakala, tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Artistik, Sosial dan Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS.

### **Perbezaan Min Pembolehubah Kajian Berdasarkan Aliran**

Jadual 7 di bawah menunjukkan perbezaan min pembolehubah kajian iaitu minat Kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan sampel kajian dalam aliran Sains dan Perakaunan.

**Jadual 7: Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Aliran**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Gender</b>	<b>Min</b>	<b>S.P.</b>	<b>DK</b>	<b>Nilai t</b>	<b>Nilai P</b>
Minat Kerjaya Realistik	Sains	12.76	6.061	386	3.451	.001*
	Perakaunan	10.39	5.233			
Minat Kerjaya Investigatif	Sains	19.84	5.663	386	8.056	.000*
	Perakaunan	14.46	5.634			
Minat Kerjaya Artistik	Sains	14.08	6.273	386	1.228	.220
	Perakaunan	13.20	5.443			
Minat Kerjaya Sosial	Sains	20.73	4.715	386	-.278	.774
	Perakaunan	20.88	3.938			
Minat Kerjaya <i>Enterprising</i>	Sains	15.34	5.975	386	-2.905	.004*
	Perakaunan	17.35	5.481			
Minat Kerjaya Konvensional	Sains	17.03	5.175	386	-7.711	.000*
	Perakaunan	21.57	5.356			

\* signifikan pada nilai  $\alpha = .05$

Min bagi pembolehubah minat kerjaya realistik aliran Sains adalah 12.76, min bagi minat kerjaya realistik aliran Perakaunan ialah 10.39. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .001 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.001, p < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya realistik antara pelajar aliran Sains dan Perakaunan pada nilai  $t(3.451) = .001, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya Realistik pelajar aliran Sains lebih tinggi secara signifikan berbanding minat kerjaya Realistik aliran Perakaunan.

Min bagi pembolehubah minat kerjaya Investigatif aliran Sains adalah 19.84, min bagi minat kerjaya Investigatif aliran Perakaunan ialah 14.46. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .000 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.000, p < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Investigatif antara pelajar aliran Sains dan Perakaunan pada nilai  $t(8.056) = .000, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya Investigatif pelajar aliran Sains lebih tinggi secara signifikan berbanding minat Investigatif aliran Perakaunan.

Berdasarkan jadual di atas min bagi minat kerjaya Artistik aliran Sains adalah 14.08, min bagi minat kerjaya artistik aliran Perakaunan ialah 13.20. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .220 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.220 > .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Artistik aliran Sains dan Perakaunan pada nilai  $t (1.228) = .220, p > .05$ .

Berdasarkan jadual di atas min bagi minat kerjaya Sosial aliran Sains adalah 20.73, min bagi minat kerjaya Sosial aliran Perakaunan ialah 20.88. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .774 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.774 > .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya sosial aliran Sains dan Perakaunan pada nilai  $t (-.278) = .774, p > .05$ .

Min bagi pembolehubah minat kerjaya Enterprising aliran Sains adalah 15.34, min bagi minat kerjaya Enterprising aliran Perakaunan ialah 17.35. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .004 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.004, p < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Enterprising antara pelajar aliran Sains dan perakaunan pada nilai  $t (-2.905) = .004, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya Enterprising pelajar aliran Sains lebih tinggi secara signifikan berbanding minat Enterprising aliran Perakaunan.

Min bagi pembolehubah minat kerjaya Konvensional aliran Sains adalah 17.03, min bagi minat kerjaya Konvensional aliran Perakaunan ialah 21.57. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .000 dan nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) ialah .05, oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu,  $.000, p < .05$ . Oleh itu keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan min minat kerjaya Konvensional antara pelajar aliran Sains dan Perakaunan pada nilai  $t (-7.711) = .000, p < .05$ . Daripada hasil kajian ini dapat dirumuskan minat kerjaya Konvensional pelajar aliran Sains lebih tinggi secara signifikan berbanding minat Konvensional aliran Perakaunan.

Kesimpulannya, keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Enterprising dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Artistik dan Sosial berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.

## Perbincangan

### Minat Kerjaya

Secara keseluruhan, tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar KMNS adalah Sosial, Investigatif dan Konvensional (S-I-K). Kajian ini adalah selaras dengan kajian Khaidzir Ismail (2016) dalam Personaliti Kerjaya Mahasiswi Islam Di Malaysia, Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti profil minat kerjaya mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Di samping ingin mengenal pasti profil minat kerjaya mahasiswi UKM mengikut fakulti. Kajian mendapati minat kerjaya bagi pelajar UKM adalah Sosial, Investigatif dan Konvensional (S-I-K).

Dapatan kajian ini menunjukkan tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar aliran Perakaunan pelajar KMNS adalah Konvensional, Sosial dan *Enterprising* (K-S-E). Keputusan ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh kajian Siti Aisyah (2009) berkenaan profil personaliti dan minat kerjaya terhadap 358 orang pengajian akaun Pelatih Institut Perguruan Malaysia adalah Sosial, *Convensional* dan Investigatif (S-C-I). Dapatan kajian adalah selaras dengan kajian Khaidzir Ismail (2016) dalam Personaliti Kerjaya Mahasiswi Islam di Malaysia mendapati minat kerjaya *Enterprising* adalah bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan manakala minat kerjaya Konvensional adalah bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Dapatan juga terdapat hubungan yang signifikan antara pekerjaan yang diminati dengan fakulti.

Dapatan kajian seterusnya, tiga kod Holland bagi pelajar aliran Sains KMNS adalah Sosial, Investigatif dan Konvensional (S-I-K). Kajian ini juga selaras dengan kajian Kemboi et al., (2016) berkaitan Hubungan Jenis Personaliti dan Pemilihan Kerjaya bagi Pelajar di Moi Universiti, Kenya. Dapatan menunjukkan pelajar yang mengikuti pengajian Bachelor Sains Maklumat dan Bachelor Sains merupakan aliran Sains yang menunjukkan minat kerjaya adalah Investigatif. Selain itu, kajian penyelidikan juga adalah selaras dengan kajian KathrinKaub et al., (2016) berkaitan pekerjaan yang sesuai dalam bidang pendidikan guru iaitu Analisis Kepentingan Dan Keperluan Minat Kerjaya di antara Guru Sains dan Guru Bahasa mendapati minat kerjaya guru Sains adalah tertumpu kepada kod Sosial, Investigatif dan Konvensional (S-I-K)

### Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Jantina

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif dan *Enterprising* berdasarkan jantina dalam kalangan

pelajar KMNS. Hal ini menunjukkan pola minat kerjaya Realistik, Investigatif dan *Enterprising* bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza. Skor min pelajar lelaki bagi minat kerjaya Realistik, Investigatif dan *Enterprising* adalah lebih tinggi berbanding skor min pelajar perempuan KMNS. Lelaki lebih cenderung memilih kerjaya berkaitan memerlukan kemahiran praktikal dan mekanikal. Selain itu lelaki juga cenderung meminati kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal di samping suka melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan.

Kajian ini juga selari dengan kajian Hubungan Minat Kerjaya dan Dimensi Personaliti Pelajar-pelajar di Institut Kemahiran MARA oleh Abd Walid (2003) adalah selaras dengan dapatan pengkaji. Terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan minat kerjaya RIASEC. Ini menunjukkan pelajar perempuan mempunyai minat kerjaya yang berlainan. Di samping itu, kajian Rohana Abdul Rahim (2010) ke atas 393 pelajar yang mempelajari elektif Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Teknotani di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya Realistik dan Sosial dalam kalangan jantina. Responden lelaki didapati lebih meminati kerjaya Realistik berbanding dengan responden perempuan dan sebaliknya responden perempuan meminati kerjaya Sosial berbanding dengan responden lelaki.

Keputusan kajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Artistik, Sosial dan Konvensional berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KMNS. Pengujian hipotesis menggunakan ujian-t mendapati tidak terdapat perbezaan min antara lelaki dan perempuan. Hal ini pola minat kerjaya lelaki dan perempuan adalah tidak begitu ketara bagi minat kerjaya berkaitan Artistik, Sosial dan Konvensional. Ini menunjukkan pemilihan kerjaya pelajar tidak dipengaruhi oleh jantina samada pelajar itu lelaki atau perempuan.

Dapatan kajian selaras dengan Fariza (2008) yang telah mengkaji tentang faktor yang mempengaruhi pilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat kejuruteraan elektrik dan elektronik di SMK Teknik Tawau Sabah menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan bagi faktor minat tersebut. Di samping itu, kajian ini selaras dengan kajian Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam Atas Di Sekolah Menengah Kluster Di Kelantan mendapati Sampel kajian terdiri daripada 136 orang pelajar daripada Tingkatan Enam Atas di sekolah-sekolah menengah kluster di Kelantan oleh Zairoslawanee (2014). Analisis beliau menyatakan tidak terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan. Hasil kajian

Bawono dan Fajar (2017) adalah selari dengan pengkaji. Kajian adalah berkaitan Minat Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Bidang Kerjaya Teknikal dan Vokasional Di Negeri Perak, yang melibatkan 374 orang pelajar daripada empat buah Sekolah Teknik di Perak, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai minat kerjaya teknikal dan vokasional berdasarkan jantina dan lokasi sekolah pelajar.

Kajian ini bertentangan oleh kajian Nursyafiqah et al., (2018) iaitu Minat Kerjaya dan Tret Personaliti dalam kalangan Murid Tingkatan Satu Berbeza Jantina: Satu Kajian Kes. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat kerjaya dan tret personaliti dalam kalangan pelajar awal sekolah menengah berbeza jantina. Walau bagaimanapun, bagi konstruk Realistik dan Artistik dalam minat kerjaya dan konstruk Autonomi dalam tret personaliti terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan, di mana nilai min pelajar perempuan lebih tinggi bagi konstruk Artistik dan Autonomi dan nilai min pelajar lelaki lebih tinggi bagi konstruk Realistik.

### **Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Aliran**

Keputusan kajian terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif, *Enterprising* dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS.

Hal ini menunjukkan pola minat kerjaya Realistik, *Enterprising* dan Konvensional bagi aliran Sains dan Perakaunan adalah berbeza. Skor min pelajar aliran Sains bagi minat kerjaya Realistik dan Investigatif adalah lebih tinggi berbanding skor min pelajar aliran Perakaunan KMNS. Pelajar Aliran Sains lebih cenderung memilih kerjaya berkaitan memerlukan kemahiran praktikal dan mekanikal. Selain itu mereka juga cenderung meminati kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal. Manakala Skor min pelajar aliran Perakaunan lebih tinggi bagi minat kerjaya *Enterprising* dan Konvensional adalah lebih tinggi berbanding skor min pelajar aliran Sains. Ini menggambarkan persekitaran pekerjaan yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan. Di samping itu, pelajar aliran Perakaunan ini cenderung kepada minat pekerjaan berstruktur dan teratur yang melibatkan data, nombor, dan kerja-kerja perkeranian. Selain itu, melakukan kerja secara terperinci, mengikut peraturan dan arahan.

Kajian lepas yang selari dengan kajian ini adalah kajian Abd Walid (2003) bertajuk Hubungan Minat Kerjaya dan Dimensi Personaliti Pelajar-pelajar di Institut Kemahiran MARA yang melibatkan Seramai 142 orang pelajar dari semester satu. Beliau menyatakan bahawa terdapat perbezaan minat kerjaya RIASEC yang signifikan berdasarkan aliran persekolahan. Selain itu, kajian Rohana Abdul Rahim (2010) juga menyokong kajian ini. Kajian beliau ke atas 393 pelajar yang mempelajari elektif Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Teknotani Kajian ini menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan bagi minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik dan Conventional terhadap bidang elektif yang dipelajari.

Keputusan kajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Artistik dan Sosial berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS. Setakat pembacaan pengkaji tiada dapatan kajian lepas yang menyokong atau selari dengan pengkaji. Pengujian hipotesis menggunakan ujian-t mendapati tidak terdapat perbezaan min antara aliran Sains dan Perakaunan. Hal ini pola minat kerjaya lelaki dan perempuan adalah tidak begitu ketara bagi minat kerjaya berkaitan Artistik dan Sosial. Ini menunjukkan pemilihan kerjaya pelajar tidak dipengaruhi oleh aliran samada pelajar itu sains atau perakaunan.

Dapatan Kajian Minat Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Bidang Kerjaya Teknikal dan Vokasional Di Negeri Perak oleh Bawono dan Fajar (2017) turut menyokong kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai minat kerjaya teknikal dan vokasional berdasarkan bidang aliran, pendidikan ibu, dan personaliti pelajar.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar KMNS adalah S-I-K Sosial, Investigatif dan Konvensional. Berdasarkan huraian serta dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa tiga minat kerjaya utama dalam kalangan pelajar aliran Perakaunan KMNS adalah K-S-E Konvensional, Sosial dan *Enterprising*. Manakala, bagi pelajar aliran Sains KMNS adalah S-I-K Sosial, Investigatif dan Konvensional.

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif dan *Enterprising* berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar. Pelajar lelaki lebih cenderung memilih kerjaya berkaitan kemahiran praktikal, mekanikal, saintifik dan teknikal di samping suka melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan.

Dapatan kajian terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya Realistik, Investigatif, Enterprising dan Konvensional berdasarkan aliran dalam kalangan pelajar KMNS. Hal ini kerana pelajar Aliran Sains lebih cenderung memilih kerjaya berkaitan memerlukan kemahiran praktikal dan mekanikal. Selain itu mereka juga cenderung meminati kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal. Manakala bagi pelajar aliran Perakaunan ini cenderung kepada minat pekerjaan berstruktur dan teratur yang melibatkan data, nombor, dan kerja-kerja perkeranian. Selain itu, mereka minat melakukan kerja secara terperinci, mengikut peraturan dan arahan.

Kajian ini memberikan implikasi kepada ibu bapa, pihak kolej, dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengidentifikasi arah tujuan dan minat pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke institusi pendidikan tinggi. Cadangan untuk meningkatkan program dan aktiviti yang memupuk minat kerjaya dari peringkat awal persekolahan telah amat digalakkan. Selain itu, disarankan agar mata pelajaran bimbingan kerjaya diperkenalkan di sekolah dan juga di peringkat pengajian tinggi khusus untuk pelajar KMNS.

## Rujukan

- Abd Walid Abd Hamid. (2003). Hubungan Minat Kerjaya dan Dimensi Personaliti di Kalangan Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran MARA Dimuat turun <http://www.fptm/ePusatSumber/Tb>.
- Azhenov, A., Kudysheva, A., Fominykh, N., & Tulekova, G. (2023, August). Career decision-making readiness among students' in the system of higher education: career course intervention. In *Frontiers in Education* (Vol. 8, p. 1097993). Frontiers Media SA.
- Bawono, Fajar Drian Sindu. (2017). Minat Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Bidang Kerjaya Teknikal / Vokasional Di Negeri Perak. Masters Tidak Diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fariza Kasim. (2008). Faktor yang mempengaruhi pelajar Tingkatan 4 Memilih Aliran Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Sebagai Pembentukan Awal Kerjaya di SM Teknik Tawau Sabah UTM Dimuat turun daripada <http://eprints.utmmmy/60221/1/azizyah-kerjaya>.
- Holland, J.L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory of Career*. Englewood Cliff, New Jersey:Prentice Hall Inc.
- Ishamuddin Ismail. (1997). Tinjauan Terhadap Faktor-faktor yang Berkaitan dengan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Disertasi Sarjana Yang Tidak diterbitkan Fakulti Pemdidikan UKM Bangi.
- Kathrin Kaub, Julia Karbach, Frank M.Spinath & Roland Brünken (2016). *Person-Job Fit In The Field Of Teacher Education – An Analysis Of Vocational Interests And Requirements Among Novice And Professional Science And Language Teachers*. *Teaching and Teacher Education Volume 55*, April 2016. 217-227.
- Kemboi, Rebecca J. Kimongo; Kindiki, Nyaga; Misigo, Benard. (2016). *Relationship Between Personality Types and Career Choices of Undergraduate Students: A Case of Moi University, Kenya Journal of Education and Practice*, V7 N3. 102-112.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012)b. Inventori Minat Kerjaya. Lembaga Peperiksaan.

- Khaidzir Ismail. (2016). Personaliti Kerjaya Mahasiswi Islam Di Malaysia Alfikra Jurnal Ilmiah Keislaman vol 15, No 2. 247-283.
- Krejcie RV, Morgan DW. (1970). *Determining Sampel Size For Research Activities. Educational and Measurement* 30, 607-610.
- Lam, M. and Santos, A. (2018), "The impact of a college career intervention program on career decision self-efficacy, career indecision, and decision-making difficulties", *Journal of Career Assessment*, Vol. 26 No. 3, pp. 425-444, <http://doi: 10.1177/1069072717714539>.
- Nursyafiqah Norazhar, Mohd Fahridzakki Abd Rahman & Abu Yazid Abu Bakar. (2018). Kajian Minat Kerjaya Dan Tret Personaliti Dalam Kalangan Murid Tingkatan Satu Berbeza Jantina: Satu Kajian Kes Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)|EISBN978- 967-2122-54-8 5 Julai 2018. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rohana Abdul Rahim. (2010). Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employabiliti, dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Aisyah Hj Hamid. (2009). Profil Personaliti dan Minat Kerjaya Pelatih Institut Perguruan Malaysia. Disertasi Master Sains Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Sabariah Haron. (2013). Mengukur Hubungan Minat Kerjaya dengan Jantina dan Aliran dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. Johor. Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2005). Pengujian & Penilaian dalam Kaunseling, Teori & Aplikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nur Farhana Mat Nawi. (2016). Ramalan Prestasi Kerja Pelajar Berdasarkan AQ dan Minat Kerjaya. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.
- Mhd Subhan, Salleh Amat, & Abu Yazid Abu Bakar. (2015). *The Concept of Career Choice among Children. International Counselling Seminar*. 8. 1-7.

Rohana Abdul Rahim. (2010). Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employability, dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.

Zairoslawanee Zaib. (2014). Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas di Sekolah Menengah Kluster di Kelantan. Johor. Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn.

## Amalan Keberkesanan Kepimpinan Di Sekolah. Pandangan Guru Sekolah Pedalaman

Mohd Hairi Mahat<sup>1</sup>, Chong Fung Yen@Azilina Chong<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, <sup>2</sup>Universiti Terbuka Malaysia

hairi198277@oum.edu.my<sup>1</sup>, fungyen76@gmail.com<sup>2</sup>

### Abstrak

*Amalan kepimpinan sering di kaitkan dengan corak dan gaya seseorang untuk mempengaruhi individu lain supaya segala apa yang dirancang dapat dilaksanakan dan seterusnya matlamat organisasi tercapai. Seorang pemimpin di sekolah harus mampu untuk bertindak secara fleksibel dan menggunakan corak kepimpinan yang sesuai ketika berhadapan dengan pelbagai bentuk krisis yang ada. Tujuan kajian ini untuk memahami pandangan guru pedalaman terhadap amalan keberkesanan kepimpinan di sekolah dari aspek matlamat, peranan, ciri-ciri pemimpin, tindakan yang diperlukan bagi seorang pemimpin dan juga etika kepimpinan. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif dan data dikumpul melalui kaedah temubual semi struktur dengan melibatkan lima orang peserta. Maklum balas dari peserta diterjemahkan dalam bentuk tema untuk menjawab 6 persoalan kajian yang telah disediakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta mempunyai kefahaman yang jelas berkaitan konsep keberkesanan kepimpinan di sekolah. Selain itu, kajian ini juga telah mengenalpasti matlamat utama kepimpinan yang ingin dicapai di sekolah, beberapa bentuk peranan kepimpinan yang di harapkan oleh guru-guru dan beberapa ciri-ciri kepimpinan yang berkesan. Di samping itu, terdapat beberapa cadangan tindakan yang boleh dilakukan oleh pemimpin untuk meningkatkan keberkesanan kepimpinan serta beberapa pertimbangan etika yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin di sekolah.*

**Kata kunci:** Amalan Keberkesanan Kepimpinan, Pemimpin, Sekolah, Guru

## ***Leadership Effectiveness Practices In Schools. The Teacher's View Rural School***

**Mohd Hairi Mahat<sup>1</sup>, Chong Fung Yen@Azilina Chong<sup>2</sup>**

*<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, <sup>2</sup>Universiti Terbuka Malaysia*

*<sup>1</sup>hairi198277@oum.edu.my, <sup>2</sup>fungyen76@gmail.com*

### **Abstract**

*Leadership practices are often associated with a person's pattern and style to influence other individuals so that everything planned can be implemented and subsequently the goals of the organization are achieved. A leader in a school should be able to act flexibly and use appropriate leadership patterns when faced with the various forms of crisis that exist. The purpose of this study is to understand the views of teachers on the practice of leadership effectiveness in schools in terms of goals, roles, characteristics of leaders, actions required for a leader and also leadership ethics. The study was conducted in a qualitative form and data were collected through semi-structured interviews involving five participants. Feedback from participants was translated in the form of themes to answer the 6 research questions that were prepared. The findings of the study indicate that teachers have a clear understanding of the concept of leadership effectiveness in schools. In addition, this study has also identified the main goals of leadership to be achieved in schools, some forms of leadership roles expected by teachers and some characteristics of effective leadership. In addition, there are some suggestions for actions that leaders can take to improve the effectiveness of leadership as well as some ethical considerations that should be present in a leader in a school.*

**Keywords:** *Leadership Effectiveness Practices, Leaders, Schools, Teache*

## **Pendahuluan**

Setiap individu terlibat secara langsung dalam satu institusi, satu organisasi atau satu badan profesional yang lain. Organisasi merujuk kepada kerjasama dalam kumpulan untuk bersama-sama mencapai matlamat atau sasaran yang ditetapkan. Dalam sistem pengurusan sekolah, terdapat lebih dari dua ahli yang bekerjasama untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan prestasi sekolah di bawah pengurusan dan pentadbiran sekolah. Menurut Sergiovanni (2001), kejayaan sesuatu institusi bergantung kepada sokongan dan keberkesanan dalam kepimpinan instruksional. Kepimpinan instruksional terdiri daripada gabungan ciri-ciri personel, suasana persekitaran sekolah dan kakitangan staff sekolah. Kepimpinan instruksional juga merujuk kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang menjurus ke arah peningkatan pencapaian pelajar-pelajar. Menurut Zapeda (2012), kepimpinan instruksional yang kuat akan mampu untuk memacu kecemerlangan seterusnya mencapai kejayaan dalam sistem pendidikan.

Peranan dan tugas seorang Guru Besar atau ketua pentadbiran di sekolah secara umum adalah sebagai seorang perancang, pengurus, pengarah, penilai bagi sesebuah proses pengajaran & pembelajaran. Pada masa kini, peranan dan tugas semakin berkembang di mana Guru Besar atau pentadbir sekolah dilihat sebagai penyediaan sesuatu sumber, sumber kepada kepimpinan, pemudah-cara dan juga pelaksana kurikulum. Kepimpinan instruksional pula merujuk kepada perkembangan visi dan misi sekolah, membawa inovasi dalam kaedah pengajaran guru, menggalakkan peningkatan prestasi kakitangan, membangunkan kerjasama dalam iklim sekolah, mengurus aktiviti instruksional, menghasilkan keberkesanan dalam persekitaran sekolah, dan mengekalkan koordinasi aktiviti instruksional di sekolah. Matlamat kepimpinan instruksional ialah untuk meningkatkan pencapaian sekolah, menjadikan suasana yang harmoni di sekolah, meningkatkan pencapaian kakitangan sekolah terutama pencapaian dalam kalangan pelajar-pelajar (Akram M., Shah A., Rauf A., 2018).

## **Latar belakang Kajian**

Kepimpinan merupakan tonggak utama dalam sistem pendidikan bagi sesebuah organisasi, pengurusan, dan pentadbiran. Kepimpinan dalam pendidikan di lihat sesuatu yang unik kerana memerlukan kemahiran yang luas dan ilmu pengetahuan yang tinggi untuk mengurus individu yang pelbagai lapisan umur dan latar-belakang. Kejayaan atau kegagalan mana-mana organisasi adalah bergantung kepada faktor kepimpinan. Keadaan ini merujuk kepada aspek cara mencapai sesuatu keputusan serta visi dan misi yang ingin dicapai oleh organisasi berkenaan (Sarvinder Singh & Ahmad Esa, 2008).

Pemimpin yang di lihat sebagai transformasional sering berusaha dan meningkatkan fokus terhadap matlamat jangka masa panjang, memberi tumpuan terhadap pembangunan serta memberi inspirasi kepada orang bawahan untuk mencapai matlamat organisasi. Kepimpinan transformasional dilihat sesuai dalam suasana transformasi sekolah kerana ini akan dapat memberi peluang kepada guru-guru untuk meningkatkan amalan profesionalisme. Apabila amalan ini dapat diterapkan dalam persekitaran sekolah maka secara tidak langsung dapat menyuburkan budaya yang positif dalam iklim sekolah (Nursyafina Shaffie, Aida Hanim & Ghazali Darusalam, 2018).

Kejayaan bagi sesebuah sekolah sering bergantung kepada faktor kepimpinan Guru Besar. Guru Besar memainkan peranan yang penting dalam setiap program sekolah yang dirancang seperti aktiviti dalam bilik darjah, program bacaan, CPD guru-guru, dan juga aktiviti kokurikulum. Semua aktiviti yang dirancang akhirnya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti, berilmu, berketrampilan, berkemahiran tinggi dan mampu untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat dan negara. Dalam memastikan hasrat dan impian ini dapat direalisasikan maka peranan Guru Besar dilihat sebagai orang yang penuh tanggungjawab, komitmen serta kreatif dalam membawa sekolah untuk berfungsi dengan lebih baik dan berkesan (Nursyafina Shaffie, Aida Hanim & Ghazali Darusalam, 2018).

Peranan dan tanggungjawab utama bagi seorang pemimpin organisasi ialah memastikan setiap apa yang di rancang dapat di laksanakan dengan sebaik mungkin agar visi dan misi yang ditetapkan dapat di capai. Dalam melaksanakan program yang dirancang, pemimpin mungkin akan berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran dan halangan dan pada masa ini kemahiran kepimpinan sangat diperlukan untuk memilih pendekatan yang sesuai dalam mengatasi masalah. Antara bentuk cabaran yang dihadapi ialah keselamatan, infrastruktur, disiplin, tanggungjawab dan arahan (Sarvinder Singh & Ahmad Esa, 2008).

### **Permasalahan Kajian**

Karisma bagi seorang pemimpin lebih terserlah dan menonjol dengan tahap keyakinan yang tinggi yang boleh diperhatikan melalui setiap tindakannya di sekolah. Antara sifat-sifat pemimpin yang berkarisma ini adalah pemimpin yang sanggup berkorban untuk kemajuan organisasinya, dan bersifat terbuka dalam menetapkan matlamat yang ingin di capai. Pemimpin seperti ini sering di lihat sebagai contoh dan teladan oleh orang bawahan serta dikagumi dan di hormati. Pemimpin berkarisma ini juga berani untuk menghadapi risiko dan mampu untuk menerangkan dengan baik akan hasratnya kepada orang bawahan (Nursyafina

Shaffie, Aida Hanim & Ghazali Darusalam, 2018).

Menurut Nur Faezah & Dayang Norizah (2018) sekolah merupakan sebuah institusi yang mempunyai peranan yang besar dalam melahirkan insan, masyarakat dan negara selain memberi pengaruh dalam sistem kemasyarakatan seperti di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974. Pelbagai pengiktirafan di beri kepada sekolah yang berjaya dan menonjol dalam pelbagai bidang. Pencapaian tertinggi pada masa kini ialah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Pengiktirafan ini di beri kerana sekolah berkenaan sudah mencapai tahap cemerlang dalam aspek kurikulum, sahsiah dan kepimpinan. Kecemerlangan sekolah ini juga di lihat hasil daripada kebijaksanaan pemimpin yang mengurus sumber manusia dengan berkesan. Peranan pemimpin dalam memastikan mencapai kejayaan organisasi sangat penting tidak kira apa jua bentuk sektor sekali pun.

Menurut Abdul Rahim (2007) dalam usaha pihak sekolah untuk mencapai impian dan hasrat yang ditetapkan, Guru Besar terpaksa berhadapan dengan pelbagai risiko seperti guru-guru tidak mahu terima perubahan, ada yang tidak boleh ditegur, tiada semangat bekerjasama, berfikiran negatif dan tidak bertolak ansur. Apabila ada guru-guru yang tidak berpuas hati maka Guru Besar akan dapat lihat kejadian seperti ponteng kerja, membuat protes, bersara awal, tertekan, prestasi merosot dan ada yang minta pindah sekolah. Apabila Guru Besar menggunakan kekerasan untuk memastikan apa yang dirancang dapat dilaksanakan sebenarnya keadaan ini hanya membuka dan menunjukkan kelemahan dalam kepimpinan (Nursyafina Shaffie, Aida Hanim & Ghazali Darusalam, 2018).

Apabila iklim sekolah dalam keadaan lemah, barisan staff sekolah tidak begitu seronok dan gembira untuk bekerja. Guru-guru dan pelajar mungkin menunjukkan kesungguhan mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetapi mereka tidak akan dinilai dengan hasil pembelajaran yang baik. Sekolah yang tidak sihat bermaksud sangat tidak produktif untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelajar akan menghabiskan masa-masa mereka di sekolah tanpa mendapatkan apa-apa faedah dalam sesi pembelajaran dari persekitaran sekolah yang tidak sihat. Sekolah yang menyediakan persekitaran iklim yang baik dan positif akan mampu menyediakan pendidikan yang tinggi serta menyediakan kepimpinan instruksional yang berkesan (Akram M., Shah A., Rauf A., 2018).

### **Objektif Kajian**

Terdapat beberapa objektif kajian yang telah dikenalpasti menerusi kajian ini antaranya ialah:

1. Memahami pandangan guru berkaitan keberkesanan kepimpinan di sekolah.

2. Memahami matlamat kepimpinan di sekolah.
3. Memahami peranan kepimpinan di sekolah yang di harapkan.
4. Mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan yang berkesan.
5. Mengenalpasti bentuk tindakan pemimpin untuk jadi lebih berkesan
6. Mengenalpasti etika yang boleh dikaitkan dengan kepimpinan.

Hasil kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pelbagai pihak di sekolah agar mereka boleh melihat akan kelemahan dan kekuatan yang ada dalam aspek keberkesanan memimpin di sekolah. Selain itu, ianya juga dapat membantu pihak sekolah dan guru-guru dalam membuat penyesuaian terutama terhadap program-program yang telah dirancang. Tindakan ini boleh memberi manfaat dan kebaikan terus kepada murid-murid ketika amalan keberkesanan kepimpinan dapat di jiwai dengan baik. Hasil kajian ini juga sangat berguna kepada guru-guru dalam usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme perguruan. Aspek kepimpinan ini bukan sahaja perlu di miliki oleh para pentadbir sekolah tetapi ianya sesuai untuk dipelajari oleh semua guru. Selain itu, jika ada mana-mana guru yang berminat untuk meneruskan perkhidmatan guru dalam bidang pentadbiran, mereka boleh mempelajari kemahiran kepimpinan lebih awal sebelum mereka menjawat jawatan sebagai pentadbir sekolah.

### **Kajian Literatur**

Menurut Troy, Michelle, & John (2014) sebahagian pendidik bersetuju bahawa terdapat hubungan antara faktor-faktor kepimpinan dengan iklim sekolah. Pentadbir dapat memanfaatkan hasil kajian ini dengan melihat persepsi guru mereka sebagai seorang pemimpin yang terbuka dalam iklim di sekolah, selain mampu untuk menyasarkan tingkah-laku kepimpinan tertentu dan juga menggalakkan iklim sekolah agar lebih berjaya. Menurut Hamedah (2010), gaya kepimpinan merupakan salah satu aspek yang harus diberi perhatian oleh Guru Besar. Pemilihan gaya kepimpinan oleh Guru Besar harus selaras dengan treat personaliti dirinya dan juga kumpulan staf di bawah pimpinannya. Guru besar perlu menyedari kekuatan serta kekurangan dirinya dan membina gaya kepimpinan berdasarkan keupayaan potensi diri yang sebenar. Namun begitu gaya kepimpinan terbukti berkesan apabila mereka belajar melalui teladan dan bukan disebabkan oleh personaliti, jantina, atau tahap akademik. Selain itu, Guru Besar juga harus berfikiran terbuka, tidak panik dalam berhadapan dengan konflik serta tidak berkompromi dalam urusan kerja yang tidak sempurna.

Menurut Button (2003) pemimpin transformasi biasanya mempunyai tingkah-laku dan kemahiran yang mampu untuk memotivasikan orang bawahannya, menaikkan semangat tanpa cepat mengalah, serta berupaya untuk

berhadapan dengan cabaran mendatang. Pemimpin ini mampu menjelaskan dengan baik akan matlamat yang ingin di capai, dan dalam masa yang sama menunjukkan komitmen yang tinggi. Guru yang berkesan ialah guru yang mempunyai motivasi yang tinggi serta sentiasa melibatkan diri dalam penambah-baik PDP. Guru Besar pula di lihat sebagai pendorong dan pemberi semangat serta menyediakan keperluan untuk mengekalkan motivasi guru dalam menjayakan matlamat sekolah (Nursyafina Shaffie, Aida Hanim Abdul Hamid & Ghazali Darusalam, 2018). Pemimpin transformasi mampu untuk melahirkan sebuah sekolah yang berkualiti dan cemerlang melalui kepimpinan yang diamalkan serta pengaruh yang kuat. Dalam masa yang sama, guru-guru di sekolah juga mampu menunjukkan kepuasan kerja yang tinggi dan terkesan dari amalan kepimpinan yang ditunjukkan (Hishamuddin, Mohd Rizal & Supian, 2013).

Menurut Nurlaili & Mohd Yusof (2018), gaya kepimpinan dan pengurusan Guru Besar sering berkait rapat dengan kuasa untuk mencapai matlamat bagi sesebuah sekolah. Dalam kajian ini, hubungan kepimpinan dan pengurusan kerja dengan kepuasan kerja guru di sekolah agama di Johor menunjukkan gaya kepimpinan Guru Besar berada pada tahap yang tinggi bagi 3 jenis gaya iaitu autokratik, demokratik dan lepas bebas. Tahap pengurusan kerja Guru Besar dan juga tahap kepuasan kerja guru juga menunjukkan tahap yang tinggi. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan Guru Besar dan pengurusan kerja Guru Besar dengan kepuasan kerja guru.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian kualitatif untuk meneroka pandangan guru-guru pedalaman mengenai keberkesanan kepimpinan di sekolah. Kajian kualitatif mengutamakan proses dan membantu untuk memahami sesuatu fenomena. Selain itu, rekabentuk kajian kualitatif ini dilihat sesuai kerana kajian ini ingin memahami pandangan guru terhadap amalan keberkesanan kepimpinan di sekolah.

Selaras dengan penggunaan kajian kualitatif, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan iaitu tapak dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena kajian yang dijalankan. Pemilihan sampel sebagai responden berdasarkan piawai yang digunakan iaitu sampel yang kaya dengan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Pemilihan responden dibuat berdasarkan kepada individu yang mampu untuk memberikan maklumat yang banyak dan mendalam selain boleh memberi kerjasama yang baik kepada pengkaji. Pemilihan responden juga melibatkan beberapa keperluan iaitu guru yang terlibat dengan aspek perancangan dan pelaksanaan program di sekolah. Selain itu, responden yang sama juga mampu untuk memberi maklumat berkaitan amalan kepimpinan di sekolah.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk memahami dan mengesahkan fenomena yang dikaji. Ini merupakan satu sesi perbualan bersemuka antara pengkaji dengan responden secara individu untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan akan perkara yang dikaji. Temubual dijalankan berdasarkan protokol yang telah disediakan dan setiap sesi temubual mengambil masa antara 50-60 minit dengan bentuk temubual semi-struktur. Terdapat enam soalan yang disediakan namun dalam sesi temubual yang diadakan beberapa soalan tambahan terpaksa disediakan untuk meneroka jawapan yang diberi oleh responden.

Data dari sesi temubual diproses bagi setiap tajuk dan disemak untuk kenal-pasti tema-tema di dalam data tersebut. Proses yang sama dilakukan sehingga sampai tahap ketepuan data. Menurut Meriam (2009), mengumpul dan menganalisis data merupakan aktiviti yang dijalankan serentak. Aktiviti ini bermula dari pertama kali pengkaji membuat sesi temubual, pemerhatian dan menganalisis dokumen. Aktiviti ini juga berlaku sepanjang masa ketika kajian dijalankan. Data perlu di analisis dari awal untuk mengelakkan pengkaji membuat perkara secara berulang-ulang tanpa disedari. Menurut Miles & Huberman (1994) menyatakan bahawa analisis data bermula sejak pengkaji memulakan aktiviti kajian lapangan. Terdapat dua kaedah untuk membuat analisis data kajian kualitatif iaitu membuat analisis ketika pengkaji sedang mengumpul data dan membuat analisis selepas pengkaji siap mengumpul data. Antara tujuan analisis dibuat awal ialah untuk memastikan pengkaji boleh melihat aspek data yang kurang atau data yang tercicir terlepas pandang.

## Dapatan Kajian

### Profil Peserta Kajian

**Jadual 1: Maklumat Profil Peserta**

Latar belakang	Peserta	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	4	80%
	Perempuan	1	20%
Akademik	Ijazah Pertama	5	100%
	Sarjana	0	0%
Pengalaman Mengajar	Lebih 15 tahun	5	100%
	1 - 5 orang	0	0%

Latar belakang	Peserta	Kekerapan	Peratus
Pengalaman berkhidmat bersama Guru Besar	6 - 10 orang 11 - 15 orang	5 0	100% 0%

Seramai 5 orang guru dipilih sebagai peserta kajian yang terdiri daripada 4 orang guru lelaki dan 1 guru perempuan. Guru-guru yang dijadikan sebagai peserta kajian ini terdiri daripada guru yang pernah berkhidmat melebihi 3 sekolah yang berbeza. Semua peserta diberi kod sebagai menggantikan nama asal iaitu G1, G2, G3, G4, dan G5 dan mempunyai pengalaman mengajar melebihi 15 tahun.

### Pandangan guru terhadap Keberkesanan Kepimpinan di sekolah

**Jadual 2: Pandangan guru terhadap keberkesanan kepimpinan di sekolah**

Peserta	Pandangan Peserta
G1	...merujuk kepada pengurus sekolah atau penjana kepada agenda pembangunan sesebuah sekolah. Ia merangkumi mengurus fizikal sekolah, kaki tangan dan juga memastikan kemenjadian murid.
G4	...melibatkan cara menyampaikan maklumat dari atas kepada bawah. Ia juga melibatkan cara hubungan antara pemimpin dan orang bawahan yang melibatkan komunikasi dan kefahaman antara satu sama lain.

Dalam jadual 2 menunjukkan semua peserta mempunyai pandangan yang positif berkaitan konsep kepimpinan di organisasi terutama di sekolah. Para peserta bersetuju bahawa kepimpinan ini merujuk kepada keberkesanan pemimpin untuk pengurus pembangunan sekolah termasuk staff, guru dan murid-murid seperti yang dinyatakan oleh peserta G1 dan G3. Peserta G2 menyatakan bahawa kepimpinan melihat bagaimana pemimpin itu mempengaruhi orang bawahan dan pendekatan tunjuk ajar yang digunakan. Menurut peserta G4, kepimpinan dilihat dari cara pemimpin ini menyampaikan maklumat kepada orang bawahan dan pendekatan yang digunakan dalam membina hubungan, komunikasi dalam meningkatkan kefahaman. Bagi peserta G5, kepimpinan pula boleh difahami menerusi bimbingan yang diberi dan menjadi pendengar yang baik serta mampu memberi kesan yang positif dan contoh yang baik kepada orang bawahan.

## Matlamat Kepimpinan di sekolah

**Jadual 3: Pandangan guru terhadap matlamat kepimpinan di sekolah**

Peserta	Pandangan Peserta
G3	...ada juga matlamat yang menjurus kepada untuk membangunkan sumber manusia dan membina komunikasi yang bagus dengan tujuan agar organisasi dapat berfungsi dengan baik.
G5	...dalam menggunakan kaedah yang berbeza, mereka mempunyai matlamat sendiri seperti ingin tonjolkan kelebihan sekolah, menyediakan kemudahan yang sesuai untuk murid dan keupayaan diri dalam mentadbir.

Dalam jadual 3 menunjukkan semua peserta bersetuju bahawa setiap kepimpinan ini mempunyai matlamat yang sama di sekolah untuk mencapai apa yang ditetapkan oleh pihak jabatan. Perbezaan antara kepimpinan ini ialah dilihat dari segi pendekatan dan kaedah yang digunakan untuk memastikan hasrat matlamat ini tercapai. Dalam memastikan matlamat jabatan tercapai, ada pemimpin ingin menonjolkan diri dan sekolah supaya dikenali dan disegani oleh orang lain seperti yang dinyatakan oleh peserta G1 dan G5. Peserta G2 menyatakan bahawa ada juga pemimpin yang ingin membawa perubahan dalam organisasi terutama dalam usaha untuk mencapai matlamat dengan menggantikan kaedah-kaedah dari pemimpin terdahulu. Dalam memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai, ada pemimpin cuba untuk memantapkan sumber manusia dan memperkasakan komunikasi di dalam organisasi seperti yang di nyatakan oleh peserta G3. Menurut peserta G4, akibat dari tekanan dan desakan pihak atasan, ada pemimpin yang mengalami kebimbangan dan menggunakan pendekatan sendiri untuk mencapai matlamat sehingga menyebabkan kesan yang tidak baik terhadap orang bawahan.

## Peranan kepimpinan sekolah yang diharapkan

**Jadual 4: Peranan kepimpinan sekolah yang di harapkan**

Peserta	Pandangan Peserta
G1	...bukan hanya boleh mengarah tapi boleh membimbing. Perlu ada jiwa untuk memahami orang bawahan. Pemimpin mudah memberi penghargaan kepada orang bawahan dan harus peka.

<b>Peserta</b>	<b>Pandangan Peserta</b>
<b>G2</b>	...mampu untuk mengatasi krisis yang berlaku. Setiap sasaran kerja dapat di capai secara bersama-sama. Mampu untuk menyediakan suasana kerja yang selesa dan harmoni.

Dalam jadual 4 menunjukan setiap peserta mempunyai jangkaan dan harapan yang berlainan terhadap kepimpinan di sekolah. Pemimpin perlu memberi penghargaan, menyediakan keperluan dan peka terhadap orang bawahan seperti yang dinyatakan oleh peserta G1. Pemimpin juga mampu untuk mengatasi dan menyelesaikan krisis yang ada melalui kemahiran dan ilmu yang dimiliki seperti yang dinyatakan oleh peserta G2. Menurut peserta G3, G4 dan G5, pemimpin yang diharapkan dalam organisasi tidak selalu menekan orang bawahan ketika bersama-sama bekerja, perlu memahami orang bawahan dengan baik kerana setiap individu ada kekurangan dan kelebihan diri, dan pemimpin yang suka berkongsi ilmu baru dan pengalaman dengan orang bawahan. Semua peserta juga setuju bahawa antara peranan pemimpin di organisasi yang sering diharapkan ialah boleh membimbing dan membuat tunjuk ajar kepada orang bawahan dan menyediakan suasana kerja yang selesa dan kondusif untuk semua.

### **Ciri-ciri kepimpinan di sekolah yang berkesan.**

**Jadual 5: Ciri-ciri kepimpinan dan pengurusan yang berkesan**

<b>Peserta</b>	<b>Pandangan Peserta</b>
<b>G3</b>	...menepati masa, mudah memberi kerjasama, konsisten dalam ucapan, ada ketegasan dalam diri, dedikasi dan komitmen dalam kerja, mampu untuk mempengaruhi pekerja bawahan, bertolak ansur dan tidak menyulitkan urusan orang lain
<b>G4</b>	...merendah diri dan tidak malu bertanya dengan sesiapa sahaja. Orang bawahan bergerak tanpa paksaan dalam menjalankan tugas, tidak menimbulkan banyak masalah dan staff senang bekerja secara sukarela dalam menjalankan tugas.

Dalam jadual 5 menunjukkan pandangan guru terhadap ciri-ciri kepimpinan yang berkesan di sekolah. Para peserta bersetuju bahawa setiap pemimpin yang berkesan mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh dilihat. Antaranya ialah pemimpin yang suka merendah diri dan tidak malu bertanya dengan sesiapa sahaja seperti yang

dinyatakan oleh peserta G4 dan G1. Peserta G3 pula menyatakan pemimpin ini sentiasa menepati masa, konsisten dalam ucapan, dedikasi dan komitmen dalam kerja, bertolak ansur dan tidak menyulitkan urusan orang lain. Selain itu, ada sikap keberanian dalam diri bila membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Sanggup berhadapan dengan risiko dan sentiasa bersedia membuat sesuatu perubahan yang drastik. Seorang yang cerdas, pantas bergerak dalam banyak perkara. Berfikiran positif terutama dengan orang bawahan dan tidak campur aduk antara urusan kerja dan hal-hal di luar seperti yang dinyatakan oleh peserta G2 dan G5.

### **Kaedah yang boleh dipelajari oleh pemimpin untuk capai keberkesanan kepimpinan**

**Jadual 6: Kaedah yang boleh digunakan untuk mencapai keberkesanan kepimpinan**

<b>Peserta</b>	<b>Pandangan Peserta</b>
<b>G1</b>	...Pemimpin perlu sentiasa berubah dan mengikuti perkembangan semasa. Mampu untuk sediakan apa yang terbaik untuk sekolah atau organisasi. Pemimpin tidak perlu statik dan rigid kerana ilmu dan bidang pendidikan ini sentiasa berkembang. Seseorang pemimpin itu tidak semestinya belajar dari orang yang berpelajaran tinggi tetapi dia juga boleh belajar dari orang yang berpengalaman dan banyak praktikal. Pemimpin tidak akan mampu untuk lakukan tugas dengan sendiri tapi memerlukan sokongan dan bantuan dari orang bawahan.
<b>G2</b>	...Pemimpin ini perlu juga sentiasa meningkatkan dan melengkapkan diri dengan ilmu semasa. Teknik dan ilmu kepimpinan mungkin sudah cukup tetapi ilmu berkaitan pendidikan dan kemahiran baru sentiasa berubah-ubah. Sentiasa perlu belajar dan banyak bertanya. Paling bagus ialah setiap perkara baru dalam pendidikan pemimpin perlu lebih faham dari orang bawahannya. Kelebihan ini dia boleh gunakan untuk membimbing dan tunjuk ajar orang bawahan.

Dalam jadual 6 menunjukkan pandangan peserta berkaitan kaedah yang boleh digunakan oleh pemimpin untuk meningkatkan lagi keberkesanan kepimpinan di sekolah. Semua peserta setuju bahawa setiap pemimpin perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam kepimpinan dan pengurusan selaras dengan perubahan dalam pendidikan dan perkembangan teknologi dan digital. Selain itu, pemimpin juga tidak perlu segan dan malu untuk menimba ilmu dari orang bawahan dan banyak perkara yang baik dari orang yang berpengalaman. Menurut peserta G1,

seorang pemimpin bukan hanya boleh belajar dari orang yang berpendidikan tinggi tapi boleh juga dari orang yang banyak pengalaman. Paling bagus ialah setiap perkara baru dalam pendidikan pemimpin perlu lebih faham dari orang bawahannya. Kelebihan ini dia boleh gunakan untuk membimbing dan tunjuk ajar orang bawahannya. Amalan bantu membantu perlu diamalkan dan dilihat dari skop yang luas, kerana mereka saling melengkapi seperti yang dinyatakan oleh peserta G2. Pemimpin yang baik akan sentiasa belajar, memperbaiki diri dan tidak melihat diri sudah sempurna seperti yang dinyatakan oleh peserta G5.

### **Pertimbangan etika yang boleh dikaitkan dengan kepimpinan.**

**Jadual 7 : Pertimbangan etika dalam pengurusan dan kepimpinan**

<b>Peserta</b>	<b>Pandangan Peserta</b>
<b>G1</b>	...berpegang kepada integriti. Ada ketika pemimpin yang tidak berintegriti akan menyebabkan organisasi rosak dan matlamat sukar untuk dicapai. Harus bersikap jujur dan sentiasa membuat penilaian dan muhasabah diri. Berpegang kepada etika kerahsiaan sama ada melibatkan urusan kerja atau peribadi orang bawahannya. Tidak menghukum atau membuat andaian awal terhadap orang bawahannya tanpa usul periksa.
<b>G3</b>	... sifat integriti yang tinggi dalam diri, sifat amanah dan nilai-nilai moral. Ini semua kawalan diri seorang pemimpin untuk mengawal diri sebelum dapat mengawal orang lain. Pemimpin akan bekerja dengan jujur, berdedikasi dalam budaya kerja. Semua kita adalah pemimpin dalam kehidupan masing-masing. Setiap amanah perlu dipegang dan dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

Dalam jadual 7 menunjukkan pandangan guru dari aspek pertimbangan etika yang perlu ada dalam kepimpinan organisasi. Pemimpin perlu berpegang kepada integriti, amanah, bertanggungjawab dan ada timbang rasa seperti yang dinyatakan oleh peserta G1, G3, G4 dan G5. Selain itu, menurut peserta G1 pemimpin juga harus berpegang kepada amalan kerahsiaan ketika bertugas, dan tidak membuat andaian awal terhadap orang bawahannya tanpa usul periksa. Dalam masa yang sama, peserta G2 menyatakan pemimpin juga harus faham setiap dasar-dasar pendidikan, ambil peduli setiap perkembangan prestasi guru dan murid serta melihat sesuatu perkara secara menyeluruh. Seorang pemimpin juga harus bijak dalam membaca dan memahami iklim yang ada di organisasi serta memahami gaya kepimpinan dengan baik sebelum di amalkan seperti yang dinyatakan oleh peserta G4.

## Perbincangan

Secara keseluruhan guru-guru amat memahami dan mempunyai pandangan yang positif berkaitan konsep pengurusan dan kepimpinan dalam organisasi. Perkara ini dapat di lihat menerusi pandangan peserta kajian yang menunjukkan bahawa kepimpinan dan pengurusan merujuk kepada keberkesanan mengurus sekolah, staff dan murid. Selain itu, kepimpinan juga merujuk kepada cara seseorang itu mempengaruhi orang bawahan dan pendekatan yang sesuai digunakan dalam organisasi. Kepimpinan dan pengurusan juga boleh dilihat menerusi penyampaian maklumat kepada orang bawahan serta bagaimana hubungan dan komunikasi di bina untuk meningkatkan kefahaman.

Menurut Baharom, Mohamat & Che Noraini (2009) kepimpinan merupakan salah satu faktor yang menjadi penentu terhadap kejayaan untuk sesuatu organisasi. Kepimpinan biasanya akan berlaku apabila seseorang itu membuat dorongan, memujuk, mempengaruhi untuk berusaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, kepimpinan juga boleh dilihat menerusi kebolehan seseorang untuk memimpin sekumpulan manusia dan memastikan mereka sentiasa bermotivasi dan semangat untuk bekerja dan berusaha.

Matlamat bagi setiap pemimpin dalam organisasi seperti di sekolah adalah hampir sama iaitu mencapai apa yang telah ditetapkan oleh jabatan sama ada peningkatan prestasi murid dan kualiti sekolah. Perbezaan yang dapat dilihat ialah pendekatan dan cara yang digunakan oleh setiap pemimpin ini mungkin tidak sama kerana persekitaran dan iklim di kawasan sekolah adalah berbeza. Ada pemimpin yang berusaha untuk menonjolkan diri dan sekolah supaya mereka dikenali orang orang lain. Selain itu, ada juga pemimpin yang cenderung untuk membuat perubahan baru dalam organisasi untuk menggantikan kaedah dan cara pemimpin terdahulu. Pemimpin yang bijak dapat memahami keperluan lain yang perlu diberi keutamaan iaitu untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, mereka perlu memantapkan sumber manusia dan memperkasakan komunikasi dalam organisasi.

Menurut Nursyafina, Aida Hanim & Ghazali, (2018) dalam usaha pemimpin di organisasi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, mereka masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran untuk meningkatkan prestasi sekolah. Antara cabaran dan halangan yang berlaku ialah orang bawahan yang tidak mahu berubah, ada yang tidak boleh menerima kritikan dan nasihat, bersikap negatif dan tiada semangat kekeluargaan. Akibat dari masalah ini, ada pemimpin

yang menggunakan kaedah sendiri, pendekatan yang keras atau gaya autokrasi untuk memastikan matlamat sekolah dapat di capai. Namun begitu jika hal ini terjadi sebenarnya pemimpin mendedahkan kelemahan diri dalam mengurus sebuah organisasi seperti di sekolah.

Setiap guru mempunyai harapan atau jangkaan terhadap pemimpin yang ada di dalam organisasi seperti di sekolah. Antara harapan dan jangkaan guru-guru terhadap kepimpinan organisasi di sekolah ialah seseorang pemimpin perlu menyediakan penghargaan, keperluan dan peka terhadap orang bawahan. Pemimpin juga di harap mampu untuk mengatasi dan menyelesaikan krisis yang wujud dalam organisasi dan dilihat mempunyai kelebihan dari segi ilmu dan kemahiran yang baru. Pemimpin juga di diharapkan tidak terlalu menekan orang bawahan dan sentiasa bersama-sama ketika bekerja. Selain itu, antara peranan pemimpin yang diinginkan oleh guru ialah boleh membimbing dan membuat tunjuk ajar kepada orang bawahan dan menyediakan suasana kerja yang selesa dan kondusif untuk semua.

Menurut Baharom, Mohamat & Che Noraini (2009) kepimpinan yang berkesan mampu memberi kesan secara tidak langsung kepada guru dan warga sekolah. Pemimpin seperti ini sentiasa membuat pemantauan yang membina, memberi dorongan dan nasihat yang berguna kepada orang bawahan agar mereka sentiasa ada perasaan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Apabila keadaan ini berlaku, semua aktiviti akan berjalan seperti yang dirancang dan yang penting setiap masalah dapat dikenalpasti di peringkat awal. Pemimpin yang diharapkan sering membantu orang bawahan untuk menyelesaikan masalah dan menggalakkan untuk terus berusaha. Kejayaan kepimpinan yang berkesan akan mewujudkan persekitaran yang baik dan orang bawahan berpeluang untuk berkongsi pandangan dan memberi cadangan secara lebih profesional.

Setiap kepimpinan yang berkesan di sekolah mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang boleh dilihat oleh guru-guru di sekolah. Antara ciri-ciri ini ialah pemimpin yang sering merendah diri dan tidak malu untuk bertanya kerana proses pembelajaran boleh berlaku di mana-mana. Selain itu, pemimpin ini juga sentiasa menepati masa, mempunyai sikap yang konsisten, bertolak ansur dan tidak menyulitkan tugas orang lain. Dalam usaha untuk mencapai kejayaan dan matlamat dalam organisasi, seseorang pemimpin perlu berani untuk berhadapan dengan sebarang bentuk risiko selain harus cergas dan pantas dalam melaksanakan sebarang tugas dan tindakan.

Menurut Baharom, Mohamat & Che Noraini (2009) sebagai peneraju utama di sekolah, pemimpin perlu ada keberanian diri, suka membimbing dan menjadi sumber inspirasi kepada orang bawahan di sekolah. Kepimpinan yang mempunyai kompetensi adalah hasil daripada gabungan nilai, sikap, kemahiran, dan pengetahuan yang mampu untuk memberi panduan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Apabila seseorang pemimpin sudah menerajui sesuatu organisasi bukanlah bermaksud dirinya mempunyai kebebasan untuk membuat sebarang keputusan dan tindakan. Dalam masa yang sama, pemimpin juga boleh meningkatkan lagi kaedah supaya kepimpinan akan lebih berkesan. Pemimpin harus mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan selaras dengan perkembangan dan perubahan pendidikan masa kini. Selain itu, pemimpin juga tidak perlu ada perasaan malu dan segan untuk belajar sesuatu dari orang bawahan dan tidak semestinya perlu merujuk kepada pihak atasan sahaja. Dalam usaha untuk memastikan keberkesanan kepimpinan pada masa kini ialah pemimpin perlu tahu dan mempunyai kefahaman yang lebih baik dalam sesuatu perkara berkaitan pendidikan berbanding orang bawahannya.

Menurut Jamilah, Yahya & Siti (2016) kejayaan sesebuah sekolah sering dikaitkan dengan sistem pengajaran dan pembelajaran itu sendiri kerana pemimpin sekolah yang menentukan kecemerlangan sistem PDP di sekolah mereka sendiri. Setiap sekolah akan berusaha untuk mempertingkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan dan dalam masa yang sama pihak sekolah juga akan melihat semula amalan, misi dan matlamat agar setiap tindakan dapat diselaraskan dan matlamat utama sekolah dapat di capai. Pengurusan yang sistematik dan tersusun yang melibatkan sumber manusia seperti guru dan warga sekolah yang lain amat penting dalam menentukan keberkesanan dan kecekapan sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa etika kepimpinan yang perlu di pegang oleh pemimpin dan pengurusan terutama di sekolah. Antara etika yang perlu di pegang atau di pertimbangkan oleh seseorang pemimpin itu dalam memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai ialah harus ada nilai integriti ketika bertugas, bersikap amanah, bertanggungjawab, bertimbang rasa, tidak membuat andaian awal, peka terhadap prestasi orang bawahan dan bijak dalam membaca situasi di sekolah. Barisan pemimpin mungkin berhadapan dengan undang-undang ketika menjalankan tugas dan peranan di sekolah kerana ada ketika undang-undang mampu menghalang mereka untuk mengambil sebarang bentuk tindakan ketika menjalankan tanggungjawab.

Menurut YScouts Ethical Leaders, terdapat beberapa ciri-ciri etika yang baik dari segi kepimpinan dan ini menyokong hasil dapatan kajian yang di jalankan. Antaranya ialah (1) mengamalkan keadilan untuk semua staff, (2) menghormati setiap ahlinya dengan mendengar pandangan mereka dan menghargai sumbangan mereka, (3) jujur dalam setiap perbuatan dan ini akan disenangi oleh semua orang di sekeliling, (4) berperikemanusiaan iaitu meletakkan kepentingan sekolah melebihi kepentingan peribadi serta mengutamakan keperluan staff, (5) memberi fokus terhadap membina pasukan iaitu membina semangat pasukan dan membuat sesuatu yang menguntungkan pasukan, (6) memberi galakan kepada staff yang berjaya mencapai sesuatu kejayaan dan mendorong staff lain untuk sama-sama meningkat, (7) menjadi contoh yang baik kepada semua staff, bukan hanya bijak bercakap tetapi harus melaksanakan apa yang disampaikan.

### **Kesimpulan**

Pentadbir yang cemerlang serta berwibawa sering di kaitkan dengan kecemerlangan sekolah. Mereka memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting dalam merancang dan menyusun strategi yang berkesan untuk keperluan sekolah. Perkaitan antara sistem pendidikan negara dengan program yang dilaksanakan di sekolah harus selaras dan mengikut perkembangan teknologi semasa. Dalam transformasi nasional 2050, kemenjadian murid dan pendidikan menjadi tunjang kepada pendidikan yang berkualiti tinggi. Faktor utama kejayaan sebuah sekolah adalah pentadbir yang berperanan sebagai pemimpin yang membawa hala tuju yang baik serta menjadi suri teladan kepada kakitangan bawahnya.

Seorang pentadbir di sekolah harus mampu untuk bertindak secara fleksibel dan menggunakan corak kepimpinan yang sesuai ketika berhadapan dengan pelbagai bentuk krisis yang ada. Pemimpin juga perlu berjaya untuk sesuaikan gaya dan kemahiran kepimpinan mengikut keperluan keadaan guru-guru dan sekolah. Sekolah yang sentiasa menunjukkan pencapaian yang baik biasanya di ketuai oleh seorang pemimpin yang berkarisma tinggi, memberi pengaruh yang baik, dan sentiasa memberi inspirasi yang positif kepada guru-guru dan staf. Ini dapat mewujudkan satu hubungan yang rapat antara pentadbir dan staff dan menghasilkan kerjasama yang kuat, selesa, ceria dan penuh muhibah.

Kejayaan pendidikan bagi sesebuah negara sering dikaitkan dengan kecemerlangan kepimpinan dan tahap kualiti sekolah berkenaan. Pemimpin bagi sesebuah sekolah perlu memastikan supaya modal insan yang di lahirkan mempunyai tahap keperibadian yang tinggi dan bukan hanya merujuk kepada kemahiran dan ilmu semata-mata. Dalam memastikan usaha ini mencapai matlamat, sekolah-sekolah memerlukan guru yang berkualiti dan mampu untuk menjadi ejen perubahan kepada murid untuk membantu proses pembelajaran ilmu. Guru-guru yang berkualiti dapat dihasilkan menerusi adanya pemimpin-pemimpin yang dapat meningkatkan dan mengembangkan potensi sendiri guru ketika proses pembelajaran di dalam kelas.

## Rujukan

- Akram M., Shah A., Rauf A., (2018). Head Teachers' Instructional Leadership Practices and School Climate at Secondary Schools, *Journal of Arts and Social Sciences II* (V).
- Baharom Mohamad, Mohamad Johdi Salleh, & Che Noraini Hashim (2009). *Kepimpinan Pendidikan Berkesan*. Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Islam Antarabangsa. Prosiding "Seminar Kepengetuaan Kebangsaan Ke-V1" – Halatuju Kepemimpinan Sekolah Untuk Penambahbaikan Yang Mapan – 10-12 Mac 2009. Institut Kepengetuaan, Kampus Kota, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamedah Wok Awang dan Normah Teh.(2010). *Sinergi dalam Pengurusan Sekolah*. Selangor.PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Hishamuddin Shah Bin Mokri, Mohd Rizal Bin Atan, Supian Bin Hashim. (2013). *Hubungan Antara Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dengan Kepuasan Kerja Guru Di Sekolah Kebangsaan Kurang Murid Gemilang Tujuh Segamat, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamilah Man, Yahya Don & Siti Noor Ismail (2016). *Kepimpinan Transformasional dan Kualiti Guru Generasi Y*. Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil.3 Isu 1.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass
- Nursyafina Shaffie, Aida Hanim Abdul Hamid & Ghazali Darusalam, (2018). *Amalan Kepimpinan Transformasional Dalam Kalangan Guru Besar Terhadap Keberkesanan Sekolah Di Daerah Subis*. *Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Malaysia Online Journal Education*. Vol. 2 No. 2, 21-28
- Norlaili Abd Wahab & Mohd Yusof Abdullah (2018). *Hubungan Gaya Kepimpinan dan Pengurusan Kerja Guru Besar dengan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Agama Kerajaan Johor*. *Fakulti Bahasa dan Pendidikan, Kolej Universiti Islam Melaka. Journal of Ilmi* . Jilid 8, 2018: 136-150

- Nur Faezah & Dayang Norizah. (2018). *Kepimpinan Pengajaran, Sekolah Berkesan, dan Peradapan Organisasi di Pedalaman Sarawak*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 2, (page 127 - 136), 2018 . Universiti Malaysia Sabah.
- Sergiovanni, T. J. (2001). *The principalship: A reflective practice perspective*. Allyn & Bacon/Longman Publishing, a Pearson Education Company, 1760 Gould Street, Needham Heights, MA 02494. Web site: <http://www.abacon.com>
- Sarvinder Singh & Ahmad Esa, (2008). *Kepimpinan dalam menghadapi isu-isu semasa pendidikan*. Jabatan Ikhtisas Pendidikan, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn. Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008.
- Troy A McCarley, Michelle L Peters and John M Decman. (2014). Transformational Leadership Related To School Climate: *A Multi-Level Analysis*. Educational Management Administration & Leadership 1–21
- YScouts Ethical Leaders. (n.d). 10 Ethical leadership characteristics, attributes & traits. Retrieved from <http://yscouts.com/10-ethical-leadership-characteristics/>
- Zepeda, S. J. (2012). *Instructional supervision: Applying tools and concepts*. Eye on Educatio

## Hubungan Antara Tekanan Dengan Daya Tindak Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Muallim

Muhammad Nur Naim Abdul Rehman

SK Bandar Penawar

nurnaimrehman@gmail.com

### Abstrak

*Kajian ini bertujuan melihat hubungan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim, Perak. Pemilihan sampel dijalankan secara persampelan rawak mudah di empat buah sekolah iaitu SMK Proton City, SMK Khir Johari, SMK Bandar Behrang 2020 dan SMK Dato' Zulkifli Muhammad. Seramai 214 orang murid telah dipilih sebagai responden kajian ini. Data kajian diambil menggunakan tiga bahagian soal selidik iaitu Demografi, serta inventori yang telah digunakan dalam kajian ini adalah 10-Item Perceived Stress Scale (PSS-10) dan Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT). Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif, ujian-t dan analisis korelasi. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat tahap tekanan dan tahap daya tindak pelajar tingkatan empat. Analisis menggunakan Ujian T digunakan dalam melihat sama ada terdapat perbezaan antara tekanan dan daya tindak berdasarkan jantina pelajar. Selain itu, analisis menggunakan kaedah korelasi Pearson digunakan bagi mengenal pasti hubungan yang signifikan antara tekanan dengan daya tindak pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap tekanan responden pada tahap sederhana manakala tahap daya tindak juga adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan tekanan dan daya tindak dalam kalangan lelaki dan perempuan. Manakala, dapatan ujian analisis korelasi Pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim bersamaan nilai  $r = -.441$  dan aras kebarangkalian pula adalah  $p = .001$ . Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya daya tindak yang baik dalam mengatasi tekanan yang dialami pelajar. Dengan demikian, beberapa langkah pencegahan perlu diambil bagi membentuk generasi pemimpin negara yang mampu mengawal tekanan serta dan berdaya tindak positif terhadap apa jua cabaran yang dilalui.*

**Kata Kunci:** Tekanan; Daya Tindak; Perceived Stress Scale

## Pengenalan

Dalam era globalisasi ini, pembangunan teknologi merupakan cabaran penting dalam dunia pendidikan khususnya di negara Malaysia selepas pasca Covid-19. Hal ini adalah bagi melahirkan pelajar yang bersedia dalam melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran, serta kebolehan yang memenuhi piawai sebagai seorang pelajar cemerlang. Seiring dengan paksi sistem pendidikan Negara Malaysia yakni Falsafah Pendidikan Negara (FPN), iaitu memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan berterusan. Falsafah ini merupakan panduan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan memperoleh kesejahteraan diri, dan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam mengembangkan pendidikan, Malaysia memiliki sistem pendidikan yang tersendiri. Sistem pendidikan adalah asas penting dalam membangunkan pelajar ke arah yang lebih baik di samping bertujuan memberi pelajaran di sekolah. Hal ini secara tidak langsung memberi desakan kepada pelajar untuk memenuhi piawai pendidikan yang memerlukan pelajar dengan kejayaan akademik. Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa cabaran pelajar pada masa ini adalah sangat dahsyat dan memerlukan persiapan dan persediaan diri yang mantap. Cabaran yang dilalui pelajar pasca Covid-19 adalah amat dahsyat kerana mereka terdedah dengan penggunaan media sosial dan teknologi yang boleh menjadi faktor kepada berlakunya tekanan dalam diri mereka (Man et. Al., 2023).

Kajian lepas oleh Mamat (2016), membuktikan bahawa kejayaan dan kecemerlangan bukanlah dari aspek pencapaian akademik sahaja, malah ia memerlukan pemantapan pengurusan kesejahteraan mental yang tinggi agar dapat menghasilkan pelajar yang mampu menghadapi cabaran hidup. Maka, sejak awal lagi pelajar hendaklah menitikberatkan aspek kesejahteraan diri termasuklah tekanan dan daya tindak agar dapat memperolehi keseimbangan dari segi emosi, fizikal dan mental. Justeru, aspek tekanan dan daya tindak ini menjadi penting agar murid yang seimbang dan harmoni dapat dilahirkan sejajar dengan hasrat sistem pendidikan di Malaysia.

Dalam laporan Berita Awani pada 10 November 2017, Dr. Mariani menyatakan bahawa pelajar yang berumur 16 tahun tergolong dalam kumpulan individu yang sedang mengalami proses perubahan emosi, sosial dan intelektual.

Manakala, Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad, Alimuiddin Mohd Dom pula telah mengklasifikasikan lima punca yang menjadi faktor utama tekanan atau sebarang isu kesihatan mental pelajar tingkatan empat. Punca pertama adalah berlakunya transformasi sahsiah semasa menempuh fasa peralihan daripada meniti dunia kanak-kanak kepada dunia remaja. Transisi ini merupakan fasa yang amat signifikan. Kedua, mencari idealisme bersandarkan perilaku yang mereka minati. Seterusnya, punca ketiga adalah bersungguh- membuat persediaan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Keempat, tekanan yang datang daripada ibu bapa dan guru agar lebih maju dalam pelajaran. Punca kelima adalah cabaran dalam menentukan kawan-kawan yang sesuai dengan diri mereka dan yang terakhir iaitu keenam adalah keperluan kewangan membeli barang berjenama (Astro Awani, 10 November 2017).

### **Pernyataan Masalah**

Realiti yang perlu kita terima adalah setiap individu pastinya menghadapi tekanan ataupun mengalami tekanan dalam kehidupan hariannya. Setiap manusia tidak terlepas daripada mengalami tekanan kerana ia merupakan asam garam dalam kehidupan. Ia juga merupakan fitrah dalam kehidupan manusia dan ia biasanya timbul apabila seseorang menghadapi ujian dan cabaran hidup. Setiap golongan tidak terkecuali, termasuklah golongan pelajar remaja yang tertekan dengan menganggap bahawa diri mereka perlu menggapai pelbagai perkara iaitu cemerlang dari aspek akademik, kokurikulum, sahsiah dan lain-lain. Namun, adalah penting untuk pelajar memilih daya tindak yang baik.

Terdapat isu berkaitan dengan tahap tekanan remaja perlu diberi perhatian. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Statistik Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2017 menunjukkan satu daripada lima (18.3%) remaja berusia 13 hingga 17 tahun mengalami kemurungan, dua daripada lima (39.7%) pula mengalami keresahan dan satu daripada 10 (9.6%) berdepan dengan tekanan. Menurut laporan National Health and Morbidity Survey (2023), peningkatan 10 peratus cubaan membunuh diri adalah dari kalangan remaja.

Selain itu, kajian oleh Che Wil dan Othman (2021) ke atas 135 orang remaja mendapati responden tersebut berhadapan dengan tekanan serta mempunyai tahap resiliensi diri yang rendah. Dapatan mencatatkan wujudnya hubungan yang signifikan antara tekanan, kebimbangan dan kemurungan dengan resilien responden. Maka, isu berkaitan tahap tekanan remaja khususnya pelajar sekolah menengah perlu ditekankan dalam kajian ini. Justeru, isu tekanan dalam kalangan remaja ini wajar diberi perhatian.

Tekanan merupakan reaksi fizikal dan mental emosi seseorang akibat sesuatu situasi yang menyebabkan seseorang itu tidak mendapat keselesaan hidup. Jika ia tidak dapat diatasi dengan baik, maka ia boleh memberi kesan yang buruk kepada pelajar itu sendiri. Terdapat kes serius berkenaan tekanan ini iaitu pelajar sekolah yang mengalami tekanan dengan kerja sekolah yang banyak, telah menggantung diri dalam bilik air, dan disahkan meninggal dunia. Hal ini disebabkan banyak kerja sekolah yang diberi dan terlalu tertekan untuk belajar (Metro, 25 Ogos 2019). Berikutnya, pada tahun 2020 murid 16 tahun mengalami tekanan di sekolah telah ditemui tergantung di kipas siling dalam bilik dengan kain selimut yang terikat pada leberhanya (Astro Awani, 6 Februari 2020). Seterusnya, pada tahun 2019 pula seorang pelajar 15 tahun menghadapi tekanan dalam pembelajaran nekad terjun daripada tingkat tiga bangunan sekolahnya. (Kosmo!, 21 April 2019). Hal ini telah menjadi bukti kukuh bahawa aspek akademik turut membawa tekanan kepada pelajar. Maka, ia sekali gus mempengaruhi daya tindak pelajar tersebut.

Terdapat juga isu daya tindak dalam kalangan pelajar sekolah yang berlaku pada masa ini. Hal ini disokong dengan bukti kajian oleh Johari et al. (2022). Beliau telah membincangkan mengenai fenomena tingkah laku pelajar yang mempunyai daya tindak untuk mencederakan diri sendiri. Menurut penyelidik, isu tingkah laku mencederakan diri sendiri sebenarnya wujud serta menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pandangan ini seiring dengan laporan masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui National Health and Morbidity Survey (2020). Melalui bukti yang telah dinyatakan, mengukuhkan lagi sebab kajian mengenai tekanan dengan daya tindak ini dijalankan kepada pelajar sekolah menengah.

Menurut Menteri Kesihatan Malaysia iaitu Dr Zaliha Mustafa, menyatakan bahawa pelajar yang juga terdiri daripada kalangan kanak-kanak dan remaja merupakan golongan berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental. Namun begitu, isu berkenaan masih dilihat kurang diberi perhatian. Hal ini termasuklah asbab transisi mereka ke alam dewasa yang merupakan fasa paling kritikal dalam proses perubahan fizikal, kematangan kognitif dan pengurusan emosi sekali gus menyaksikan mereka cenderung untuk rasa keliru dan tersisih apabila tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik dalam jaringan sosial. Justeru, isu ini perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh semua pihak demi melahirkan remaja yang mempunyai kesihatan mental yang baik serta berminda sihat.

Seterusnya, kajian berkaitan tekanan terhadap daya tindak pelajar sekolah menengah sebenarnya kurang diketengahkan. Terdapat kajian lepas yang telah mengkaji tekanan dan daya tindak tetapi di peringkat yang berlainan. Hal ini dibuktikan dengan kajian oleh Ali dan Ahmad (2020) yang mengkaji tekanan dan strategi daya tindak dalam kalangan pelajar program transformasi diri (PTD) di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang (LPGKPP). Selain itu, kajian tahap tekanan dan strategi daya tindak dalam kalangan pelajar sarjana muda oleh Ganesan et al. (2018). Data-data kajian lepas yang mengkaji responden dari kalangan pelajar peringkat tertier (pengajian tinggi) tersebut membuktikan bahawa majoriti daripada kalangan responden mempunyai masalah tekanan berpanjangan serta konflik dalam mempunyai strategi daya tindak yang bersesuaian pada usia lebih awal. Secara tidak langsung, ia memberi galakan kepada pengkaji agar menjalankan kajian terhadap responden dalam peringkat pendidikan yang berlainan, iaitu di peringkat sekolah menengah.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur konstruk tekanan dan daya tindak pelajar sekolah ketika pasca pandemik Covid-19 khasnya bagi melihat keadaan mereka berikutan para pelajar yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran sewaktu pandemik Covid-19 dianggap sebagai ‘the lost generation’ kerana kemahiran bersosial mereka agak lemah kerana penggunaan teknologi dan gadget yang terlampau banyak.

### **Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti tahap tekanan dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim.
- ii. Mengenal pasti tahap daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tekanan dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan jantina di Daerah Muallim.
- iv. Mengenal pasti perbezaan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan jantina di Daerah Muallim.
- v. Mengenal pasti hubungan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim.

## Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap tekanan dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim?
- ii. Apakah tahap daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tekanan dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan jantina di Daerah Muallim?
- iv. Adakah terdapat perbezaan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan jantina di Daerah Muallim?
- v. Adakah terdapat hubungan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim?

## Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, hipotesis telah dibentuk seperti yang berikut:

HO<sup>1</sup> : Tidak terdapat perbezaan tekanan yang signifikan dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan jantina di Daerah Muallim.

HO<sup>2</sup> : Tidak terdapat perbezaan daya tindak yang signifikan dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan jantina di Daerah Muallim.

HO<sup>3</sup> : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim.

## Tinjauan Literatur

Kajian mengenai hubungan antara personaliti dan strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains di daerah Setiu. Kajian ini mendapati bahawa tahap tekanan responden berada pada tahap sederhana, dan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan murid lelaki dan murid perempuan. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid dengan korelasi adalah nilai  $r=.366^{***}$  dan aras kebarangkalian pula adalah  $p=.001$ . Sebaliknya, tidak terdapat hubungan antara personaliti dengan tekanan bersamaan nilai  $r=.175$  dan aras kebarangkalian adalah  $p=.094$  (Atiqah, 2021).

Pada pandangan pengkaji, apabila golongan murid ini menghadapi pelbagai situasi yang memberi tekanan, mereka seharusnya bijak dalam memilih strategi daya tindak dan mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian dengan situasi semasa agar tidak memberikan keburukan terhadap diri sendiri dan persekitaran mereka kelak. Hal ini sekali gus boleh menambah tekanan yang

sedia ada tanpa dapat dikawal oleh murid itu sendiri. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pemilihan strategi daya tindak tidak seharusnya dipandang enteng oleh setiap individu kerana ia menjadi kayu ukur kepada setiap tindakan yang dilakukan dan mempengaruhi kehidupan di masa kini mahupun masa hadapan. (Siti Noor Atiqah, 2021). Kekuatan kajian ini ialah kesesuaian saiz sampel yang digunakan dan pemilihan responden menerusi persampelan yang dirancang dengan teliti iaitu kaedah persampelan rawak berlapis (strata). Manakala kelemahan kajian ini adalah melibatkan responden dari kalangan remaja tingkatan empat aliran sains sahaja. Maka, kelemahan kajian ini telah memberi idea kepada pengkaji untuk mengkaji responden tingkatan empat tanpa mengira aliran. Hal ini bagi merapatkan jurang dalam kajian ini serta menyumbang kepada ilmu baharu.

Berikutnya adalah kajian oleh Aisyah Nabila dan Mardzelah (2021) yang mengkaji strategi daya tindak dan tahap tekanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan strategi daya tindak berdasarkan jantina iaitu  $-0.945$  ( $p > 0.05$ ) dan turut didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres berdasarkan jantina.  $-0.320$  ( $p > 0.05$ ). Keputusan kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara strategi daya tindak dengan tahap stres pelajar ( $r = 0.405$ ,  $p > 0.05$ ). Pengkaji dalam kajian tersebut juga berpendapat bahawa apabila seseorang berhadapan dengan masalah namun tidak menggunakan sebarang daya tindak, hal ini akan menambahkan lagi risiko seseorang mengalami masalah tekanan, kemurungan dan masalah mental yang lain. Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar menggunakan daya tindak berkesan bagi menghadapi sesuatu situasi tegang atau tekanan yang tinggi. Dengan menggunakan daya tindak, seseorang boleh berhadapan dengan tekanan atau boleh mengurangkan dan meminimakan situasi yang menekan dan seterusnya membentuk kesejahteraan seseorang. Kekuatan yang didapati berdasarkan kajian ini adalah menggunakan kajian lepas yang terbaru iaitu lima tahun lepas. Ia jelas menunjukkan bahawa kajian ini mendasari kajian yang terbaru dalam kajiannya serta mampu memenuhi jurang kajian lepas. Tambahan pula, kajian ini juga dijalankan dengan tidak mengulangi kajian dalam bidang yang sama. Sebaliknya, terdapat juga kelemahan dalam kajian ini. Sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah tidak seimbang. Ini kerana objektif kajian adalah mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan dan juga strategi daya tindak berdasarkan jantina. Bilangan yang tidak seimbang ini mempengaruhi hasil dapatan kajian yang kurang tepat. Kajian ini mampu menyumbang kepada kajian baharu adalah dengan mengkaji konstruk yang sama, objektif serta hipotesis yang sama, termasuklah golongan responden iaitu remaja. Oleh itu, pengkaji boleh merujuk dapatan kajian ini untuk menyokong hasil dapatan kajian yang baharu. Walau bagaimanapun,

terdapat seperkara yang belum dikaji oleh kajian tersebut yang akan diatasi dalam kajian ini oleh pengkaji iaitu dari segi lokasi. Lokasi kajian tersebut adalah di sebelah utara, namun kajian baharu pula mengkaji pelajar di negeri yang terletak di tengah semenanjung Malaysia iaitu di negeri Perak. Kajian baharu ini juga akan mengurangkan jurang kajian lepas dari sudut lokasi iaitu metodologi yang digunakan dalam kajian.

Selain itu, terdapat kajian oleh Mohamad Faizel dan Nor Shafrin (2020) yang mengkaji tekanan dan strategi daya tindak dalam kalangan pelajar Program Transformasi Diri (PTD) di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang (LGPKPP). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden berada pada tahap tekanan yang ringan dan sederhana. Kedua, dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang antara jantung tahap tekanan yang dihadapi. Ketiga, responden kajian ini cenderung menggunakan strategi daya tindak engagement iaitu kemampuan untuk menguruskan masalah yang dihadapi oleh mereka. Maka, kajian ini membuat kesimpulan bahawa tindakan penyelesaian dalam membantu pelajar yang mengalami masalah tekanan adalah diperlukan. Kajian ini juga memberi maklumat awal kepada pihak pentadbiran IPGM bagi merangka program pengurusan tekanan yang khusus berkaitan kemahiran strategi daya tindak. Menurut pandangan pengkaji lepas, program pengurusan stres yang dirangka juga perlulah menggunakan pendekatan yang sesuai dengan persekitaran pengajian IPGM serta dapat menangani masalah stres secara berkesan. Selain itu, terdapat juga kekuatan dan kelemahan kajian ini. Kekuatan kajian ini adalah kajian ini dijalankan bagi memenuhi pernyataan masalah berkaitan dengan isu kejadian bunuh diri seorang pelajar guru akibat mengalami tekanan kritikal, serta terdapat bukti kajian menunjukkan kurangnya program pengurusan tekanan dan kemahiran daya tindak pelajar IPGM sehingga menyebabkan mereka mudah tertekan dan tidak memberikan perkhidmatan terbaik semasa latihan praktikum. Sebaliknya, terdapat juga kelemahan kajian ini adalah berkaitan dengan lokasi iaitu hanya mengambil responden pelajar guru yang terlibat dengan PTD di kampus Pulau Pinang. Kajian ini tidak mengkaji keseluruhan pelajar IPGM kerana terdapat peningkatan kes berhenti dari pengajian.

Di samping itu, terdapat kajian yang bertajuk Tekanan dan Mekanisme Daya Tindak dalam Kalangan Remaja yang Tinggal di Rumah Anak Yatim: Pengalaman dari Lembah Klang, Malaysia (Marjan et al., 2018). Kajian ini mendapati remaja perempuan serta responden yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi cenderung mengalami tekanan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan yang ketara antara lelaki dan perempuan dalam menggunakan mekanisme daya tindak dalam gangguan sendiri ( $t = -2.39, P = .01$ ), penggunaan

bahan ( $t = 2.12$ ,  $P = .03$ ), penggunaan sokongan emosi ( $t = -2.70$ ,  $P = .001$ ), jenaka ( $t = 2.28$ ,  $P = .02$ ), dan agama ( $t = -2.19$ ,  $P = .02$ ). Secara keseluruhan, keputusan menunjukkan tahap tekanan yang tinggi dan corak daya tindak negatif dalam kalangan peserta. Hal ini menunjukkan tindakan segera perlu diambil bagi mengurangkan tekanan dan meningkatkan kaedah daya tindak dalam remaja di Malaysia. Menurut kajian tersebut, hasil dapatan kajian ini adalah bukti penting untuk mereka bentuk program perkembangan bagi meningkatkan kesihatan mental dan tingkah laku dalam kalangan remaja rumah anak yatim di Malaysia. Mahupun begitu, pengkaji telah mengenal pasti kekuatan kajian tersebut iaitu menggunakan soal selidik DASS-21 dan Brief COPE yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Soal selidik ini telah diterjemah ke bahasa Melayu mengikut kesesuaian budaya di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyatakan bahawa soal selidik DASS-21 yang digunakan hanya mengkaji item-item yang berkaitan dengan tekanan. Hal ini memandangkan soal selidik digunakan untuk mengkaji tiga konstruk iaitu tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Kajian ini juga membantu pengkaji bagi menjalankan kajian kerana telah memberikan gambaran awal bahawa remaja perempuan cenderung mempunyai tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Maka, bukti kajian ini juga dapat membantu dan menyokong sekiranya kajian baharu ini didapati mempunyai hasil kajian yang sama, walaupun responden adalah berbeza iaitu murid remaja sekolah menengah. Perkara yang belum dikaji oleh kajian tersebut adalah mengkaji hubungan ataupun korelasi yang wujud di antara strategi daya tindak dengan tahap tekanan remaja. Ia adalah penting bagi melihat sama ada dua konstruk ini berkait antara satu sama lain, dan perkara ini telah diberi perhatian serta akan dikaji oleh pengkaji.

Kajian yang seterusnya adalah mengkaji tahap stres dan strategi mengatasi di kalangan pelajar sarjana muda oleh Ganesan et al. (2018) yang juga merupakan kajian kuantitatif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa universiti mempunyai tahap tekanan yang sederhana. Selain itu, terdapat hubungan songsang yang signifikan antara tahap tekanan dan strategi daya tindak dalam kalangan mahasiswa yang menunjukkan mereka yang mempunyai tahap tekanan yang rendah mempunyai strategi mengatasi tekanan yang baik. Tekanan yang baik menggalakkan mereka ke arah perubahan dan perkembangan diri. Walau bagaimanapun, apabila mereka tidak dapat mengatasi tekanan, mereka akan terbeban. Pengkaji dalam kajian ini mengesyorkan bahawa mahasiswa digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan bagi mengurangkan tekanan. Berikutnya, kekuatan kajian ini adalah pengkaji tersebut menjalankan kajian bagi mendapatkan jawapan berdasarkan pernyataan masalah. Kajian ini dijalankan kerana terdapat beberapa dapatan kajian lepas yang

bercanggah. Misalnya, beberapa penyelidik menyatakan bahawa wanita lebih tertekan dan mendapat markah yang lebih tinggi dalam inventori tekanan berbanding lelaki namun terdapat kajian lain yang menunjukkan bahawa lelaki lebih tertekan kerana strategi daya tahan yang lemah. Tambahan pula, Terdapat juga sedikit atau tiada kajian semula yang dijalankan terhadap tahap tekanan dan etnik dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Maka, pengkaji menghasilkan objektif kajian dengan menilai tahap tekanan dan strategi daya tindak dalam kalangan mahasiswa, tahap tekanan dan hubungan strategi daya tindak dan mengenal pasti tahap tekanan dan strategi daya tindak berdasarkan jantina dan kumpulan etnik mereka dalam kajian yang terbaru. Selain itu, kajian ini juga menggunakan soal selidik *Perceived Stress Scale* (PSS) dan *Adolescent Coping Scale* (ACS) dalam bahasa Inggeris dan juga versi bahasa Malaysia. Soal selidik yang mempunyai dwi-bahasa ini berupaya untuk memberikan kefahaman kepada responden yang berlainan bangsa dan etnik. Namun demikian, kelemahan kajian ini juga telah dikenal pasti. Pemilihan sampel tidak dinyatakan berdasarkan bilangan jumlah populasi dan formula yang digunakan dalam mendapatkan jumlah sampel seramai 86 orang. Namun begitu, kajian ini masih mampu menyumbang kepada kajian kini, iaitu melalui hasil dapatan kajian berkaitan dengan tekanan dan strategi mengatasi tekanan atau daya tindak. Selain itu, kajian ini juga mengkaji berkaitan perbezaan jantina yang juga sama seperti kajian yang akan dijalankan. Terdapat perkara yang belum dikaji oleh kajian tersebut berkaitan dengan responden kajian. Kajian lepas mengkaji tekanan dan daya tindak dalam kalangan mahasiswa manakala pengkaji akan mengatasi perkara ini dengan mengkaji pelajar sekolah menengah. Selain itu, pengkaji juga akan memilih sampel kajian mengikut kesesuaian populasi yang diambil, misalnya dengan merujuk Jadual Cohen yang terbaru dalam membuat pemilihan sampel yang tepat.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Reka bentuk kajian tinjauan ini bersesuaian dengan objektif kajian ini dan menggunakan soal selidik sebagai alat ukur bagi mengumpulkan data. Borang soal selidik kajian ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah berkaitan maklumat demografi diri pelajar, manakala Bahagian B adalah borang soal selidik 10-Item *Perceived Stress Scale* (PSS-10) dan Bahagian C merupakan borang soal selidik Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT). Manakala, analisis korelasi digunakan untuk memperolehi data mengenai hubungan daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini di daerah Muallim iaitu meliputi empat buah sekolah menengah; Sekolah Menengah Kebangsaan Proton City, Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Sekolah Menengah

Kebangsaan Bandar Behrang 2020 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Zulkifli Muhammad. Sekolah-sekolah ini merupakan sekolah menengah harian, maka ia dijadikan pilihan pengkaji disebabkan faktor sekolah ini dapat membantu pengkaji memenuhi segala keperluan dan kehendak persoalan kajian. Populasi bagi kajian ini adalah seramai 464 orang pelajar tingkatan empat. Menurut Jadual Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), sampel kajian yang dipilih adalah seramai 214 orang murid. Maklumat mengenai jumlah sampel mengikut sekolah adalah seperti Jadual 1 dibawah.

**Jadual 1: Populasi dan Sampel Kajian Pelajar Tingkatan Empat Mengikut Sekolah**

<b>Nama Sekolah</b>	<b>Populasi Kajian</b>	<b>Sampel Kajian</b>
SMK Proton City	93 orang pelajar	43 orang pelajar
SMK Khir Johari	152 orang pelajar	70 orang pelajar
SMK Bandar Behrang 2020	131 orang pelajar	60 orang pelajar
SMK Dato' Zulkifli Muhammad	88 orang pelajar	41 orang pelajar
<b>JUMLAH</b>	<b>464 orang pelajar</b>	<b>214 orang pelajar</b>

### **Dapatan Kajian**

Data demografi menunjukkan bahawa daripada 214 orang sampel yang dikutip, seramai 102 orang meliputi 47.7 peratus adalah lelaki, manakala seramai 112 orang meliputi 52.3 peratus adalah perempuan. Taburan frekuensi responden berdasarkan jantina adalah seperti Jadual 2 yang berikut.

**Jadual 2: Taburan Frekuensi Responden Berdasarkan Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Lelaki</b>	102	47.7
<b>Perempuan</b>	112	52.3
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Analisis data telah menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi pemboleh ubah tekanan. Tahap tekanan bagi 214 orang responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor bagi tahap tekanan ialah di antara 0 hingga 40. Pembahagian skor rendah adalah di antara 0 hingga 13, skor sederhana ialah di antara 14 hingga 26, dan skor tinggi ialah di antara 27 hingga 40. Bagi tahap tekanan, hasil kajian mendapati bahawa terdapat

majoriti responden iaitu seramai 112 orang (52.3 peratus) mengalami tekanan yang sederhana, diikuti dengan 97 orang (45.3 peratus) responden mengalami tekanan yang tinggi dan 5 orang responden mengalami tahap tekanan yang rendah (2.3 peratus). Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tekanan pada tahap yang sederhana. Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut tahap tekanan.

**Jadual 3: Tahap Tekanan Berdasarkan Kekerapan dan Peratusan**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Tekanan</b>	Rendah	5	2.3
	Sederhana	112	52.3
	Tinggi	97	45.3
	<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100.0</b>

Selain itu, analisis data telah menunjukkan skor kekerapan dan peratusan bagi pemboleh ubah daya tindak. Tahap daya tindak bagi 214 orang responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor bagi tahap daya tindak ialah di antara 0 hingga 200. Pembahagian skor rendah adalah di antara 0 hingga 70, skor sederhana ialah di antara 71 hingga 160, dan skor tinggi ialah di antara 161 hingga 200. Bagi tahap daya tindak, hasil kajian mendapati bahawa terdapat majoriti responden iaitu seramai 173 orang (80.8 peratus) mempunyai daya tindak yang sederhana, diikuti dengan 22 orang (10.3 peratus) responden mempunyai tahap daya tindak yang tinggi dan 19 orang (8.9 peratus) mempunyai tahap daya tindak yang rendah. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap daya tindak yang sederhana. Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut tahap daya tindak.

**Jadual 4: Tahap Daya Tindak Berdasarkan Kekerapan dan Peratusan**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Daya Tindak</b>	Rendah	19	8.9
	Sederhana	173	80.8
	Tinggi	22	10.3
	<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100.0</b>

HO<sup>1</sup> : Tidak terdapat perbezaan tekanan yang signifikan dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim berdasarkan jantina.

Ujian-t sampel bebas telah dijalankan untuk membandingkan skor tekanan antara pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan di Daerah Muallim. Didapati tiada perbezaan skor yang signifikan antara pelajar lelaki (min = 26.42, sp = 6.16) dan pelajar perempuan (min = 26.84, sp = 7.13;  $t(212) = -4.56$ ,  $p = .65$ , dua-hujung). Magnitud bagi perbezaan antara skor min (perbezaan min = 0.42, 95% aras keyakinan = -2.22 hingga 1.39) adalah sederhana (Cohen's  $d = 0.62$ ). Maka, hipotesis nol yang menyatakan bahawa “tidak terdapat perbezaan tekanan yang signifikan dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim berdasarkan jantina” adalah diterima.

**Jadual 5: Analisis Independent Sample T-Test Perbezaan Tekanan Berdasarkan Jantina**

Jantina	N	Min	Perbezaan min	Sisihan Piawai	t	Signifikan (p)
Lelaki	102	26.42	0.42	6.16	-4.56	.649
Perempuan	112	26.84		7.13		

Signifikan nilai alpha ( $\alpha$ ) = .05

HO<sup>2</sup> : Tidak terdapat perbezaan daya tindak yang signifikan dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim berdasarkan jantina.

Ujian-t sampel bebas telah dijalankan untuk membandingkan skor tekanan antara pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan di Daerah Muallim. Didapati tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara pelajar lelaki (min = 124.14, sp = 29.46) dan pelajar perempuan (min = 121.18, sp = 33.72;  $t(212) = 681$ ,  $p = .50$ , dua-hujung). Magnitud bagi perbezaan antara skor min (perbezaan min = 2.96, 95% aras keyakinan = -5.61 hingga 11.53) adalah rendah (Cohen's  $d = 0.13$ ). Maka, hipotesis nol yang menyatakan bahawa “tidak terdapat perbezaan daya tindak yang signifikan dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim berdasarkan jantina” adalah diterima.

**Jadual 6 Analisis Independent Sample T-Test Perbezaan Daya Tindak Berdasarkan Jantina**

Jantina	N	Min	Perbezaan min	Sisihan Piawai	t	Signifikan (p)
Lelaki	102	124.14	2.96	29.46	6.81	.50
Perempuan	112	121.18		33.72		

Signifikan nilai alpha ( $\alpha$ ) = .05

HO<sup>3</sup> : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim.

Hubungan antara tekanan dan daya tindak dianalisis dengan menggunakan Korelasi Pearson. Dapatan dari Jadual 5 menunjukkan wujud hubungan negatif yang kecil tetapi signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut,  $r = -0.441$ ,  $N = 214$ ,  $p \leq 0.05$ . Arah hubungan negatif menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tekanan yang tinggi mempunyai daya tindak yang rendah. Dapatan yang signifikan dengan tahap tekanan yang rendah pula boleh dikaitkan dengan tahap daya tindak yang tinggi. Sehubungan itu, hipotesis nol bagi hubungan ini, iaitu “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan murid tingkatan empat di Daerah Muallim” adalah ditolak.

**Jadual 7: Ujian Korelasi bagi Tekanan Dan Daya Tindak Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Muallim**

Hubungan antara Pemboleh ubah	N	r	Sig. (2-tailed)
Tekanan dan Daya Tindak	214	-.441	.001

### Perbincangan Kajian

Peringkat tahap tekanan dibahagikan kepada tiga iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan dapatan kajian iaitu mengenai hasil analisis skor kekerapan dan peratusan menjelaskan bahawa tahap tekanan yang dialami oleh pelajar tingkatan empat di Daerah Muallim berada pada tahap tekanan yang sederhana. Kekerapan tahap tekanan mencatatkan seramai 112 orang (52.3 peratus) yang secara majoritinya berada dalam tahap tekanan yang sederhana. Selain itu, terdapat 97 orang (45.3 peratus) yang mengalami tahap tekanan yang tinggi manakala 5 orang responden (2.3 peratus) mengalami tahap tekanan yang rendah. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa majoriti responden mengalami tahap tekanan yang sederhana.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dapatan kajian tahap tekanan keseluruhan responden berada pada tahap sederhana. Namun begitu, jumlah responden yang menunjukkan tahap tekanan mereka berada pada tahap yang tinggi turut sama hampir menyaingi jumlah responden dengan tahap tekanan sederhana. Hal ini wujud akibat daripada pelajar yang mengamalkan cara atau strategi daya tindak bagi menguruskan tekanan dengan baik. Tambahan pula, aktiviti sekolah pada ketika ini sangat padat. Pelajar begitu sibuk dengan aktiviti kokurikulum yang juga melibatkan aktiviti di luar sekolah seperti merentas desa, sukan antara sekolah dan sebagainya. Hal ini menyebabkan pelajar dapat mengimbangkan aktiviti mereka sehari-hari. Natiyahnya, tahap tekanan pelajar berada dalam keadaan sederhana dan tinggi ini perlu diawasi dan diambil peduli agar ia tidak berada pada tahap tersebut dalam tempoh waktu yang lama. Selain itu, hasil dapatan kajian ini disokong oleh kajian terbaru oleh Atiqah Abdullah (2021) yang mendapati bahawa tahap tekanan responden iaitu pelajar tingkatan empat sekolah menengah berada pada tahap sederhana. Malahan, dapatan kajian ini turut selari dengan kajian berikutnya oleh Syaza Husna Zulkifli (2021) yang juga mendapati tahap tekanan pelajar semester 6 ijazah sarjana muda berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya, kajian lain di Malaysia yang turut mengukur tekanan juga iaitu kajian oleh Khairul Anuar Rahimi et al. (2019) turut mendapati bahawa keadaan emosi pelajar sekolah khususnya pelajar menengah atas (tingkatan empat dan lima) yang merangkumi tahap kemurungan, kebimbangan dan tahap tekanan pelajar berada dalam keadaan sederhana namun perlu dijaga agar kesejahteraan diri mereka terkawal dan tidak terjerumus kepada sebarang isu melibatkan kesihatan mental. Di samping itu, kajian oleh Anuar Rahimi et al. (2019) mendapati bahawa tahap tekanan pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima rata-ratanya berada pada tahap yang sederhana. Manakala kajian oleh Ganesan et al. (2018) yang mengkaji tahap tekanan dalam kalangan pelajar universiti juga mendapati bahawa majoriti pelajar di universiti juga mempunyai tahap tekanan yang sederhana.

Pengkaji berpendapat tahap tekanan yang ditunjukkan majoriti responden menerusi kajian ini adalah di tahap yang sederhana berikutan faktor geografi Daerah Muallim yang terletak di luar bandar dan tidak membangun secara pesat dengan kewujudan bangunan pencakar langit, pasaraya mewah dan sebagainya. Maka, kehidupan majoriti penduduk setempat adalah dalam keadaan yang tenang dan stabil tanpa tekanan yang disebabkan oleh 'stres bandar'.

Berdasarkan dapatan kajian, iaitu mengenai hasil analisis skor kekerapan dan peratusan menjelaskan bahawa responden berada pada tahap daya tindak yang sederhana. Jadual 4 yang melibatkan semua item iaitu item negatif dan positif bagi mengukur tahap daya tindak responden kajian iaitu pelajar tingkatan empat. Kekerapan tahap daya tindak mencatatkan seramai 173 orang (80.8 peratus) yang secara majoritinya berada dalam tahap daya tindak yang sederhana. Selain itu, terdapat hanya 22 orang (10.3 peratus) yang mengalami tahap daya tindak yang tinggi manakala 19 orang (8.9 peratus) berada pada tahap daya tindak rendah. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap daya tindak yang sederhana. Hal ini wujud akibat daripada pelajar yang mengamalkan daya tindak yang efektif. Pengkaji juga berpendapat bahawa remaja ini bijak dalam merangka dan memilih jalan penyelesaian dalam sesuatu keadaan mahupun situasi. Ini kerana daya tindak yang baik amatlah diperlukan sebagai penyelesaian kepada situasi yang menekan agar tidak menjadi lebih teruk yang kemudiannya boleh membawa kepada kemurungan. Menurut Ibrahim (2015) mengatakan bahawa seseorang yang mempunyai daya tindak yang boleh boleh didefinisikan dengan kepelbagaian cara mereka berfikir dan tingkah laku yang dipilih ketika berada dalam situasi yang memberikan tekanan dalaman dan luaran seperti yang telah dibincangkan dengan meluas oleh Folkman dan Lazarus sejak tahun 1980.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Sri Nurhayati Selian et al., (2020) yang mendapati bahawa tahap daya tindak bagi pelajar remaja sekolah menengah sehingga ke peringkat pra universiti adalah berada pada tahap sederhana. Seterusnya, kajian oleh Melisa Edora Sanu dan Balas Rathakrishnan (2018) mendapati bahawa tahap strategi daya tindak pelajar sekolah menengah luar bandar berada pada tahap sederhana. Hal ini sememangnya selari dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana Daerah Muallim dikatogerikan sebagai luar bandar di negeri Perak. Kajian terkini oleh Samsudin & Surat (2022) yang mengkaji hubungan strategi daya tindak dan kesihatan mental terhadap pelajar luar bandar dalam menghadapi pembelajaran secara dalam talian turut menunjukkan bahawa dapat yang selari yakni tahap tekanan daya tindak pelajar sekolah menengah berada pada tahap yang sederhana, namun cenderung untuk berubah bergantung pada situasi persekitaran semasa. Dapatan tersebut turut selari dan disokong oleh kajian Bahari et.al, (2021) yang menunjukkan strategi daya tindak seseorang pelajar khususnya pada Ketika usia awal remaja (13-20 tahun) berubah-ubah dan bergantung kepada faktor persekitaran yang menyebabkan tekanan kepada dirinya terjadi.

Hipotesis nol yang pertama di dalam kajian ini berjaya ditolak menerusi Analisa yang dibuat berdasarkan dapatan kajian. Ia bermakna bahawa, menerusi kajian ini dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan dengan daya tindak dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Muallim. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Atiqah Abdullah (2021) yang mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah. Ia juga bertepatan dan selari dengan kajian oleh Khairul Anuar Rahimi et al. (2019) yang mengkaji hubungan antara keadaan emosi dan gaya daya tindak dalam kalangan pelajar berisiko. Kajian ini menggunakan instrumen Depression Anxiety Stress Scale (DASS) bahasa Melayu dan Ujian Gaya Daya Tindak (UGDT) terhadap 140 pelajar tingkatan satu hingga enam dari lima buah sekolah di Hilir Perak. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan antara tekanan dengan gaya daya tindak pelajar berisiko. Hal ini kerana pelajar memiliki tahap tekanan yang normal namun mempunyai strategi mengatasi tekanan yang lebih baik. Menurut pengkaji tersebut, pelajar akan terbeban dengan tekanan yang dihadapi jika tidak dapat mengatasinya dengan baik.

Bagi hipotesis nol kedua dan ketiga di dalam kajian ini iaitu, tidak terdapat perbezaan tekanan dan daya tindak yang signifikan dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Muallim berdasarkan jantung, kedua-dua hipotesis tersebut gagal ditolak kerana dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kedua-dua konstruk tekanan dan daya tindak menurut jantung.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menghasilkan tiga dapatan penting. Sehubungan dengan itu, cadangan penambahbaikan dalam kajian-kajian akan datang boleh dilakukan berdasarkan tiga dapatan utama ini. Pertama, kajian ini telah mendapatkan hasil analisis berkaitan hubungan antara tekanan dengan daya tindak pelajar sekolah menengah. Namun begitu, kajian ini hanya melihat daya tindak secara keseluruhan sahaja. Maka, dicadangkan agar kajian pada masa akan datang diperluaskan dengan mengkaji hubungan dengan membuat pecahan subkonstruk daya tindak secara khusus iaitu daya tindak berfokuskan emosi dan daya tindak berfokuskan masalah pula. Kedua, dicadangkan perkara yang sama juga dilakukan bagi memperluaskan dapatan kajian berkaitan perbezaan daya tindak iaitu melihat perbezaan daya tindak berfokuskan emosi dan daya tindak berfokuskan masalah berdasarkan jantina. Selain itu, dicadangkan agar pengkaji pada masa akan datang mengkaji perbezaan dari sudut demografi yang berbeza, misalnya pendapatan keluarga dan kaum pelajar. Melalui penambahbaikan kajian pada masa akan datang ini, ia mampu memberikan maklumat yang baru serta lebih terperinci.

## Rujukan

- Aisyah Nabila Taifor (2021). Strategi Daya Tindak dan Tahap Stres dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Academia*. [https://www.academia.edu/50059449/Hubungan\\_antara\\_Strategi\\_Daya\\_Tindak\\_dan\\_Stress](https://www.academia.edu/50059449/Hubungan_antara_Strategi_Daya_Tindak_dan_Stress).
- Atiqah, S. (2021). Hubungan antara personaliti dan strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains di daerah Setiu. *UPSI Digital Repository*. <https://ir-upsi-edu-my.ezpuustaka2.upsi.edu.my/doc.php?p?t=d&id=7e36bfc07b9432a5f9216e2285fee0a364a839087ead2>.
- Che Wil, N., & Othman, N. (2021). Tahap resilien dan kesihatan mental individu di era pandemic COVID-19: Satu kajian empirikal dalam kalangan remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 26-34.
- Ganesan, Y., Talwar, P., Fauzan, N., & Oon, Y. B. (2018). A study on stress level and coping strategies among undergraduate students. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 3(2), 37-47.
- Khairul Anuar, M. R., Rahman, K. A., & Sabri, F. (2019). The relation between emotional states and coping styles among high risk students. *Usim.edu.my*. <https://doi.org/2232-0431>.
- Man, E., Arip, M. A. S. M., Jusoh, A. J., & Hassan, N. A. (2023). Development of an Intervention Counseling Module in Addressing the Issue of Violent Behavior Among Secondary School Students: Pembangunan Modul Kaunseling Intervensi dalam Menangani Isu Tingkahlaku Langsung dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 2441.
- Melanie, G. (2017). *The Stress-Proof Brain: Master Your Emotional Response to Stress Using Mindfulness and Neuroplasticity*. New Harbinger Publications.
- Mohammadzadeh, M., Awang, H., Ismail, S., & Kadir Shahar, H. (2018). Stress and coping mechanisms among adolescents living in orphanages: An experience from Klang Valley, Malaysia. *Asia-Pacific Psychiatry*, 10(1). <https://doi.org/10.1111/appy.12311>.

- Mohd Faruhi, J., Kamsani, S.R., & A. Ghani, M. (2022). Tingkah laku mencederakan diri sendiri dalam kalangan remaja: Satu Kajian Konseptual. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 217-238.<https://doi.org/10.32890/jps2022.25.10>. National Health and Morbidity Survey, NHMS(2023).[https://iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/2020/report/2\\_Report\\_NHMS2020\\_Vol2.pdf](https://iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/2020/report/2_Report_NHMS2020_Vol2.pdf)
- Suzana Jaafar, J. L. (1996). *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- World Health Organization. (2019, November 26). *Adolescent health*. [https://www.who.int/healthtopics/adolescent-health#tab=tab\\_1](https://www.who.int/healthtopics/adolescent-health#tab=tab_1).
- Yahaya, A., & Buang, R. (2017). Punca berlakunya masalah gejala gengsterisme di kalangan remaja di beberapa buah sekolah menengah di empat buah negeri. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. 1-12. [http://eprints.utm.my/id/eprint/1483/1/FAKTOR\\_jurnal1](http://eprints.utm.my/id/eprint/1483/1/FAKTOR_jurnal1).
- Zulkifli, H. (2021). *Tahap tekanan terhadap pelajar semester 6 Fakulti Sains Sukan danKejurulatihan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) semasa pandemik Covid*-<https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=>

## Tinjauan Cabaran Pelajar Baharu Di Kolej Matrikulasi Sarawak

**Yip Hiong Chang**

*Kolej Matrikulasi Sarawak*

*ctine.tine81@gmail.com*

### **Abstrak**

*Keupayaan penyesuaian pelajar baharu dengan persekitaran akademik dan sosial baru di kolej matrikulasi mampu mempengaruhi dan merangsang kejayaan mereka di fasa seterusnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak (KMSw) dari aspek personaliti, kekeluargaan, kewangan, akademik, konsep sendiri dan hubungan dengan orang sekeliling. Seramai 163 orang pelajar baharu KMSw terlibat dalam soal selidik Profil Keperluan Pelajar Baharu (PKPB) yang mengukur aspek personaliti diri, hubungan kekeluargaan, kewangan, akademik, konsep sendiri dan hubungan dengan orang sekeliling. Kajian ini mengaplikasikan analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 26. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar baharu KMSw mempunyai personaliti diri di tahap sederhana dan rendah bagi aspek hubungan dengan orang sekeliling. Manakala taburan jumlah pelajar untuk ketiga-tiga kategori rendah, sederhana dan tinggi hampir sekata dalam aspek hubungan kekeluargaan, kewangan, akademik, dan konsep sendiri. Hasil dapatan kajian ini adalah penting bagi memberi implikasi praktikal kepada pihak pengurusan Kolej Matrikulasi Sarawak dalam usaha merancang program intervensi yang bersesuaian demi meningkatkan kesejahteraan pelajar baharu di KMSw ke arah penyesuaian terhadap persekitaran baru.*

*Kata kunci : Cabaran; Pelajar baharu; Kolej matrikulasi*

## **Pengenalan**

Mendukung aspirasi kerajaan Malaysia demi menjadikan pendidikan sebagai pemacu sebuah negara maju yang mampu mendepani cabaran dan permintaan ekonomi dalam bidang STEM, dasar 60:40 Sains/Teknikal:Sastera telah diperkenalkan sejak 1970 (Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025). Sejurus selepas itu, program matrikulasi diwujudkan sebagai platform bagi membangunkan potensi pelajar bumiputera di peringkat pra-universiti sebelum melayakkan mereka menyambung pendidikan ke peringkat lebih tinggi dalam bidang STEM dan professional (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017).

Program Matrikulasi merupakan satu program transisi atau persediaan bagi pelajar lepasan SPM untuk melayakkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. Keupayaan pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak menyesuaikan diri dalam persekitaran baru akan memberi kesan kepada kesejahteraan hidup secara psikologikal dan fizikal seterusnya mempengaruhi prestasi akademik mereka (Subhi et. al., 2011) seterusnya akan mempengaruhi pemilihan program UPU pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, penyesuaian merujuk kepada proses individu menangani tekanan yang dicetuskan oleh tuntutan dalam satu-satu organisasi (Jaafar et al., 2020). Aruguete (2017) turut menyatakan persediaan akademik dan perhubungan dengan pensyarah berkait rapat dengan pencapaian pelajar tahun pertama di institusi pengajian tinggi. Kesediaan pelajar baharu ini penting bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan suasana pengajaran dan pembelajaran matrikulasi memandangkan pengajian mereka hanyalah satu tahun atau dua semester. Dengan masa yang terhad ini, mereka mesti berusaha membina, melatih dan menyediakan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai hidup supaya mampu menghadapi pelbagai cabaran selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara.

## **Sorotan Literatur**

Peralihan ke tahap pendidikan tinggi dalam kehidupan seseorang pelajar adalah proses individu tersebut mengalami perubahan (Shankland et al., 2010) yakni perlu melalui beberapa cabaran. Tempoh peralihan ini juga mewakili perpisahan daripada cara hidup dan norma kebiasaan berhubung dengan pengalaman lepas (Ramsay et al, 2007). Hasil dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa tahun pertama pengajian di institusi pendidikan tinggi menuntut penyesuaian dari aspek akademik, persekitaran dan psikososial (Awang et al., 2017; Besar, Ahmad &

Hashim, 2020). Manakala kajian melalui analisis Model Rasch terhadap pelajar politeknik oleh Effendi & Khairani (2014) telah mengenalpasti lima dimensi utama yang menjadi cabaran responden termasuklah masalah pengajian, peribadi, pembelajaran, kerjaya dan sosial.

Pelajar matrikulasi merupakan pelajar lepasan SPM yang harus memenuhi kriteria keputusan SPM tertentu bagi melayakkan mereka terpilih dalam program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, sudah tentu mereka berhadapan dengan harapan dan ekspektasi yang tinggi daripada orang sekeliling seperti ibubapa dan pensyarah termasuk diri sendiri. Fook & Sidhu (2015) menggariskan lapan cabaran pembelajaran utama yang dialami oleh pelajar institusi tinggi termasuklah cabaran dari segi kognitif, menjadi pelajar aktif, kesukaran dengan bahan bacaan, masalah instruktional, kekangan bahasa, pengurusan masa, bebanan tugas dan perbezaan budaya di tempat pengajian. Kajian kualitatif dengan 27 orang pelajar baharu pengajian tinggi mendapati bahawa pelajar-pelajar tersebut tidak bersedia dengan pembelajaran sendiri tetapi bimbingan rakan sebaya dapat membantu dalam proses penyesuaian mereka dalam persekitaran baru (Cameron & Rideout, 2022).

Cabaran-cabaran pelajar mungkin berbentuk intrinsik dan peribadi seperti kurangnya keyakinan diri, kebimbangan, kemurungan dan insomnia, ataupun berbentuk ekstrinsik seperti kewangan, hubungan interpersonal atau akademik (Stoltz & Weiheymayer, 2010). Dari aspek intrinsik, didapati konsep sendiri seseorang pelajar akan mempengaruhi motivasi akademiknya (Sadiq & Hassan, 2021). Ini bermaksud kesejahteraan diri pelajar amat dipengaruhi oleh cara mereka mempersepsi diri dari segi akademik (Johari & Ahmad, 2019). Manakala dari segi ekstrinsik pula, pelajar di institut pengajian tinggi berhadapan dengan tekanan kewangan khususnya golongan B40 dan M40 (Bakar et al., 2019); serta akademik dan penyesuaian sosial (Besar, Ahmad & Hashim, 2020).

Kesimpulannya, skop cabaran yang dihadapi adalah luas dan pelbagai. Maka, dalam usaha mengenal pasti cabaran pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak, cabaran permasalahan dalam konteks kajian ini merujuk kepada 6 dimensi iaitu (i) personaliti, (ii) hubungan kekeluargaan, (iii) kewangan, (iv) akademik, (v) konsep sendiri dan (vi) hubungan dengan orang sekeliling. Justeru, kajian ini berhasrat dapat menambah baik skop kajian sedia ada agar memberi pandangan baru kepada pihak pengurusan matrikulasi mahupun kaunselor pendidikan dalam perancangan intervensi yang lebih komprehensif.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengesan dan menilai isu-isu yang dihadapi oleh pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak agar perancangan dan pencegahan awal oleh Unit Psikologi dan Kaunseling dapat dilakukan. Seterusnya, hasil dapatan juga dapat membantu pihak kolej dalam pengurusan pelajar baharu.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi:

1. Mengenalpasti tahap cabaran personaliti diri pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak.
2. Mengenalpasti tahap cabaran hubungan kekeluargaan pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak.
3. Mengenalpasti tahap cabaran kewangan pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak.
4. Mengenalpasti tahap cabaran akademik pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak.
5. Mengenalpasti tahap cabaran konsep sendiri pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak.
6. Mengenalpasti tahap cabaran hubungan dengan orang sekeliling atau interpersonal pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak.

## **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap cabaran personaliti diri pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?
2. Apakah tahap cabaran hubungan kekeluargaan pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?
3. Apakah tahap cabaran kewangan pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?
4. Apakah tahap cabaran akademik pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?
5. Apakah tahap cabaran konsep sendiri pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?
6. Apakah tahap cabaran hubungan dengan orang sekeliling pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?

## **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah deskriptif. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu atau masalah yang dihadapi oleh pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak sesi 2021/22. Kajian deskriptif merujuk kepada jenis kajian yang memfokuskan kepada penerangan keadaan semasa sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Konting, 1993). Justeru, pilihan jenis kajian ini dapat meneroka isu-isu pelajar baharu di KMSw yang belum lagi diperolehi.

## **Populasi Dan Persampelan**

Responden kajian terdiri daripada semua pelajar baharu yang mendaftar di Kolej Matrikulasi Sarawak bagi sesi 2021/2022 iaitu 163 orang. Seramai 163 orang responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan melalui Google Form. Mereka diberi tempoh 2 minggu untuk melengkapkan soal selidik berikut.

## **Instrumen**

Borang soal selidik yang digunakan sebagai alat kajian terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A terdiri daripada maklumat demografi pelajar manakala Bahagian B ialah soal selidik Profil Keperluan Pelajar yang digunakan untuk mengenal pasti isu yang dihadapi pelajar baharu.

Borang soal selidik Profil Keperluan Pelajar ialah pengubahsuaian dari UNIMAS Intake Form yang mengandungi 6 sub-bahagian iaitu Personaliti Diri (19 soalan); Hubungan Kekeluargaan (15 soalan); Kewangan (10 soalan); Akademik (20 soalan); Konsep Kendiri (10 soalan); dan Hubungan Dengan Orang Sekeliling (10 soalan). Selain itu, borang tersebut juga ada satu lagi bahagian soalan berstruktur untuk mendapatkan persepsi responden tentang isu yang dihadapi.

## **Dapatan Kajian**

Hasil dapatan yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk memperolehi profil keperluan pelajar baharu KMSW. Jadual 1, menunjukkan maklumat demografi responden.

**Jadual 1: Rumusan Demografi Responden**

Demografi	Kategori	Jumlah (n)	Peratusan
Jantina	Lelaki	74	45.4
	Perempuan	89	54.6
Bangsa	Melayu	44	27.0
	Cina	19	11.7
	India	1	0.6
	Bumiputera	91	55.8
	Lain-lain	8	4.9
Agama	Islam	65	39.9
	Kristian	89	54.6
	Buddha	7	4.29
	Hindu	1	0.6
	Bahai	1	0.6

N = 163

Keputusan analisis cabaran pelajar baharu yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Nilai median dan sisihan piawai (SP) bagi setiap aspek adalah seperti berikut; Personaliti Diri (median = 69.0, sisihan piawai = 12.98); Hubungan Kekeluargaan (median = 65.0, sisihan piawai = 11.71); Kewangan (median = 39.0, sisihan piawai = 7.84); Akademik (median = 73.0, sisihan piawai = 14.81); Konsep Kendiri (median = 33.0, sisihan piawai 8.23); Hubungan Dengan Orang Sekeliling (median = 37.0, sisihan piawai = 6.59).

Persoalan pertama dalam kajian ini adalah ‘apakah tahap cabaran personaliti diri pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?’. Jadual 2 menunjukkan nilai median dan sisihan piawai (SP) bagi aspek Personaliti Diri. Data ini menunjukkan majoriti pelajar berada di tahap skor sederhana dalam aspek personaliti diri (rendah = 0.6%, sederhana = 67.5%, tinggi = 31.9%). Persoalan kedua adalah ‘apakah tahap cabaran hubungan kekeluargaan pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?’. Daripada Jadual 2, tahap hubungan kekeluargaan responden hampir sekata pada kategori skor rendah (35.6%), sederhana (30.7%) dan tinggi (33.7%). Persoalan kajian ketiga merujuk kepada ‘apakah tahap cabaran kewangan pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?’. Jadual 2 menunjukkan tahap cabaran tersebut juga hampir sekata mengikut ketiga-tiga kategori skor iaitu; rendah (33.1%), sederhana (35.6%), dan tinggi (31.3%). Seterusnya, persoalan keempat adalah ‘apakah tahap cabaran akademik pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?’ Pada jadual yang sama, didapati taburan

tahap cabaran akademik adalah hampir sekata pada kategori skor rendah (33.7%), sederhana (34.4%), dan tinggi (31.9%). Bagi menjawab persoalan kajian kelima, ‘apakah tahap cabaran konsep sendiri pelajar baharu di Kolej Matrikulasi Sarawak?’, jadual 2 menunjukkan 35.6% pelajar berada pada kategori skor rendah, 33.7% pada kategori skor sederhana dan 30.7% di kategori skor tinggi. Persoalan kajian terakhir merujuk kepada ‘apakah tahap cabaran hubungan dengan orang sekeliling’. Hasil dapatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 mendapati 38.7% pelajar berada di kategori skor rendah, 29.4% di kategori skor sederhana dan 31.9% di kategori skor tinggi.

**Jadual 2: Analisis Cabaran Pelajar Baharu**

<b>Kategori</b>	<b>PD</b>	<b>HK</b>	<b>Kew</b>	<b>Aka</b>	<b>KK</b>	<b>HOS</b>
Median	69.0	65.0	39.0	73.0	33.0	37.0
SP	12.98	11.71	7.84	14.81	8.23	6.59
Rendah %	0.6	35.6	33.1	33.7	35.6	38.7
n	1	58	54	55	58	63
Sederhana %	67.5	30.7	35.6	34.4	33.7	29.4
n	110	50	58	56	55	48
Tinggi %	31.9	33.7	31.3	31.9	30.7	31.9
n	52	55	51	52	50	52

N = 163, (PD = Personaliti Diri; HK = Hubungan Kekeluargaan; Kew = Kewangan; Aka = Akademik; KK = Konsep Kendiri; HOS = Hubungan dengan Orang Sekeliling)

### **Perbincangan Hasil Dapatan Kajian**

Berdasarkan keseluruhan kajian didapati bahawa majoriti pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak(KMSw) memperoleh skor sederhana dalam aspek cabaran personaliti diri. Ini menunjukkan pelajar KMSw berpendapat bahawa terdapat ruang untuk memperbaiki keperibadian dan perwatakan dari segi penerimaan sendiri dan interaksi dengan orang lain. Keputusan dapatan kajian ini selaras dengan kajian Mustafa et al. (2014) di mana skor majoriti pelajar program Pendidikan di UPSI berada pada tahap sederhana. Ia boleh dijelaskan melalui kajian Mastor (2006) apabila didapati pelajar Melayu mempunyai personaliti malu atau ‘self conciousness’ iaitu cenderung mengambil kira persepsi orang lain sehingga mempengaruhi pemikiran dan tindakan sendiri.

Di samping itu, majoriti responden berada di skor rendah pada cabaran hubungan dengan orang sekeliling. Ia mungkin disebabkan pelajar baharu ini masih dalam proses membina rapport dengan rakan-rakan baru dikenali. Saidon et al. (2020) menyifatkan ciri ini sebagai kemahiran penyesuaian interpersonal seperti komunikasi, pengurusan konflik, dan empati terhadap orang lain. Pihak pengurusan disarankan mengambil langkah intervensi meningkatkan komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar baharu ini kerana pembelajaran di matrikulasi bersifat kooperatif dan memerlukan kerjasama antara satu sama lain.

Manakala tidak wujud tahap pelajar yang signifikan bagi aspek cabaran hubungan kekeluargaan, kewangan, akademik dan konsep sendiri. Namun, pelajar yang berada di kategori rendah dan sederhana perlu diberi perhatian. Kajian lepas menunjukkan penyesuaian akademik pelajar baharu universiti dipengaruhi oleh kualiti pengajaran pensyarah dan fakulti, manakala penyesuaian sosial dipengaruhi oleh perhubungan persahabatan, penyertaan dalam aktiviti rekreasi dan pengurusan masa lapang yang berkait rapat dengan faktor penyesuaian individu dengan institusi itu sendiri (Sevinc & Gizir, 2014).

Hasil analisis dapatan objektif kajian yang telah dibincangkan, beberapa cadangan tindakan susulan telah dikemukakan oleh Unit Psikologi dan Kaunseling sebagai alternatif pencegahan dan pengayaan isu yang dihadapi oleh pelajar baharu KMSw sesi 2021/22. Berikut merupakan cadangan yang dikenalpasti:

1. Mengenalpasti kumpulan pelajar mengikut isu tertentu seperti personaliti diri, kewangan, akademik, konsep sendiri atau hubungan dengan orang sekeliling untuk perkhidmatan kaunseling individu atau kelompok.
2. Meneruskan platform 'Lets Talk' iaitu luahan masalah tanpa prejudis melalui Google Form yang hanya boleh dibaca oleh kaunselor.
3. Merancang aktiviti tahunan Unit Psikologi dan Kaunseling yang berpaksikan tiga kategori pelajar.

### **Kesimpulan**

Keselarasan antara penyesuaian individu dengan persekitaran pelajar baharu telah dibuktikan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik (Rodriguez, Tinajero & Paramo, 2017). Kesimpulannya, pelajar baharu Kolej Matrikulasi Sarawak berhadapan dengan pelbagai cabaran pada fasa transisi dari sekolah menengah ke kolej matrikulasi. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran tersebut sebagai langkah pencegahan awal sebelum menimbulkan tekanan atau masalah psikologikal lain. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu kaunselor, pensyarah, mentor dan pentadbir di KMSw untuk merancang program intervensi bagi membantu pelajar baharu melalui proses penyesuaian dengan jayanya dan mencapai kecemerlangan di peringkat kolej matrikulasi.

## Rujukan

- Abdul Rahman, K. A., Arshad, M. S., Rahim, M. B., Yunus, F. A. N., Hashim, S., & Razali, N. (2020). Tinjauan ke atas hubungan di antara motivasi dengan transformasi budaya kehidupan dalam kalangan pelajar baharu di institut pengajian tinggi (IPT).
- Aruguete, M. S. (2017). Recognizing challenges and predicting success in first-generation university students. *Journal of STEM Education: Innovations and Research*, 18(2).
- Awang, H., Othman, I. W., Suki, N. M., Yusoff, M. S., Jupiter, H., & Razak, R. A. (2017). Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 11.
- Awang, H., Othman, I. W., Suki, N. M., Yusoff, M. S., Jupiter, H., & Razak, R. A. (2017). Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 11.
- Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2).
- Besar, T. N. T., Ahmad, N. S., & Hashim, S. (2020). Penyesuaian Dan Cabaran Transisi Pelajar Tahun Pertama Di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 59-72.
- Cameron, R. B., & Rideout, C. A. (2022). 'It's been a challenge finding new ways to learn': first-year students' perceptions of adapting to learning in a university environment. *Studies in Higher Education*, 47(3), 668–682. <https://doi.org/10.1080/03075079.2020.1783525>
- Effendi, M., Matore, E. M., & Khairani, A. Z. (2014). Mengenal pasti cabaran pelajar Politeknik di Malaysia menerusi model rasch. *Psychology*, 45(1), 30-45.
- Fook, C. Y., & Sidhu, G. K. (2015). Investigating learning challenges faced by students in higher education. *Procedia-social and behavioral sciences*, 186, 604-612.

- Jaafar, F. M., Ariffin, T. F. T., Nordin, H., & Ibrahim, M. F. (2020). Adaptasi Pelajar Baharu Di Institusi Pengajian Tinggi. *Practitioner Research, 1*, 213-228.
- Johari, M. A., & Ahmad, S. (2019). Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang, Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences, 5*(1), 24–36. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol5.1.4.2019>
- Khairani, A. Z., Effendi, M., & Matore, E. M. (2017). Assessing challenges among university undergraduates: A case of Universiti Sains Malaysia. *Advanced Science Letters, 23*(4), 2894-2897.
- Mahfoodh, O. H. A. (2014). Oral Academic Discourse Socialisation: Challenges Faced by International Undergraduate Students in a Malaysian Public University. *International Education Studies, 7*(2), 10-17.
- Mamat, S., Ladin, C. A., Kamaruddin, A. Y., Omar, I. M., & Ismail, N. A. (2021). Covid-19: Cabaran dan Inisiatif dalam Mendepani Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Teradun: Covid-19: The Challenges and Initiatives in Facing the Implementation of Blended Teaching and Learning. *Sains Insani, 6*(2).
- Mastor, K. A. (2006). Personaliti malu dan psikologi membuat keputusan di kalangan pelajar Melayu. *Jurnal Pengajian Umum, 7*, 67-79.
- Ministry of Education Malaysia (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Edisi Keempat.
- Mohamad, N. M. (2021). Cabaran pedagogi norma baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuiips) ketika pandemik wabak koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam, 243-254*.
- Mohamed Jaafar Sadiq, F. W., & Hassan, M. M. (2021). Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6*(2), 75 - 105. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.683>
- Mohd Majid Konting. 1993. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Mustafa, M., Jusoh, A., Syed Salim, S., Bistaman, M., & Mohamed Arip, M. (2014). Personaliti Pelajar Program Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 7, 68-76.
- Nik, N. M. S. A., Ali, R., & Yahya, N. N. (2021). Cabaran Pengajaran Digital Secara Maya Dan Kesediaan Murid Pasca Covid 19: Teacher Challenges in Online Teaching and Student Readiness Post Covid-19. *Sains Insani*, 6(2).
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2013). Retrieved from [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Ramsay, S., Jones, E. & Barker, M. 2007. Relationship between adjustment and support types: young and mature-aged local and international first year university students. *Higher Education*, 54(2), 247–265
- Rodríguez, M. S., Tinajero, C., & Páramo, M. F. (2017). Pre-entry characteristics, perceived social support, adjustment and academic achievement in first-year Spanish university students: A path model. *The Journal of psychology*, 151(8), 722-738.
- Saidon, N. H., Zaini, M. I. A., Sukry, M. A. A., & Ishar, M. I. M. (2020). Amalan kemahiran penyesuaian dalam kalangan pelajar universiti: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 76-81.
- Sevinc, S., & Gizir, C. A. (2014). Factors Negatively Affecting University Adjustment from the Views of First-Year University Students: The Case of Mersin University. *Educational Sciences: theory and practice*, 14(4), 1301-1308.
- Shankland, R., Genolini, C., Franca, L. R., Guelfi, J. D. & Ionescu, S. 2010. Student adjustment to higher education: the role of alternative educational pathways in coping with the demands of student life. *Higher Education*, 59, 353–366.
- Stoltz, P. G., & Weihenmayer, E. (2010). *The adversity advantage: turning everyday struggles into everyday greatness* (2nd ed.). New York: Fireside.

- Subhi, N., Pei, L. C., Nen, S., Nor, N. I. Z., Alavi, K., & Sarnon, N. (2011). Penyesuaian Diri dan Cara Gaya Tindak Pelajar Sabah dan Sarawak di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. *Jurnal Personalia Pelajar*, *14*, 69-79.
- Zhang, D., Cui, Y., Zhou, Y., Cai, M., & Liu, H. (2018). The Role of School Adaptation and Self-Concept in Influencing Chinese High School Students' Growth in Math Achievement. *Frontiers in psychology*, *9*, 2356.

## **BIODATA PENULIS KAJIAN TINJAUAN**

### **1. SALMIAH BINTI MONSHIE**

Setiausaha Bahagian, Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk), Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling) Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Kepakaran beliau adalah pengurusan perkhidmatan kaunseling di sekolah menengah dan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi di organisasi. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

### **2. MAHERAN BINTI ALIAS**

Timbalan Setiausaha Bahagian, Cawangan Pembangunan Strategik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau mempunyai latar belakang pendidikan di bidang Pentadbiran dan Undang-Undang UiTM, Melaka dan Pendidikan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Merupakan guru cemerlang, Bimbingan dan Kaunseling sebelum menjalankan tugas sebagai Kaunselor organisasi Daerah. Bergiat aktif sebagai penceramah bebas ke sekolah dan agensi Kerajaan dalam bidang kepimpinan, motivasi dan integrity dan sebagai kaunselor NGO Dakwah di Kompleks As Saadah, Seremban, Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang kaunselor berdaftar.

### **3. DR. MAZLI SHAM BINTI ABDULLAH**

Pegawai Cemerlang dan Ketua Unit Pembangunan Penyelidikan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk). Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Putra Malaysia (UPM), Sarjana dalam bidang Psikologi Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Psikologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling dan Psikologi Pendidikan terutamanya dalam bidang Pengurusan Tingkah laku Remaja dan kanak-kanak, Metakognitif, Kemahiran Membuat Keputusan, Pengaturan Kendiri dan Kerohanian. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar. Penulis buku Terbang Bersama dan pemenang pingat perak inovasi Darul Aman International, Innovation Competition & Exhibition On 2023.

#### **4. ZURAIHAN BINTI ABU BAKAR**

Penolong Setiausaha Kanan di Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan Sarjana Psikologi Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2022, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2007. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bepengalaman dalam bidang penyelidikan, penulisan artikel dalam bidang bimbingan dan kaunseling dan psikologi pendidikan. Beliau merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA.

#### **5. MOHD HAFIZ BIN MAT HUSSIN**

Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan dalam bidang psikologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2023 dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2012. Beliau merupakan kaunselor berdaftar dan merupakan ahli seumur hidup Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). Beliau mempunyai kemahiran dan berkepakaran dalam mengendalikan kaunseling perkembangan remaja, kanak-kanak, kerjaya dan keluarga.

#### **6. NUR SHA EMA BINTI BAKAR**

Kaunselor di Kolej Vokasional Langkawi di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sains Kaunseling dengan Specialization Courses – Clinical Mental Health Counseling di Universiti Utara Malaysia (UUM) 2022 dan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Malaya (UM) 2008. Kelulusan ikhtisas dalam pendidikan adalah Diploma Pendidikan (Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia (UPM) 2010. Beliau adalah Kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor sejak tahun 2009 dan merupakan Ahli Jawatankuasa Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB) Zon Utara tahun 2024 / 2025. Beliau merupakan ahli seumur hidup Persatuan Kaunseling Pendidikan Malaysia (PEKA). Kepakaran dalam bidang kaunseling kepada remaja, kerjaya dan keluarga.

### **7. DR. MOHAMAD FAIZEL BIN ALI**

Berasal dari Taiping, Perak. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah Kaunseling pengkhususan dalam Pengurusan Stres dan Kesihatan Mental dari Universiti Sains Malaysia. Beliau juga merupakan Kaunselor Berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia. Kini bertugas sebagai Ketua Unit, Unit Psikologi dan Kaunseling, IPG Kampus Pulau Pinang. Beliau terlibat aktif menjalankan penyelidikan dan inovasi dalam bidang kaunseling serta menjadi pakar rujuk kepada rakan kaunselor yang lain. Selain mempunyai kepakaran dalam bidang kesihatan mental turut mempunyai kepakaran dalam pembinaan modul-modul kaunseling dan pembinaan pasukan. Merupakan kaunselor berdaftar dan aktif terlibat dengan program-program berkaitan kaunseling dan pembinaan modul.

### **8. FATIN NURALISSA BINTI ABU SAMAH**

Lahir pada 26 November di Hospital Ampuan Najihah, Kuala Pilah dan berasal dari Batu Kikir, Negeri Sembilan. Mempunyai kelulusan akademik dalam Diploma Kaunseling di Universiti Islam Melaka dan berjaya menamatkan pengajian dalam bidang yang sama iaitu Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar Perak. Kini beliau bekerja dalam bidang perubatan iaitu farmasi di sektor swasta sebagai pembantu farmasi dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam asas kawalan ubat-ubatan serta pengurusan penjagaan kesihatan yang sistematik.

### **9. NOOR HAZWANI BINTI AHMAD MUWARNI**

Kaunselor Pendidikan Daerah di Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (2010), dan Sarjana Sains (Kaunseling) di Universiti Utara Malaysia (2019). Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, kaunseling kerjaya dan bidang pengurusan. Merupakan kaunselor berdaftar dan Ahli Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

### **10. MARIYAMAH BINTI SAINUDIN**

Kaunselor Pendidikan Daerah di Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pendidikan Sultan Idris 2013.

### **11. EZATUL ARNI BINTI ZOLKPLI**

Kaunselor Pendidikan Negeri di Sektor Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Beliau berkelulusan Sarjana (Bimbingan dan Kaunseling) dan Ijazah Sarjana Muda (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pernah memenangi Anugerah Emas bagi pertandingan inovasi antarabangsa kaunselor di Putrajaya tahun 2023. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli PERKAMA.

### **12. FAZILAH BINTI CHE DIN**

Kaunselor Pendidikan Negeri di Sektor Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Beliau berkelulusan Diploma in Accountancy dan Sarjana Muda TESL (Minor Kaunseling) di Universiti Teknologi MARA, *Masters of Educational Psychology* di Universiti Sains Malaysia, dan *Masters of Counselling* di UniSHAM. Kepakaran dalam bidang Kaunseling Kesihatan Mental, CBT, Kaunseling Al-Ghazali, Kaunseling Kerjaya, *Family Counseling Therapy* dan *Creative Expressive Art Therapy*, pembina Modul Kasih Guru, Modul Kerjaya Guru, E-learning & E-pembelajaran, Instrumen MyOWi.

### **13. IRHAM AFANDY BIN AB. RAHIM**

Kaunselor Pendidikan Daerah di Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi dan Komunikasi di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2001. Mengikuti Kursus 14 minggu dalam bidang Kaunseling di Institut Perguruan Darul Aman pada tahun 2005, Sarjana dalam bidang Kaunseling dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2023. Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, menjadi Jurulatih Utama (JU) dalam Modul OMBAK, Modul MUTIARA, Modul Kesejahteraan Diri ( MKD ), Modul Duka lara.

### **14. SUHAILI BINTI SULAIMAN**

Guru bimbingan dan kaunseling di SMKA Melor Kota Bharu Kelantan. Beliau berkelulusan ijazah sarjana sains Kaunseling di Universiti Utara Malaysia (UUM) tahun 2011 dan Bachelor Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun 2000. Beliau merupakan kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia sejak tahun 2005 dan merupakan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB) Zon Pantai Timur 2024/2025. Beliau merupakan ahli seumur hidup Persatuan Kaunseling Pendidikan Malaysia (PEKA). Kepakaran dalam kaunseling kepada remaja, kerjaya, kesejahteraan mental dan keluarga.

### **15. AFFAIZA BINTI DAWAM**

Kaunselor Pendidikan Daerah, Sektor Psikologi & Kaunseling di Pejabat Pendidikan Daerah Tampin, Negeri Sembilan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, UPSI (2009) dan Master Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, UPM (2021). Merupakan Kaunselor Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (KB10968, PA10570). Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pembinaan modul, kaunseling kerjaya dan psikometrik.

### **16. NURMALA BINTI KASDANON**

Kaunselor Pendidikan Daerah, Sektor Psikologi dan Kaunseling di Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Beliau pernah bertugas sebagai Penolong PPD Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid pada 2019 hingga 2022. Beliau memiliki Bachelo Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2002. Berpengalaman dan mempunyai kepakaran selama 22 tahun dalam bidang Bimbingan & Kaunseling serta pembinaan modul. Merupakan *Certified Professional First Aider In Mental Health For School*, Kaunselor Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) dan ahli seumur hidup PERKAMA.

### **17. MARZATUL MARIALIZA BINTI NORUDDIN KB;PA**

Kaunselor Pendidikan Daerah, Sektor Psikologi dan Kaunseling di Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Beliau berkelulusan Bachelo Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pendidikan Sultan Idris 2007 dan Diploma Pengurusan dan Pentadbiran Islam di Kolej Universiti Islam Melaka 2021. Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling pendidikan, kaunseling kerjaya, pembinaan modul, pembinaan instrumen dan team building. Merupakan Pengamal Asas NLP Bersijil, *Certified Professional First Aider In Mental Health For School*, Kaunselor Berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA.

### **18. NORAKMAR BINTI ABD RASHID**

Kaunselor Pendidikan di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2018-kini). Pernah berkhidmat sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling di SMK Tan Sri Abdu Kadir, Mersing (2002-2008), SMK (P) Sultan Ibrahim (2008-2016) dan SMK Gelang Patah, Johor Bahru (2016-2018). Berkelulusan Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pendidikan Sultan Idris 2019 dan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2002. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hampir 22 tahun. Aktif dalam bidang bimbingan dan kaunseling, kaunseling kerjaya, pembinaan instrumen, pembinaan modul dan inovasi. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PEKA.

**19. HALIMATUN SAADIAH BINTI AHMAD USULDIN**

Merupakan Penolong Pengarah Bahagian Matrikulasi (2019 hingga kini) dan pernah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling (2015-2019) sebelum ini bertugas sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling di SMK Bandar Sunway (2008), SMK Puchong Permai (2010) dan SMK Seri Serdang (2011). Berkelulusan Bachelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling (2008) dan Master Pendidikan Psikologi (2019) di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hampir 17 tahun. Aktif dalam penyelidikan, pembinaan instrumen, pembinaan indeks, penyeliaan klinikal, pembinaan modul, pakar kesahan kertas kerja berimpak tinggi oleh KPM, KPT dan JPA serta penulisan ilmiah dan penerbitan dalam bidang psikologi dan kaunseling, bidang pendidikan khas dan kepemimpinan. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA serta mempunyai Lesen Penyeliaan Klinikal Kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

**20. MOHD HAIRI BIN MAHAT**

Guru Bimbingan & Kaunseling di sekolah rendah dalam daerah Kota Marudu di Sabah. Kelulusan akademik bermula dari Diploma Psikologi Kaunseling & Minor Pengajian Islam di Kolej Jaiputra, Kelantan (2002), Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling di UMS (2008), Diploma Pendidikan dengan Bimbingan Kaunseling di IPGM Kampus Tawau (2010) dan Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling di UMS (2017). Kepakaran dalam memberi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Murid (Pedalaman Sabah), alat ujian personaliti dan kerjaya, pengamal ADHTP. Kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan Ahli Seumur Hidup PEKA.

**21. DR. CHONG FUNG YEN @ AZILINA CHONG**

pensyarah utama yang sedang berkhidmat di Politeknik Ungku Omar Perak. Selain sebagai pensyarah, beliau telah menyandang jawatan seperti ketua unit Penyelidikan dan inovasi, menjadi penasihat persidangan antarabangsa dan panel penilai kertas-kertas penyelidikan. Kepakaran beliau adalah dalam bidang penyelidikan sains sosial, penulisan penyelidikan dan analisis data.

**22. MUHAMMAD NUR NAIM BIN ABDUL REHMAN**

Guru Bimbingan Kaunseling di SK Bandar Penawar. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan) di Universiti Pendidikan Sultan Idris 2024 dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan Kepujian dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (2022). Kepakaran beliau adalah dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, pembinaan modul dan advokasi perlindungan kanak-kanak. Selain daripada berkhidmat selaku guru bimbingan kaunseling sepenuh masa, beliau juga bertugas sebagai Child Support Team (CST) Negeri Johor yang ditempatkan dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

**23. YIP HIONG CHANG**

Kaunselor Pendidikan Matrikulasi di Kolej Matrikulasi Sarawak, Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau mempunyai kelulusan Masters Sains dalam Kaunseling di Universiti Sarawak Malaysia 2022, Bachelo Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2005. Kepakaran beliau dalam bidang bimbingan dan kaunseling, kaunseling kerjaya, pendidikan, dan advokasi kesihatan fizikal. Beliau juga merupakan kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

ISSN 1985-3602



9 771985 360007

BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA